

KESEDAR

KELANTAN

LAPORAN TAHUNAN 2016

LEMBAGA KEMAJUAN KELANTAN SELATAN

KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH


MESYUARAT AGUNG TAHUNAN
STRATEGIC PARTNERSHIP

ISI KANDUNGAN

4 **PERUTUSAN DAN KATA-KATA ALUAN**

10 **MAKLUMAT KORPORAT**
12 Ahli Lembaga Pengarah
14 Ahli Jawatankuasa Audit
16 Kumpulan Pengurusan
18 Direktori Pejabat
21 Carta Organisasi

22 **LATAR BELAKANG**
24 Latar Belakang KESEDAR
26 Visi, Misi dan Objektif
27 Piagam Pelanggan
28 Teras Utama
29 Kod Etika

30 **LAPORAN KHIDMAT PENGURUSAN**
32 Memperkasakan Tadbir Urus dan Pengurusan Sumber Manusia
36 Penggunaan ICT dalam Penyampaian Perkhidmatan
38 Pelaksanaan Transformasi Organisasi Secara Menyeluruh

40 **PROGRAM *TOUCH POINT* KESEDAR**
42 Program *Makey Tea*
42 Program Tuisyen Rakyat
43 Program Khidmat Komuniti
44 Program Jelajah Minda - Jom Masuk Kampung

46 **PRESTASI KEWANGAN KESEDAR**
48 Prestasi Perbelanjaan Mengurus
48 Prestasi Perbelanjaan Pembangunan
49 Prestasi Perbelanjaan Wang Amanah

50 **PRESTASI PROGRAM PEMBANGUNAN SEMASA KESEDAR**
52 Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Program Pembangunan Semasa

Prestasi Program Pembangunan Semasa
53 Program Kemudahan Pengurusan
53 Program Premium Tanah
54 Program Rancangan Kemajuan Tanah
55 Program Kemudahan Awam
56 Program Jalan Perhubungan Desa
57 Program Jalan Pertanian
58 Program Utiliti Desa
59 Program Pembangunan Bandar dan Pusat Pertumbuhan

60 **PRESTASI PROGRAM PEMBANGUNAN WANG AMANAH KESEDAR**
Program Pembangunan di Bawah Peruntukan KKLW
62 Program Peningkatan Pendapatan (PPP)
62 Program Bantuan Rumah (PBR)
63 Pembaikian Rumah Rosak-Pasca Banjir
63 Penyelenggaraan dan Pembaikian Dua Mini RTC
64 Bantuan Bencana Alam
64 Projek Naik taraf Bekalan Air RKT Chalil
64 Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK)
65 Program Pembangunan Keusahawanan
67 Program Khas Kos Sara Hidup
67 Program Peningkatan Ekonomi
68 Membaik pulih Premis KEMAS
69 Pengurusan Bayaran Elaun JKKKP Negeri Kelantan Tahun 2016
Program Pembangunan di Bawah Peruntukan ECERDC
70 Projek Agropolitan Kelantan Selatan (PAKS)

72 **LAPORAN PENILAIAN *OUTCOME***

78 **LAPORAN ANAK SYARIKAT**

82 **PENGIKTIRAFAN DAN PENGHARGAAN**
84 Pengurusan Tadbir Urus
87 Pengurusan Sukan

88 **MESYUARAT PENGURUSAN TERTINGGI**
90 Mesyuarat Lembaga Pengarah
90 Mesyuarat Jawatankuasa Audit
90 Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan
91 Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA)
92 Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ)
92 Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan
93 Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pembangunan
93 Mesyuarat Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU) KESEDAR

94 **MAJLIS RASMI DAN PERISTIWA BERSEJARAH**
96 Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC)
96 Majlis Perhimpunan Bulanan
98 Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri
99 Majlis Sambutan Hari Kemerdekaan Ke-59

100 **LIPUTAN MEDIA**

114 **SOROTAN PERISTIWA 2016**

138 **PENYATA KEWANGAN 2016**





PERUTUSAN DAN KATA-KATA ALUAN



1



PERUTUSAN PENGERUSI

Bismillahirrahmanirrahim,

Assalamu'alaikum w.b.t

Segala puji-pujian ditujukan kepada Allah S.W.T, Tuhan yang memiliki sekalian alam ini. Selawat dan salam ditujukan kepada Nabi Muhammad S.A.W., ahli keluarga dan para sahabat Baginda.

Alhamdulillah syukur kehadrat Allah kerana dengan limpah dan kurnia-Nya, telah memberi kesempatan kepada saya untuk menyampaikan perutusan di dalam Buku Laporan Tahunan KESEDAR 2016. Pada tahun ini, KESEDAR telah diluluskan peruntukan berjumlah RM72,943,100.00 untuk melaksanakan tujuh program pembangunan. Selain daripada itu, KESEDAR juga telah diberikan penambahan peruntukan pembangunan untuk pelaksanaan Program Kendalian Hartanah sebanyak RM42,453,000.00 yang menjadikan peruntukan pembangunan KESEDAR berjumlah RM115,396,100.00. Ini membuktikan KESEDAR terus relevan untuk membangunkan Kawasan Kelantan Selatan. KESEDAR juga telah diluluskan sebanyak RM55,376,100.00 untuk perbelanjaan mengurus pada tahun 2016.

KESEDAR juga telah memenangi beberapa anugerah sepanjang tahun 2016 iaitu mengekalkan Anugerah Sijil Audit Bersih Tanpa Teguran, Anugerah Pengurusan Aset Alih, Anugerah Pejabat Negeri Terbaik (LKW), Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam (Pengurusan), Anugerah AKRAB (Organisasi Dinamik) serta beberapa anugerah lain lagi.

Saya menyeru kepada warga KESEDAR supaya terus melipatgandakan usaha agar segala perkhidmatan yang diberikan kepada masyarakat adalah perkhidmatan yang berkualiti dan memenuhi aspirasi kumpulan sasar.

Akhir kata, saya megucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada KKLW, semua ahli Lembaga Pengarah KESEDAR, pihak pengurusan dan kakitangan KESEDAR, jabatan serta agensi persekutuan dan negeri serta semua pihak yang telah memberikan kerjasama dan menyumbang kepada pembangunan di Kawasan Kelantan Selatan.

Sekian, terima kasih.



.....

Datuk Haji Abdul Aziz bin Derashid
Pengerusi
Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR)



KATA-KATA ALUAN
PENGURUS BESAR

Bismillahirrahmanirrahim,

Assalamu'alaikum w.b.t

KESEDAR terus gigih berusaha untuk membangunkan Kawasan Kelantan Selatan dalam arus globalisasi yang semakin mencabar selari dengan perkembangan alam siber. Ini bagi memastikan Kawasan Kelantan Selatan terus maju dan berdaya saing serta mempunyai ekonomi yang kukuh bagi menuju ke arah negara berpendapatan tinggi.

Tahun 2016 merupakan lembaran baharu bagi Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11). Penekanan Program Transformasi Ekonomi terus menjadi kesinambungan untuk mengorak langkah membangunkan ekonomi Kawasan Kelantan Selatan. Pelbagai program yang dilaksanakan oleh KESEDAR iaitu pelancaran *Mobilepreneur, Rural Bisness Challenge* (RBC), Program Peningkatan Kos Sara Hidup, Latihan Keusahawanan, menaiktaraf premis perniagaan, dan mewujudkan Kiosk Usahawan KESEDAR. KESEDAR juga turut menghantar usahawan-usahawan bimbingan untuk menyertai pelbagai ekspo dan pameran bagi meningkatkan dan meluaskan rantaian promosi dan pasaran.

Tiga elemen yang dikenal pasti bagi membudayakan keusahawanan dan inovasi di KESEDAR. Pertama, perlu lebih serius dalam pembangunan keusahawanan bermula dengan skim latihan, inkubator, dan peringkat bantuan promosi dan pemasaran. Kedua, membudayakan perkongsian kepakaran. Kita memerlukan sinergi dan kerjasama dengan pihak lain. Ketiga, membudayakan inovasi yang perlu kepada idea yang lebih kreatif. Inovasi adalah penting untuk menghasilkan sesuatu yang baharu, menarik, *functional* dan melahirkan nilai ekonomi.

Akhir kata, saya mengucapkan tahniah kepada semua pegawai dan kakitangan KESEDAR yang telah bertungkus lumus untuk menjayakan program-program KESEDAR samada secara langsung atau tidak langsung supaya KESEDAR terus unggul dan dominan di Kawasan Kelantan Selatan.

Sekian, terima kasih.



.....

Dato' Haji Fazam bin Mat Lazim
Pengurus Besar
Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR)



MAKLUMAT KORPORAT

2

Ahli Lembaga Pengarah



1. **YB. Datuk Haji Abdul Aziz bin Derashid**
   Pengerusi
2. **YB. Dato' Paduka Nozula bin Mat Diah**
   Timbalan Pengerusi

Ahli (Wakil Kerajaan Persekutuan)

3. **YBhg. Dato' Dr. Ahmad Jailani bin Muhamed Yunus**
   (mulai 25 Julai 2016)
4. **YBhg. Dato' Noor - Ihsan bin Hj. Che Mat**
   (mulai 1 April 2016)
5. **YM. Engku Zakir Hussein bin Syed Abdullah**



Ahli (Wakil Kerajaan Negeri)

6. **YB. Dato' Haji Mohd Faudzi bin Haji Che Mamat**
7. **YB. Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi**
8. **YBhg. Dato' Haji Nazran bin Muhammad**

Ahli (Wakil Profesional)

9. **YBrs. Tuan Haji Mohamad Saufi bin Deraman**
10. **YBrs. Encik Eriandi bin Dato' Ismail**
    (mulai 1 April 2016)

Pengurus Besar

11. **YBhg. Dato' Haji Fazam bin Mat Lazim**



Ahli Jawatankuasa Audit



Pengerusi

1 YBhg. Dato' Noor - Ihsan bin Hj. Che Mat
(mulai 1 Ogos 2016)



Ahli

2 **YBhg. Dato' Dr. Ahmad Jailani bin Muhamed Yunus**
(mulai 1 Ogos 2016)

3 **YM. Engku Zakir Hussein bin Syed Abdullah**

4 **YBrs. Encik Eriandi bin Dato' Ismail**
(mulai 1 Ogos 2016)

Setiausaha

5 **Puan Azlina binti Ghazali**



Kumpulan Pengurusan





1. **YBhg. Dato' Haji Fazam bin Mat Lazim**
   Pengurus Besar
2. **YBrs. Tuan Haji Othman bin Ismail**
   Timbalan Pengurus Besar (Pembangunan)
3. **YBrs. Encik Iskandar Zurkarnain bin Ibrahim**
   Timbalan Pengurus Besar (Pengurusan)
4. **Tuan Haji Mohamad Suhaimi bin Othman**
   Pengurus Bahagian Perancangan dan Penilaian
5. **Encik Md. Asri bin Jusoh**
   Pengurus Bahagian Pembangunan Masyarakat
6. **Tuan Haji W. Muhd Rahimi bin Wan Salleh**
   Pengurus Bahagian Pembangunan Pertanian
7. **Puan Norlidasaidi binti Awang Teh**
   Pengurus Bahagian Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan
8. **Encik Kamal Badrul Hisham bin Mohamed**
   Pengurus Bahagian Kewangan
9. **Puan Yunaiha binti Ismail**
   Pengurus Bahagian Pentadbiran dan Pengurusan Sumber Manusia
10. **Encik Hasri Rifdi bin Mamat @ Hamzah**
    Pengurus Bahagian Teknologi Maklumat
11. **Encik Wan Mohd Zaed bin Mamat @ Wan Ab. Hamid**
    Pengurus Bahagian Hartanah
12. **Puan Maskhariah binti Samsudin**
    Pengurus Bahagian Pemantauan dan Penyelarasan
13. **Tuan Haji Wan Johan bin Wan Hassan**
    Pengurus Wilayah Jeli
14. **Encik Mohd Fadhly bin Ab. Manaf**
    Pengurus Wilayah Gua Musang
15. **En. Mohd Faudzi bin Abdul Rahman**
    Pengurus Wilayah Kuala Krai
16. **Encik Wan Zaimi bin Wan Daud**
    (mulai 22 April 2016)
    Ketua Unit Integriti
17. **Puan Azlina binti Ghazali**
    Ketua Unit Audit Dalam
18. **Puan Nurhayati binti Mat Rusok**
    Ketua Unit Komunikasi Korporat
19. **Cik Fawrah 'Aimi binti Moh Bakery**
    Ketua Unit Undang-undang
20. **Ir. Mohd Suhaili bin Ismail**
    (mulai 1 Disember 2016)
    Pengarah Unit JKR KESEDAR

Direktori Pejabat

Ibu Pejabat
Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan
Kompleks Ibu Pejabat KESEDAR
Bandar Baru Gua Musang
18300 Gua Musang
Kelantan.
Tel : 09-9132200
Faks : 09-9121211
E-mel : kesgm@kesedar.gov.my
Portal: www.kesedar.gov.my
Twitter : http://twitter.com/Kesedarkklw
Facebook : http://facebook.com/Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan
Instagram : kesedar_kklw

Pejabat Pengerusi
Pejabat KESEDAR Wilayah Jeli

Tel : 09-9440104
Faks : 09-9441388
E-mel : adr_KB@yahoo.com.my

Pejabat Pengurus Besar
Ibu Pejabat KESEDAR

Tel : 09-9132222/09-9132278
Faks : 09-9121211
E-mel : fazam@kesedar.gov.my

Pejabat Timbalan Pengurus Besar
(Pembangunan)

Ibu Pejabat KESEDAR
Tel : 09-9132223/09-9132217
E-mel : hjothman@kesedar.gov.my

Pejabat Timbalan Pengurus Besar
(Pengurusan)

Ibu Pejabat KESEDAR
Tel : 09-9132202/09-9132211
E-mel : iskandar@kesedar.gov.my

Pejabat-pejabat Wilayah

Pejabat KESEDAR Wilayah Gua Musang

Kompleks Ibu Pejabat KESEDAR
Bandar Baru Gua Musang
18300 Gua Musang
Kelantan.
Tel : 09-9132200, Faks : 09-9132373

Pejabat KESEDAR Wilayah Kuala Krai

Lot 5125, Jalan Kuala Krai Gua Musang
18000 Kuala Krai
Kelantan.
Tel : 09-9667220, Faks : 09-9603220

Pejabat KESEDAR Wilayah Jeli

Bandar Baru Jeli
17600 Jeli
Kelantan.
Tel : 09-9440281, Faks : 09-9441388

Syarikat Subsidiari

KESEDAR Perkilangan Sdn. Bhd. (KPSB)

PT. 9307, Bangunan KPSB
Bandar Baru Gua Musang
18300 Gua Musang
Kelantan.
Tel : 09-9120788, Faks : 09-9120799

KESEDAR Dagang Sdn. Bhd. (KDSB)

PT.2976 &2977
Taman KESEDAR Jaya
18300 Gua Musang
Kelantan.
Tel : 09-9123378, Faks : 09-9124913

KESEDAR Inn Sdn. Bhd (KISB)

Jalan KESEDAR Inn
18300 Gua Musang
Kelantan.
Tel : 09-9121229, Faks : 09-9122131

KESEDAR Travel & Tours Sdn. Bhd. (KTTSB)

Dataran KESEDAR
18300 Gua Musang
Kelantan.
Tel : 09-9126366, Faks : 09-9126344

Carta Organisasi





LATAR BELAKANG

3

Latar Belakang

KESEDAR merupakan sebuah Lembaga Kemajuan Wilayah (LKW) yang ditubuhkan pada 2 Mac 1978 di bawah Akta Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan 1978 (Akta 203).

Pelancaran perasmian penubuhannya disempurnakan oleh Allahyarham Tun Hussein Onn, Perdana Menteri Malaysia Ketiga pada 5 Mac 1978 di Kampung Batu Gajah, Tanah Merah, Kelantan.

Penubuhan KESEDAR adalah bertujuan :

a) membangunkan kawasan pedalaman Kelantan iaitu Kelantan Selatan dengan hala cara perancangan dan pembangunan secara menyeluruh;

b) mengadakan satu saluran bagi mendapatkan peruntukan kewangan dan tenaga pelaksana untuk memajukan Kelantan Selatan; dan

c) menyusun semula penduduk negeri Kelantan yang sebahagian besarnya tertumpu di sebelah Utara (nisbah kepadatan Kelantan Utara :Kelantan Selatan adalah 58.8 org/km^2:8.7 org/km^2).

Tujuan penubuhan KESEDAR yang disebutkan dalam Seksyen 4 (1), Akta 203 telah memperuntukkan tugas kepada KESEDAR untuk memaju, menggalak, mengusaha dan membantu dalam pembangunan ekonomi, sosial, perumahan, pertanian, perdagangan dan perindustrian seterusnya bertindak sebagai agensi peneraju dalam mengawal dan menyelaras semua pembangunan aktiviti berkenaan di Wilayah Kelantan Selatan.

Kawasan operasi KESEDAR telah diluluskan pada 15 November 1979 di bawah Pelan Warta 191 dan Pelan Warta 217 negeri Kelantan. Ianya berkeluasan 1.234 juta hektar yang merangkumi 4 jajahan iaitu Gua Musang (797,976 hektar), Kuala Krai (235,689 hektar), Jeli (128,304 hektar) dan sebahagian Tanah Merah (72,263 hektar). Kedudukannya berada di lokasi yang strategik iaitu terletak di pintu laluan antara sempadan negara Thailand (Utara), negeri Perak (Barat), negeri Pahang (Selatan) dan negeri Terengganu (Timur).

Pelan Pembangunan Kawasan Kelantan Selatan





Peneraju utama kemajuan Kelantan Selatan menjadi wilayah luar bandar termaju di Malaysia.



Memacu dan menjana pembangunan yang seimbang di wilayah Kelantan Selatan dari segi fizikal, sosioekonomi dan modal insan ke arah menjadikannya setanding dengan kawasan termaju di Malaysia.



- Mengimbangi nisbah kepadatan penduduk.
- Mengecilkan jurang pembangunan antara kawasan.
- Menyediakan kemudahan infrastruktur dan ameniti sosial.
- Meningkatkan taraf sosioekonomi dan membasmi kemiskinan tegar serta mengurangkan kemiskinan.
- Membangunkan modal insan.

Kami adalah komited untuk :



Teras Utama


01
Bersama memastikan KESEDAR menjadi organisasi cemerlang, gemilang dan terbilang.
02
Mementingkan kreativiti dalam menjalankan tugas-tugas harian.
03
Mengamalkan budaya korporat bagi mewujudkan organisasi yang produktif, berkesan dan berkualiti.
04
Menjadikan semangat kerja berpasukan sebagai amalan harian.
05
Mempertingkatkan budaya penyenggaraan dalam semua aspek kerja.
06
Mempertingkatkan sistem penyampaian dalam memenuhi kehendak *stakeholders* dan kumpulan sasar.
07
Mempertingkatkan ilmu pengetahuan terkini yang berkaitan dengan bidang kerja.



Kod Etika

- Sentiasa awal dan mendahului.
- Sentiasa proaktif.
- Sentiasa menghasilkan kerja cemerlang.
- Sentiasa positif, kreatif dan inovatif.
- Sentiasa tekun, rajin dan beristiqamah.
- Sentiasa bertawakal dan bersyukur.
- Sentiasa bekerjasama,cekal dan tabah.
- Sentiasa kenal potensi dan baiki diri.
- Sentiasa ceria dan mesra.
- Sentiasa adil dan bertimbang rasa.
- Sentiasa beretika, berintegriti dan menjauhi amalan rasuah.





LAPORAN KHIDMAT PENGURUSAN

4



Memperkasakan Tadbir Urus dan Pengurusan Sumber Manusia

(a) Kursus dan Latihan

Pelbagai jenis latihan, kursus, bengkel, seminar serta program telah dilaksanakan dengan penglibatan penjawat KESEDAR yang terdiri daripada kumpulan pengurusan dan profesional serta kumpulan sokongan. Perincian pelaksanaan kursus dan latihan sepanjang tahun 2016 adalah seperti di **Jadual 1.**

Jadual 1 : Perincian Pelaksanaan Kursus dan Latihan Sepanjang Tahun 2016

Jenis Kursus	Kursus Dalaman	Kursus Luaran	Jumlah
Perbelanjaan (RM)	132,417.35	32,467.22	**164,884.57**
Bilangan Kursus (Siri)	22	52	**74**





Penglibatan Penjawat KESEDAR dalam Kursus dan Latihan

(b) Peperiksaan Perkhidmatan Awam

Pada tahun 2016, seramai 53 orang penjawat KESEDAR telah menghadiri Peperiksaan Perkhidmatan Awam untuk tujuan pengesahan jawatan.

(c) Perjawatan dan Persaraan

(i) Perjawatan

Sehingga 31 Disember 2016, jumlah warga KESEDAR adalah seramai 516 orang atau 82.30% daripada 627 jawatan yang diluluskan. Kedudukan perjawatan mengikut kumpulan perkhidmatan bagi tahun 2016 adalah seperti di **Jadual 2** berikut :

Jadual 2 : Kedudukan Perjawatan KESEDAR bagi Tahun 2016

Kumpulan Perkhidmatan	Jawatan Diluluskan	Jawatan Diisi	Peratus (%)
Pengurusan Tertinggi	1	1	100.00
Pengurusan & Profesional	53	42	79.25
Sokongan 1	452	366	80.97
Sokongan 2	121	107	88.43
Jumlah	627	516	82.30

(ii) Persaraan

Seramai 42 orang telah menamatkan perkhidmatan di KESEDAR sepanjang tahun 2016 samada bersara wajib dan pilihan sebagaimana di **Jadual 3** berikut:

Jadual 3 : Pecahan Penjawat yang Bersara Mengikut Gred sehingga 31 Disember 2016

Pengurusan dan Profesional		Kumpulan Sokongan 1		Kumpulan Sokongan 2	
N48	1 orang	G32	2 orang	H14	2 orang
		JA29	1 orang	H11	5 orang
		NT29	1 orang		
		G26	5 orang		
		N22	2 orang		
		G22	2 orang		
		S22	1 orang		
		N22 (KUP)	3 orang		
		G22 (KUP)	14 orang		
		S22 (KUP)	2 orang		
		N19	1 orang		

Jumlah : 42 orang



Majlis Penghargaan kepada Penjawat KESEDAR yang Bersara

(d) Program Transformasi Minda

Program Transformasi Minda (PTM) anjuran Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) telah diadakan pada 05 hingga 10 Disember 2016 bertempat di Kinta Riverfront Hotel & Suites, Ipoh, Perak. Program ini merupakan salah satu syarat wajib yang perlu dipenuhi oleh penjawat baharu untuk pengesahan dalam perkhidmatan. Perincian penjawat KESEDAR yang telah menyertai program tersebut adalah seperti di **Jadual 4** berikut:

Jadual 4 : Perincian Penjawat KESEDAR yang Menyertai Program Transformasi Minda Tahun 2016

Pegawai Tadbir Gred N41 **5 Orang**	Pegawai Teknologi Maklumat Gred F41 **1 Orang**	Penolong Pegawai Tadbir Gred N29 **1 Orang**
Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred F29 **1 Orang**	Pemandu Kenderaan Gred H11 **11 Orang**	Pembantu Awam Gred H11 **3 Orang**

Jumlah
22





Program Transformasi Minda

(e) Aplikasi *Human Resource Management Information System* (HRMIS)

KESEDAR telah melakukan satu usaha sistematik dalam merancang dan memantau perjalanan kerjaya individu dalam organisasi dengan melaksanakan Sasaran Kerja Tahunan (SKT) dan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) sebagai alat pengukuran prestasi penjawat awam di KESEDAR. Sehingga 31 Disember 2016, KESEDAR telah berjaya mencapai *Key Performance Index* (KPI) dengan peratusan pengemaskinian sebanyak 100% bagi semua modul.





Bengkel HRMIS Anjuran Kementerian

(f) Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB)

Pengurusan KESEDAR telah mengambil langkah yang strategik dengan mewujudkan AKRAB pada tahun 2005. AKRAB KESEDAR bukan sahaja bertindak sebagai pembimbing rakan sekerja tetapi bergerak seiring dengan pihak pengurusan KESEDAR dengan membina rangkaian, pemudahcara perkhidmatan dan mewujudkan keharmonian serta soliditi di kalangan warga kerja KESEDAR.

Agenda transformasi AKRAB KESEDAR bermula dengan seorang ahli AKRAB yang telah ditauliahkan pada 29 Disember 2005. Ternyata AKRAB KESEDAR tidak terhenti di situ sahaja, malah terus berkembang pesat di mana pada tahun 2013, seramai 15 orang lagi ahli AKRAB ditauliahkan.

Peningkatan ekspektasi kumpulan sasar telah menggerakkan AKRAB bagi memperkasakan diri bagi menyaingi arus perkembangan yang pantas lagi pesat ini. Justeru sehingga kini, AKRAB KESEDAR telah mempunyai 17 orang ahli AKRAB yang bertauliah.



Penyertaan KESEDAR dalam Program AKRAB

Penggunaan ICT dalam Penyampaian Perkhidmatan

(a) *Cyber Troopers* KESEDAR

Unit *Cyber Troopers* KESEDAR telah ditubuhkan untuk meningkatkan imej KESEDAR dan KKLW di mata masyarakat dengan mengwar-warkan majlis/aktiviti terkini yang dilaksanakan oleh KESEDAR dan KKLW supaya masyarakat dapat mengetahui maklumat terkini berkaitan KESEDAR melalui media sosial seperti *facebook, twitter, instagram,* dan juga melalui laman web KESEDAR. Selain itu, *Cyber Troopers* KESEDAR juga bertanggungjawab khusus dalam menangani isu-isu berkaitan KESEDAR dalam media sosial.





Pengendalian Media Sosial oleh Unit Cyber Troopers KESEDAR

(b) Statistik Transaksi Perkhidmatan dalam Talian 2016

Terdapat 9 aplikasi perkhidmatan dalam talian yang telah dilawati pengguna pada tahun 2016. Aplikasi-aplikasi ini dapat menambahkan kecekapan dan meningkatkan tahap pematuhan piawaian kerja yang telah ditetapkan kepada penjawat sekaligus melancarkan lagi urusan. **Jadual 5 (a)** menunjukkan secara terperinci statistik transaksi perkhidmatan dalam talian bagi Januari hingga Jun 2016 manakala **Jadual 5 (b)** menunjukkan secara terperinci statistik transaksi perkhidmatan dalam talian bagi Julai hingga Disember 2016.

Jadual 5 (a) : Statistik Transaksi Perkhidmatan dalam Talian bagi Tahun 2016 (Januari hingga Jun)

Aplikasi	Jan	%	Feb	%	Mac	%	Apr	%	Mei	%	Jun	%
Cadangan, Aduan & Maklumbalas	3	0.5	2	0.5	3	0.5	2	0.5	1	0.5	1	0.5
Sistem SAGA	15	2	15	2	15	2	15	2	15	2	15	2
Sistem Aset	10	2	10	2	11	2	11	2	13	2	13	2
Sistem Akaun Peneroka	10	2	10	2	12	2	10	2	13	2	13	2
Sistem I-Board	4	0.5	4	0.5	4	0.5	3	0.5	3	0.5	3	0.5
SPP II	14	2	10	2	15	2	10	2	10	2	5	1
My ID	10	2	10	2	10	2	10	2	10	2	5	1
Sistem Kenderaan	0	0	0	0	98	16	167	27	184	30	101	17
HRMIS	550	69	549	89	451	73	377	62	360	59	443	74
Jumlah	**616**	**100**	**610**	**100**	**619**	**100**	**605**	**100**	**609**	**100**	**599**	**100**

Jadual 5 (b) : Statistik Transaksi Perkhidmatan dalam Talian bagi Tahun 2016 (Julai hingga Disember)

Aplikasi	Jul	%	Ogo	%	Sep	%	Okt	%	Nov	%	Dis	%
Cadangan, Aduan & Maklumbalas	2	0.5	1	0.5	2	0.5	1	0.5	5	0.5	2	0.5
Sistem SAGA	15	2.5	15	2.5	16	2.5	16	2.5	15	2	15	2.5
Sistem Aset	9	1.5	5	1	6	1	13	2	9	1.5	20	3.5
Sistem Akaun Peneroka	11	2	10	1.5	10	1.5	50	8	7	1	5	1
Sistem I-Board	4	0.5	4	1	4	1	4	1	3	0.5	4	0.5
SPP II	10	1.5	10	1.5	12	2	10	1.5	11	2	10	1.5
My ID	10	1.5	10	1.5	11	2	10	1.5	10	1.5	14	2.5
Sistem Kenderaan	96	16	191	32	125	21.5	133	21	165	26	84	14
HRMIS	442	74	347	59	399	68	387	62	417	65	431	74
Jumlah	**599**	**100**	**593**	**100**	**585**	**100**	**624**	**100**	**642**	**100**	**585**	**100**

Pelaksanaan Transformasi Organisasi Secara Menyeluruh

(a) Pengurusan Aduan

Sepanjang tahun 2016, KESEDAR telah menerima 7 kes aduan dan berjaya menyelesaikan kesemua kes mengikut masa yang telah ditetapkan.

(b) Latihan Membina Sikap (LMS)

LMS merupakan salah satu medium dalam memastikan penjawat mendapat manfaat melalui aktiviti senamrobik dan perkongsian ilmu. Selain itu, aktiviti gotong-royong turut diselitkan dalam program ini.



Aktiviti Senamrobik



Aktiviti Gotong-royong

(c) Program Kebajikan Penjawat

Selain pembangunan modal insan, kebajikan penjawat juga antara perkara yang sentiasa diberi keutamaan oleh KESEDAR. Inisiatif yang diperkenalkan oleh KESEDAR adalah pemberian bantuan perubatan, bantuan bencana, sumbangan kematian dan penghargaan kepada penjawat.



Keprihatinan Pengurusan KESEDAR kepada Penjawat yang Ditimpa Musibah



PROGRAM

TOUCH POINT KESEDAR

5

Program *Makey Tea*

Pada tahun 2016, KESEDAR telah melaksanakan beberapa siri Program *Makey Tea* bersama usahawan dan pemimpin masyarakat di kawasan Kelantan Selatan. Program ini diadakan bertujuan untuk mengeratkan hubungan bersama pemimpin setempat dan mengumpulkan usahawan untuk meningkatkan perniagaan usahawan di kawasan Kelantan Selatan agar terus selari dengan saranan kerajaan dalam mengembangkan Industri Kecil Sederhana (IKS).







Program Makey Tea di Kawasan Kelantan Selatan

Program Tuisyen Rakyat

KESEDAR telah menggerakkan Program Tuisyen Rakyat di Kelantan Selatan meliputi kawasan Gua Musang, Kuala Krai, Jeli dan Tanah Merah. Program ini dilaksanakan oleh Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan disasarkan kepada pelajar Darjah Enam (UPSR) dan pelajar Tingkatan Lima (SPM) di kawasan Kelantan Selatan. Perincian pelaksanaan program ini adalah seperti berikut:

Jadual 6 : Perincian Pelaksanaan Program Tuisyen Rakyat

Pelajar	Darjah 6 (UPSR)	Tingkatan 5 (SPM)	JUMLAH
Peruntukan (RM)	84,420.00	95,000.00	179,420.00
Bilangan Pusat Tuisyen (Buah)	114	19	133
Bilangan Calon (Orang)	5, 628	720	6,348





Pelaksanaan Program Tuisyen Rakyat

Program Khidmat Komuniti

KESEDAR telah menganjurkan Program Khidmat Komuniti KESEDAR (3K) secara jelajah di kampung-kampung terpilih di seluruh kawasan Kelantan Selatan. Objektif penganjuran program ini adalah untuk mengukuhkan jaringan hubungan antara masyarakat Kelantan Selatan dengan warga KESEDAR. Pada tahun 2016, sebanyak 8 buah kampung terpilih bagi pelaksanaan program ini iaitu RKT Lebir Gua Musang, Kg. Star Gua Musang, Kg. Panggung Lalat Gua Musang, Kg. Dabong Kuala Krai, Kg Lubok Bongor Jeli, Kg. Legeh Jeli, Kg. Gual Ipoh Tanah Merah, dan Kg. Jedok Bukit Bunga. Antara pengisian program adalah seperti aktiviti Senamrobik, Lawatan Jiwa Murni, Jamuan Rakyat, Ceramah Agama dan Sukan Rakyat. Program ini dijalankan selama sehari di setiap tempat dan telah dirasmikan oleh pemimpin setempat dengan penglibatan seramai 300 orang bagi setiap tempat.







Program Khidmat Komuniti KESEDAR

Program Jelajah Minda - Jom Masuk Kampung

KESEDAR telah melaksanakan 12 siri Program Jelajah Minda – Jom Masuk Kampung (Pemimpin Bersama Komuniti KESEDAR) sepanjang bulan November dan Disember 2016 yang meliputi semua DUN kawasan KESEDAR dengan perbelanjaan sebanyak RM72,000.00. Program ini bermatlamat untuk merapatkan jurang antara golongan sasar dan KESEDAR serta memberi peluang kepada pemimpin tempatan untuk menyampaikan maklumat berkenaan dasar-dasar kerajaan kepada kumpulan sasar. Pelaksanaan program ini telah mendapat kerjasama yang jitu daripada pemimpin dan masyarakat setempat serta disertai oleh wakil-wakil pegawai dan kakitangan dari Ibu Pejabat KESEDAR, Pejabat-Pejabat Wilayah dan Pejabat-Pejabat Operasi. Antara aktiviti yang dilaksanakan sepanjang program ini berlangsung adalah gotong-royong, lawatan prihatin, solat berjemaah, ceramah agama dan sukan rakyat. Perincian pelaksanaan program ini adalah seperti berikut:

Jadual 7 : Pelaksanaan Program Jelajah Minda - Jom Masuk Kampung KESEDAR Tahun 2016

Pembangunan Pertanian	Gua Musang	Kuala Krai	Jeli/ Tanah Merah
28 November 2016 Nenggiri Kg. Sg. Asap B	02 November 2016 Paloh Kg. Limau Kasturi	22 November 2016 Guchil Kg. Lubuk Simpul	16 November 2016 Ayer Lanas Kg Legeh, Ayer Lanas
30 November 2016 Paloh Paloh 3	07 Disember 2016 Galas Kuala Betis	24 November 2016 Manek Urai Kg. Chuchuh Puteri B	22 November 2016 Bukit Bunga Kg. Kelisa, Bukit Bunga
		27 November 2016 Dabong Kg. Slow Temiang	28 November 2016 Kuala Balah Kg. Lawar, Bt. Melintang
		26 Disember 2016 Mengkebang Kg. Bunut Payong, Telekong	13 Disember 2016 Gual Ipoh Kg. Kulim, Tanah Merah



Antara Aktiviti yang Dilaksanakan di bawah Program Jelajah Minda - Jom Masuk Kampung





PRESTASI KEWANGAN KESEDAR



6

Prestasi Perbelanjaan Mengurus

Peruntukan mengurus KESEDAR pada tahun 2016 adalah berjumlah RM55,376,100.00 dan peruntukan ini telah dibelanjakan 100%. Prestasi perbelanjaan peruntukan mengurus bagi tahun 2016 adalah sebagaimana di **Jadual 8** berikut:

Jadual 8: Prestasi Perbelanjaan Peruntukan Mengurus Tahun 2016

	Tahun 2016		
	Peruntukan (RM)	Belanja (RM)	Peratus (%)
Emolumen	24,553,665.00	24,553,665.00	100.00
Perkhidmatan dan Bekalan	5,304,460.00	5,304,460.00	100.00
Aset	116,472.00	116,472.00	100.00
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	24,807,895.00	24,807,895.00	100.00
Perbelanjaan Lain	593,608.00	593,608.00	100.00
Jumlah	55,376,100.00	55,376,100.00	100.00

Prestasi Perbelanjaan Pembangunan

Pada tahun 2016, KESEDAR mendapat peruntukan pembangunan berjumlah RM115,396,100.00 bagi pelaksanaan 8 program pembangunan. Sebanyak RM113,284,088.25 atau 98.17% telah dibelanjakan daripada jumlah peruntukan tersebut. Prestasi perbelanjaan peruntukan pembangunan bagi tahun 2016 adalah sebagaimana di **Jadual 9** berikut :

	Tahun 2016		
	Peruntukan (RM)	Belanja (RM)	Peratus (%)
Kemudahan Pengurusan	3,927,700.00	3,809,353.31	96.99
Kendalian Hartanah	42,453,000.00	40,486,778.00	95.37
Rancangan Kemajuan Tanah	51,015,400.00	51,015,400.00	100.00
Kemudahan Awam	4,800,000.00	4,799,998.63	99.99
Jalan Perhubungan Desa	6,000,000.00	6,000,000.00	100.00
Jalan Pertanian	3,000,000.00	3,000,000.00	100.00
Utiliti Desa	1,700,000.00	1,700,000.00	100.00
Pembangunan Bandar dan Pusat Pertumbuhan	2,500,000.00	2,472,558.31	98.90
Jumlah	115,396,100.00	113,284,088.25	98.17

Jadual 9 : Prestasi Perbelanjaan Peruntukan Pembangunan Tahun 2016

Prestasi Perbelanjaan Wang Amanah

Kumpulan Wang Amanah di KESEDAR terdiri daripada peruntukan-peruntukan yang diterima daripada 3 sumber iaitu Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW), Jabatan Pembangunan Persekutuan Negeri Kelantan (JPPK) dan lain-lain sumber. Pada tahun 2016, KESEDAR telah menerima peruntukan Wang Amanah sebanyak RM32,558,201.41 dan telah membelanjakan sebanyak RM27,090,160.10 atau 83.21%. Prestasi perbelanjaan peruntukan Wang Amanah KESEDAR adalah seperti berikut:

Jadual 10 : Prestasi Perbelanjaan Peruntukan Wang Amanah bagi Tahun 2016

Penyalur Peruntukan	KKLW	JPPK	Lain-lain Sumber	JUMLAH
Peruntukan (RM)	21,143,842.75	0.00	11,414,358.66	32,558,201.41
Belanja (RM)	16,116,281.65	0.00	10,974,878.45	27,090,160.10
Peratus (%)	76.21	0.00	96.15	83.21





PRESTASI PROGRAM PEMBANGUNAN SEMASA KESEDAR

7

Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Program Pembangunan Semasa

Secara umumnya, KESEDAR telah berjaya mencapai sasaran 100% bagi keseluruhan 8 program pembangunan yang telah dilaksanakan pada tahun 2016. Rumusan pencapaian prestasi fizikal program pembangunan semasa KESEDAR adalah seperti di **Jadual 11** berikut :

Jadual 11 : Pencapaian Prestasi Fizikal Program Pembangunan Semasa KESEDAR bagi Tahun 2016

Bil.	Program	Aktiviti	Sasaran	Tahun 2016	
				Pencapaian	Peratus (%)
1	Kemudahan Pengurusan	Pembinaan Pejabat Operasi	1 projek	1 projek	100.00
		Pembinaan Dewan Tertutup	1 projek	1 projek	100.00
2	Premium Tanah	Bayaran Premium Tanah	1 projek/2,148.48 hektar	1 projek/3,524.48 hektar	100.00
3	Rancangan Kemajuan Tanah	Membina jalan perhubungan desa, kemudahan awam dan asas serta utiliti desa	6 projek kemudahan awam	9 projek kemudahan awam	150.00
			8 batang jalan perhubungan desa	14 batang jalan perhubungan desa	175.00
			10 projek utiliti desa	11 projek utiliti desa	110.00
		Penyelenggaraan dan pembangunan ladang RKT	Penyelenggaraan dan pembangunan ladang seluas 4,300 hektar	Penyelenggaraan dan pembangunan ladang seluas 4,300 hektar	100.00
4	Kemudahan Awam	Penyediaan kemudahan awam dan asas	92 projek kemudahan awam	113 projek kemudahan awam	122.00
5	Jalan Perhubungan Desa	Membina dan menaik taraf jalan perhubungan desa	56 projek jalan perhubungan desa	65 projek jalan perhubungan desa	116.00
6	Jalan Pertanian	Membina jalan pertanian	45 projek jalan pertanian	45 projek jalan pertanian	100.00
7	Utiliti Desa	Bekalan air dan elektrik	39 projek utiliti desa	48 projek utiliti desa	123.00
8	Pembangunan Bandar dan Pusat Pertumbuhan	Pembinaan Jejantas	1 projek	1 projek	100.00
		R&R Kuala Balah	1 projek	1 projek	100.00

Prestasi Program Pembangunan Semasa

(a) Program Kemudahan Pengurusan

Di bawah Program Kemudahan Pengurusan, KESEDAR telah menerima peruntukan sebanyak RM3,927,700.00 dan telah membelanjakan sebanyak RM3,809,353.31 @ 96.99% daripada jumlah peruntukan tersebut. Perincian prestasi pelaksanaan program ini adalah seperti di **Jadual 12** berikut:

Jadual 12 : Prestasi Pelaksanaan Program Kemudahan Pengurusan

	Prestasi Kewangan		Prestasi Fizikal	
Nama projek	**Peruntukan (RM)**	**Perbelanjaan (RM)**	**Peratus (%)**	**Bil. Kuantiti (Projek)**
Pejabat Operasi KESEDAR di Jajahan Lojing	2,427,700.00	2,309,353.31	95.13	1 projek
Dewan Tertutup KESEDAR di Gua Musang	1,500,000.00	1,500,000.00	100.00	1 projek
Jumlah	**3,927,700.00**	**3,809,353.31**	**96.99**	**2 projek**



Projek Pejabat Operasi KESEDAR di Jajahan Lojing

(b) Program Premium Tanah

Di bawah Program Premium Tanah, KESEDAR telah disalurkan peruntukan sebanyak RM42,453,000.00. KESEDAR telah membayar premium tanah sebanyak RM40,486,778.00 kepada Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri bagi kelulusan hak milik tanah berkeluasan 3,524.48 hektar. **Jadual 13** berikut menunjukkan prestasi perbelanjaan program ini.

Jadual 13 : Prestasi Pelaksanaan Program Premium Tanah

	Prestasi Kewangan			Prestasi Fizikal
Nama Projek	**Peruntukan (RM)**	**Perbelanjaan (RM)**	**Peratus (%)**	**Bil. Kuantiti (Hektar)**
Premium Tanah	42,453,000.00	40,486,778.00	95.37	3,524.48





Penyerahan Cek Pembayaran Premium Tanah kepada Pihak Berkuasa Kerajaan Negeri

(c) Program Rancangan Kemajuan Tanah

Program ini adalah bertujuan untuk meningkatkan kualiti hidup peneroka di RKT KESEDAR melalui program pembangunan pertanian, program peningkatan kualiti infrastruktur, program pembangunan ekonomi dan program pembangunan sosial. Bagi tahun 2016, peruntukan sebanyak RM51,015,400.00 telah diluluskan kepada KESEDAR untuk melaksanakan 4 projek di bawah Program Rancangan Kemajuan Tanah. **Jadual 14** menunjukkan perincian prestasi kewangan dan fizikal bagi program ini.

Jadual 14 : Prestasi Pelaksanaan Program Rancangan Kemajuan Tanah

	Nama Projek	Kemudahan Awam	Jalan Perhubungan Desa	Utiliti Desa	Penyelenggaran Ladang	Jumlah
Prestasi Kewangan	Peruntukan (RM)	2,000,000.00	2,000,000.00	950,000.00	46,065,400.00	**51,015,400.00**
	Perbelanjaan(RM)	2,000,000.00	2,000,000.00	950,000.00	46,065,400.00	**51,015,400.00**
	Peratus (%)	100.00	100.00	100.00	100.00	**100.00**
Prestasi Fizikal	Bil. Kuantiti (Projek/Km/ Hektar)	9 projek	14 projek	11 projek	4,300 hektar	**34 projek / 4,300 hektar**



Projek Menaik taraf Saluran Air Tandak di RKT Sungai Asap



Projek Mengetar Jalan Perhubungan Desa di RTK Sungai Asap



Projek Ladang Rancangan Kemajuan Tanah (RKT) KESEDAR



Projek Membina Gelanggang Futsal di RKT Renok Baru

(d) Program Kemudahan Awam

Di bawah Program Kemudahan Awam, KESEDAR telah disalurkan peruntukan sebanyak RM4,800,000.00. Pada tahun 2016, perbelanjaan yang telah dibuat bagi program ini adalah sebanyak RM4,799,998.63 @ 99.99%. **Jadual 15** menunjukkan perincian prestasi kewangan dan fizikal bagi program ini.

Jadual 15 : Prestasi Pelaksanaan Program Kemudahan Awam

	Prestasi Kewangan			Prestasi Fizikal
	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Peratus (%)	Bil. Kuantiti (Projek)
Gua Musang	1,600,000.00	1,600,000.00	100.00	23 projek
Kuala Krai	1,600,000.00	1,599,998.63	99.99	29 projek
Jeli/ Tanah Merah	1,600,000.00	1,600,000.00	100.00	61 projek
Jumlah	4,800,000.00	4,799,998.63	99.99	113 projek



Projek Membina Baharu Dewan Orang Ramai di Kampung Guchil, Kuala Krai



Projek Membina Baharu Madrasah KESEDAR Putra, Gua Musang



Projek Membina Baharu Tangga Konkrit di Kampung Bukit Jering - Sungai Pergau, Jeli

(e) Program Jalan Perhubungan Desa

Pada tahun 2016, sebanyak RM6,000,000.00 telah dibelanjakan oleh KESEDAR bagi melaksanakan 65 projek di bawah Program Jalan Perhubungan Desa. Prestasi pelaksanaan Program Jalan Perhubungan Desa adalah seperti di **Jadual 16** berikut:

Jadual 16 : Prestasi Pelaksanaan Program Jalan Perhubungan Desa

	Prestasi Kewangan			Prestasi Fizikal
	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Peratus (%)	Bil. Kuantiti (Projek)
Gua Musang	2,000,000.00	2,000,000.00	100.00	17 projek @ 4.42 km
Kuala Krai	2,000,000.00	2,000,000.00	100.00	20 projek @ 21.23 km
Jeli/ Tanah Merah	2,000,000.00	2,000,000.00	100.00	28 projek@ 21.84 km
Jumlah	6,000,000.00	6,000,000.00	100.00	65 projek@ 47.49 km



Projek Menaik taraf Jalan Tar Kampung Peria Lama - Kampung Konggo, Kuala Krai



Projek Mengetar Jalan Kampung Bedah - Jalan Kampung Panglima Bayu, Jeli



Projek Membina Baharu Jambatan Gantung Kampung Kuala Nerus, Gua Musang

(f) Program Jalan Pertanian

Di bawah Program Jalan Pertanian, KESEDAR telah menerima peruntukan sebanyak RM3,000,000.00 pada tahun 2016. Kesemua peruntukan tersebut telah dibelanjakan bagi melaksanakan 45 projek di bawah program ini. Perincian prestasi pelaksanaan program ini adalah seperti di **Jadual 17** berikut:

Jadual 17 : Prestasi Pelaksanaan Program Jalan Pertanian

	Prestasi Kewangan			Prestasi Fizikal
	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Peratus (%)	Bil. Kuantiti (Projek)
Gua Musang	1,000,000.00	1,000,000.00	100.00	14 projek & 12.90 Km
Kuala Krai	1,000,000.00	1,000,000.00	100.00	13 projek & 12.70 Km
Jeli/ Tanah Merah	1,000,000.00	1,000,000.00	100.00	18 projek & 10.40 Km
Jumlah	3,000,000.00	3,000,000.00	100.00	45 projek @ 36.00 Km



Projek Menghampar Crucher run di RPT Chuchuh Puteri B, Kuala Krai



Projek Menaik taraf Jalan Pertanian di RPT Ayer Chanal, Jeli



Projek Menghampar Crucher run di Sungai Terah, Gua Musang

(g) Program Utiliti Desa

Pada tahun 2016, sejumlah RM1,700,000.00 telah diperuntukkan untuk melaksanakan Program Utiliti Desa oleh KESEDAR. Kesemua peruntukan tersebut telah dibelanjakan bagi melaksanakan 48 projek di bawah program ini. Prestasi pelaksanaan program ini adalah seperti **Jadual 18** berikut:

Jadual 18 : Prestasi Pelaksanaan Program Utiliti Desa

Kawasan Pembangunan	Prestasi Kewangan			Prestasi Fizikal
	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Peratus (%)	Bil. Kuantiti (Projek)
Gua Musang	300,000.00	300,000.00	100.00	17 projek
Kuala Krai	400,000.00	400,000.00	100.00	8 projek
Jeli/ Tanah Merah	1,000,000.00	1,000,000.00	100.00	23 projek
Jumlah	1,700,000.00	1,700,000.00	100.00	48 projek



Projek Membina Tandak Air Baharu di Kampung Sungai Rual, Jeli



Projek Bina Baharu Tangki Air di Pasir Kelang, Kuala Krai



Projek Pemasangan Lampu Limpah di Dataran KESEDAR, Gua Musang

(h) Program Pembangunan Bandar dan Pusat Pertumbuhan

Di bawah Program Pembangunan Bandar dan Pusat Pertumbuhan, KESEDAR telah diperuntukkan sebanyak RM2,500,000.00 dan membelanjakan sebanyak RM2,472,558.31daripada jumlah tersebut untuk melaksanakan 2 projek iaitu Projek Pembinaan Sebuah Jejantas, Gua Musang dan Projek Pembinaan Hentian Rehat dan Rawat (R&R) Kuala Balah di Jeli. Prestasi pelaksanaan program ini adalah seperti **Jadual 19** berikut:

Jadual 19 : Prestasi Pelaksanaan Program Pembangunan Bandar dan Pusat Pertumbuhan

Kawasan Pembangunan	Prestasi Kewangan			Prestasi Fizikal
	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Peratus (%)	Bil. Kuantiti (Projek)
Membina Sebuah Jejantas di Hadapan Kolej Poly Tech Mara KESEDAR	1,500,000.00	1,472,558.31	98.17	1 projek
Hentian Rehat dan Rawat (R&R) Kuala Balah	1,000,000.00	1,000,000.00	100.00	1 projek
Jumlah	**2,500,000.00**	**2,472,558.31**	**98.90**	**2 projek**



Projek Membina Jejantas di Hadapan Kolej Poly Tech Mara KESEDAR, Gua Musang





PRESTASI PROGRAM PEMBANGUNAN WANG AMANAH KESEDAR

8

Program Pembangunan di bawah Peruntukan KKLW

(a) Program Peningkatan Pendapatan (PPP)

Pada tahun 2016, peruntukan yang disalurkan oleh KKLW untuk program ini adalah sebanyak RM300,000.00 dan prestasi pelaksanaannya adalah seperti di **Jadual 20**.

Jadual 20 : Prestasi Pelaksanaan Program Peningkatan Pendapatan (PPP) Tahun 2016

Kawasan Pembangunan	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Peratus (%)	Bil. Peserta (Orang)
Pembangunan Pertanian	300,000.00	20,000.00	100.00	2
Gua Musang		230,000.00	100.00	23
Kuala Krai		10,000.00	100.00	1
Jeli/Tanah Merah		40,000.00	100.00	4
Jumlah	300,000.00	300,000.00	100.00	30





Program dan Kursus di bawah Program Peningkatan Pendapatan

(b) Program Bantuan Rumah (PBR)

Pada tahun 2016, KKLW telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM4,600,000.00 kepada KESEDAR bagi melaksanakan Program Bantuan Rumah dalam usaha meningkatkan kualiti dan taraf hidup golongan miskin sejajar dengan matlamat utama kerajaan untuk membasmi kemiskinan tegar dan membolehkan kumpulan sasar mempunyai rumah kediaman yang selamat dan selesa. **Jadual 21** menunjukkan prestasi pelaksanaan Program Bantuan Rumah (PBR) mengikut kawasan pembangunan KESEDAR.

Jadual 21: Prestasi Pelaksanaan Program Bantuan Rumah (PBR) Mengikut Kawasan Pembangunan

	Gua Musang	Kuala Krai	Jeli	Tanah Merah	Jumlah
Bina Baru	32	13	32	26	103
Baik Pulih	15	24	-	6	45
Bil. Keseluruhan	47	37	32	32	148
Peruntukan (RM)	4,600,000.00				
Perbelanjaan (RM)	4,166,123.52				
Peratus (%)	90.56				





Program Bantuan Rumah (PBR) yang Dilaksanakan KESEDAR

KESEDAR juga telah menerima peruntukan sebanyak RM90,350.00 daripada KKLW untuk kos ekstrim bagi program ini dan telah membelanjakan sebanyak RM69,350.00 @ 76.76 %.

(c) Pembaikian Rumah Rosak-Pasca Banjir

KESEDAR telah menerima peruntukan sebanyak RM730,559.75 untuk melaksanakan kerja-kerja membaiki rumah rosak akibat banjir dan sebanyak RM728,659.75 @ 99.74% telah dibelanjakan bagi tujuan tersebut.




Program Pembaikian Rumah Rosak - Pasca Banjir

(d) Penyelenggaraan dan Pembaikian Dua Mini RTC

KESEDAR telah dilantik sebagai agensi penyelaras Mini RTC di Negeri Kelantan bagi tahun 2016 untuk membaiki kerosakan Mini RTC. Mini RTC yang dibaik pulih adalah Mini RTC Gual Ipoh dan Mini RTC Alor Jeringau. Peruntukan yang disalurkan adalah sebanyak RM16,000.00 iaitu sebanyak RM3,000.00 untuk Mini RTC Alor Jeringau dan sebanyak RM13,000.00 untuk Mini RTC Gual Ipoh. Perbelanjaan yang telah dibuat adalah sebanyak RM15,656.61 @ 97.85%.




Penyelenggaraan dan Pembaikian Mini RTC

(e) Bantuan Bencana Alam

Peruntukan sebanyak RM138,250.00 telah disalurkan oleh KKLW kepada KESEDAR sebagai bantuan awal kepada masyarakat setempat di Kelantan Selatan untuk meringankan beban mereka yang terlibat dengan banjir yang melanda pada penghujung tahun 2016.





Bantuan Bencana Alam yang Disalurkan oleh KESEDAR

(f) Projek Naik taraf Bekalan Air RKT Chalil

Di bawah Program Bekalan Air Luar Bandar, KESEDAR telah menerima peruntukan sebanyak RM3,500,000.00 daripada KKLW untuk melaksanakan Projek Menaik taraf Bekalan Air di RKT Chalil, Gua Musang.

(g) Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK)

KKLW telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM1,000,000.00 kepada KESEDAR di bawah Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK) pada tahun 2016. Sehingga akhir tahun 2016 sebanyak RM592,775.15 @ 59.28% telah dibelanjakan. Program ini menyediakan bantuan kewangan dan pengurusan bagi membolehkan kumpulan sasar mengikuti kursus-kursus latihan kemahiran dan kemahiran asas MLVK (Sijil Kemahiran Malaysia SKM Tahap I,II & III). Sebanyak 8 jenis kursus kemahiran telah ditawarkan dan melibatkan seramai 90 orang peserta. Perincian kursus yang telah dilaksanakan pada tahun 2016 adalah seperti **Jadual 22** berikut :

Jadual 22 : Perincian Kursus Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK)





Aktiviti-aktiviti di bawah Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK) KESEDAR

(h) Program Pembangunan Keusahawanan

KESEDAR telah menerima peruntukan sebanyak RM800,000.00 daripada KKLW untuk melaksanakan Program Pembangunan Keusahawanan di kawasan KESEDAR pada tahun 2016 dan sebanyak RM676,714.13 @ 84.59% telah dibelanjakan daripada peruntukan tersebut. Perincian aktiviti yang telah dilaksanakan adalah seperti **Jadual 23** berikut:

Jadual 23 : Perincian Aktiviti di bawah Program Pembangunan Keusahawanan

Kursus Keusahawanan dan Lawatan Sambil Belajar	Sebanyak 8 siri kursus keusahawan dan 1 siri lawatan sambil belajar telah diadakan sepanjang tahun 2016.
Premis Perniagaan	Menaik taraf premis perniagaan iaitu : 1) inkubator Taman Etnoboni (6 premis perniagaan), 2) seunit premis perniagaan barangan *hardware* dan 3) seunit bangunan K-Mart.
Program *Mobilepreneur*	Seramai 5 orang usahawan telah dipilih untuk menerima bantuan bagi mengusahakan perniagaan secara *mobile*.
Kiosk Usahawan KESEDAR	Sebanyak 10 unit kiosk telah diserahkan kepada usahawan berpotensi bagi tujuan membantu meningkatkan pendapatan masing-masing.
Ekspo/Pameran/Pemasaran	Sebanyak 13 siri ekspo / pameran telah disertai oleh usahawan bimbingan KESEDAR. Ekspo tersebut merupakan anjuran KESEDAR sendiri, anjuran agensi di bawah KKLW dan lain-lain jabatan.
Rural Business Challenge (RBC)	Seorang usahawan bimbingan KESEDAR telah dipilih ke peringkat akhir iaitu D'lina *Spa & Beauty*.
Perlabelan dan Pembungkusan	Seramai 11 orang usahawan telah dipilih menerima bantuan bagi perlabelan dan pembungkusan produk ke arah yang lebih berkualiti (kerjasama bersama *Design Development Centre* (DDEC).



Aktiviti-aktiviti di bawah Program Pembangunan Keusahawanan KESEDAR

(i) Program Khas Kos Sara Hidup

Peruntukan sebanyak RM700,000.00 telah disalurkan kepada KESEDAR untuk melaksanakan Program Khas Kos Sara Hidup yang melibatkan seramai 609 orang peserta bagi tahun 2016. Sehingga 31 Disember 2016, KESEDAR telah membelanjakan sebanyak RM699,720.00 @ 99.96% daripada jumlah peruntukan tersebut.





Bantuan di bawah Program Khas Sara Hidup

(j) Program Peningkatan Ekonomi

Peruntukan sebanyak RM500,000.00 telah disalurkan oleh KEMAS kepada KESEDAR untuk melaksanakan Program Peningkatan Ekonomi dan sebanyak RM487,425.20 @ 97.49 % telah dibelanjakan. Sebanyak 15 siri kursus kemahiran jangka pendek telah dilaksanakan di bawah program ini kepada usahawan dan bakal usahawan di Kelantan Selatan. Senarai kursus adalah seperti di **Jadual 24** berikut.

Jadual 24 : Perincian Kursus di bawah Program Peningkatan Ekonomi

Program Kemahiran Masakan

Kek & Bakeri	Pastri	Masakan Barat	Frozen dan Pengawetan
22 orang 1 Siri	20 orang 1 Siri	20 orang 1 Siri	20 orang 1 Siri

Program Kemahiran Jahitan

Jahitan & Sulaman Riben	Jahitan Baju Berfesyen
20 orang 1 Siri	21 orang 1 Siri

Program Kemahiran Komputer

Kursus *Online Marketing*	Kursus Pendawaian Elektrik
25 orang 1 Siri	20 orang 1 Siri

Jumlah Peserta (Orang)
303
Bilangan Kursus (Siri)
15

Program Kemahiran Dandanan Diri

Kursus Urutan Selepas Bersalin	Kursus Gunting Rambut Lelaki	Kursus Kecantikan & Kesihatan	Kursus Urutan Lelaki Tradisional
20 orang 1 Siri	10 orang 1 Siri	20 orang 1 Siri	20 orang 1 Siri

Solekan Pengantin	Kursus Aromaterapi	Andaman Pengantin
20 orang 1 Siri	20 orang 1 Siri	25 orang 1 Siri



Aktiviti di bawah Program Peningkatan Ekonomi

(k) Membaik pulih Premis KEMAS

Peruntukan sebanyak RM60,000.00 telah disalurkan oleh KEMAS kepada KESEDAR untuk melaksanakan kerja-kerja membaik pulih Tabika KEMAS di Kampung Baru Hilir, Gua Musang dan Kampung Kerinting, Gua Musang.



Pembaikian Tabika KEMAS

(I) Pengurusan Bayaran Elaun JKKKP Negeri Kelantan Tahun 2016

Pada tahun 2016, KKLW telah memperuntukkan sejumlah RM8,708,683.00 kepada KESEDAR bagi pembayaran elaun JKKKP negeri Kelantan. Daripada jumlah peruntukan tersebut, sebanyak RM8,378,857.29 telah dibelanjakan. Prestasi pembayaran elaun JKKKP bagi tahun 2016 adalah seperti di **Jadual 25** berikut :

Jadual 25 : Prestasi Pembayaran Elaun JKKKP Negeri Kelantan bagi Tahun 2016

	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Peratus (%)	Baki Peruntukan (RM)
Elaun Bulanan & Elaun Pengendalian/ Hadir Mesyuarat	8,708,683.00	8,378,857.29	96.21	329,825.71



Sebahagian Aktiviti Melibatkan JKKKP Negeri Kelantan

Program Pembangunan di bawah Peruntukan ECERDC

Projek Agropolitan Kelantan Selatan (PAKS)

Pada tahun 2016, KESEDAR telah menerima peruntukan sebanyak RM11,414,358.66 daripada Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) bagi pelaksanaan Projek Agropolitan Kelantan Selatan (PAKS) di Rantau Manis. Sebanyak RM10,974,878.45 atau 96.15% telah dibelanjakan sehingga akhir tahun 2016.Perbelanjaan yang telah dibuat adalah bagi melaksanakan 3 aktiviti teras pembangunan di bawah PAKS Rantau Manis sebagaimana **Jadual 26** berikut:

Jadual 26 : Prestasi Pelaksanaan Projek Agropolitan Kelantan Selatan (PAKS) di Rantau Manis

	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Peratus (%)
Program ECER KESEDAR - Perbelajaan Aktiviti Sosial - Pentadbiran	9,848,613.16	9,666,061.07	98.15
Tanaman KOKO	275,158.50	238,167.16	86.56
Pembangunan Ladang	1,290,587.00	1,070,650.22	82.96
Jumlah	11,414,358.66	10,974,878.45	96.15









Aktiviti yang Dilaksanakan di bawah Projek Agropolitan Kelantan Selatan (PAKS)





LAPORAN PENILAIAN *OUTCOME*

9

Kajian Penilaian *Outcome* Program Penyelenggaraan Ladang Berpeneroka Tahun 2013, 2014 dan 2015

Tujuan Laporan

Laporan ini disediakan bagi memenuhi keperluan pelaksanaan penilaian *outcome* dan impak projek pembangunan peringkat KKLW tahun 2016 sebagaimana keperluan Surat Pekeliling Bil.1 Tahun 2012, iaitu Garis Panduan Pengukuran Pencapaian Program/Projek Pembangunan Melalui Penilaian *Outcome*.

Sehubungan dengan itu, kajian telah dilaksanakan untuk mengetahui pencapaian *output* dan *outcome* bagi Program Penyelenggaraan Ladang Berpeneroka RKT KESEDAR yang telah dilaksanakan pada tahun 2013, 2014 dan 2015 yang melibatkan kawasan seluas 1,200 hektar dan 300 orang peneroka.

Latar Belakang

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji pencapaian *outcome* Program Penyelenggaraan Ladang Berpeneroka yang telah dilaksanakan pada tahun 2013, 2014 dan 2015 serta mengenal pasti kesan pelaksanaan penyelenggaraan ladang terhadap penduduk setempat.

Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah berdasarkan kepada data laporan daripada Pejabat Operasi RKT KESEDAR Paloh 1 dan Paloh 3. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dalam bentuk tinjauan yang melibatkan 169 peneroka KESEDAR dan 357 orang penduduk Zon Paloh RKT KESEDAR.

Objektif Kajian

I. Memastikan ladang berpeneroka diselenggara mengikut *Good Agriculture Practice* (GAP) dan ladang mula berhasil dalam tempoh 3 tahun selepas penanaman serta seterusnya dapat mengeluarkan peneroka dari Paras Garis Kemiskinan (PGK),

II. Mengenal pasti keluasan ladang yang telah diselenggara mengikut *Good Agriculture Practice* (GAP),

III. Mengenal pasti status Paras Garis Kemiskinan (PGK) peneroka KESEDAR selepas pelaksanaan program,

IV. Mengenal pasti peluang pekerjaan yang telah diwujudkan selepas pelaksanaan program,

V. Mendapatkan nilai peningkatan pendapatan penduduk setempat yang bekerja di ladang selepas pelaksanaan program,

VI. Mengenal pasti pandangan peneroka yang terlibat dengan program ini.

Metodologi Pengumpulan Data

Metodologi pengumpulan data bagi kajian ini terbahagi kepada 2 iaitu data primer dan data sekunder:

1. Indikator, jenis data dan analisa *output*



2. Indikator, jenis data dan analisis *outcome*

Outcome	Jenis Data / Analisis
Kawasan berhasil seluas 1,140 hektar.	**Data Sekunder :** Data-data ini diambil daripada rekod-rekod Pejabat Operasi RKT Paloh 1 dan RKT Paloh 3 serta dianalisis secara perbandingan terus.
Pengeluaran hasil sebanyak 5 tan/ hektar.	
Peneroka terkeluar daripada PGK. Peluang pekerjaan sebanyak 120 orang.	**Data Primer:** Data akan dikumpul melalui kajian lapangan secara temubual menggunakan borang kaji selidik dan dianalisis menggunakan *Statistical Package For The Social Sciences* (SPSS).
Pendapatan penduduk setempat meningkat 20%.	
Tahap kepuasan projek pada 80%.	

Pengukuran Petunjuk Pencapaian

Pencapaian pelaksanaan bagi kajian ini diukur berdasarkan perkara-perkara berikut:

I. 1,200 hektar ladang diselenggara mengikut *Good Agriculture Practice* (GAP);
II. 8 pusingan mencuci – merumput;
III. 3 pusingan pembajaan;
IV. 1,468 tan bekalan baja;
V. sulaman pokok di bawah 7 pokok/hektar;
VI. kepadatan pokok sebanyak 125 pokok/ hektar; dan
VII. seramai 300 orang peneroka terlibat dengan program.

Outcome

Penemuan kajian ke atas pelaksanaan Program Penyelenggaraan Ladang Berpeneroka bagi tahun 2013, 2014 dan 2015 adalah seperti berikut:

I. ladang berhasil seluas 1,140 hektar;
II. hasil melebihi 5 tan / hektar pada tahun 2015;
III. kesemua peneroka yang terlibat dengan program terkeluar dari Paras Garis Kemiskinan (PGK);
IV. peluang pekerjaan sebanyak 120 kekosongan diwujudkan di ladang KESEDAR;
V. peningkatan pendapatan bagi mereka yang bekerja di ladang adalah sebanyak 20%; dan
VI. 80% peneroka bersetuju bahawa KESEDAR berusaha bersungguh-sungguh dalam melaksanakan program.

Isu dan Permasalahan

I. Keadaan ladang yang dipenuhi rumpai akan menyebabkan tanaman kelapa sawit terpaksa bersaing secara tidak sihat bagi mendapatkan nutrien atau zat makanan. Kawalan rumpai di ladang kelapa sawit perlu dijalankan bagi memastikan rumpai dikawal untuk memberikan pertumbuhan yang sempurna kepada kelapa sawit. Kawalan rumpai merupakan salah satu faktor yang termasuk dalam pengurusan agronomi tanaman kelapa sawit yang melibatkan kos kedua tertinggi iaitu sebanyak 17-22% daripada kos penjagaan;

II. Kegagalan pembajaan mengikut pusingan dan kadar pembajaan akan menyebabkan tumbesaran terbantut dan lambat untuk matang. Pembajaan adalah proses pembekalan nutrien secara seimbang kepada tanaman untuk keperluan tumbesaran dan pengeluaran hasil. Dengan cara ini tanaman sawit akan tumbuh dengan subur dan mengeluarkan hasil optimum. Pengesyoran baja yang tepat dan aplikasi baja dengan cara yang betul dapat memastikan pokok mengeluarkan hasil yang optimum; dan

III. *Good Agriculture Practice* (GAP) bagi tanaman sawit melibatkan perkara-perkara berikut:

   i. penyediaan tanah/ infrastruktur ladang;
   ii. penggunaan anak benih tulen;
   iii. kepadatan pokok;
   iv. kawalan musuh dan penyakit;
   v. pengurusan nutrien;
   vi. pengurusan rumpai, air dan cahaya; dan
   vii. penuaian dan penggredan Buah Tandan Segar (BTS).

Kegagalan untuk mengamalkan amalan *Good Agriculture Practice* (GAP) akan menyebabkan tanaman sawit tidak dapat mengeluarkan hasil yang optimum. Ini akan menyebabkan ladang lambat berhasil dan ladang tidak dapat mencapai hasil potensi sebenar seterusnya menyebabkan pendapatan peneroka KESEDAR yang telah melaksanakan tanam semula terjejas. Ini akan membantutkan usaha Kerajaan Malaysia untuk mencapai negara berpendapatan tinggi tahun 2020.

Penambahbaikan

Cadangan penambahbaikan bagi memastikan Program Penyelenggaraan Ladang Berpeneroka dapat memberikan *outcome* dan impak serta nilai tambah yang tinggi kepada masyarakat dan seterusnya negara adalah dengan penggunaan benih *Advance Planted Material* (APM) sebagai bahan tanaman amat penting walaupun anak sawit tetap akan diserang hidupan liar, kemandirian pokok ini lebih baik berbanding amalan biasa yang menggunakan benih pokok berumur 12 bulan.

Walaubagaimanapun, isu utama bagi penggunaan benih *Advance Planted Material* (APM) ialah tiada tapak semaian di pasaran pada ketika ini mengeluarkan benih *Advance Planted Material* (APM). Hampir 100% pengusaha tapak semaian hanya mengeluarkan benih 12 bulan. Oleh itu adalah dicadangkan supaya KESEDAR diberi peruntukan tambahan untuk mengeluarkan benih *Advance Planted Material* (APM). Kos pengeluaran benih *Advance Planted Material* (APM) adalah sebanyak RM10 - RM13 sepokok berbanding di pasaran dalam lingkungan RM16 – RM18 sepokok.



Sebelum



Selepas



Sebelum



Selepas

Program Penyelenggaraan Ladang Berpeneroka Tahun 2013, 2014 dan 2015



LAPORAN ANAK SYARIKAT

10

Latar Belakang dan Kedudukan Anak Syarikat Pada Tahun 2016

KESEDAR mempunyai 3 anak syarikat iaitu KESEDAR Perkilangan Sdn. Bhd (KPSB), KESEDAR Dagang Sdn Bhd (KDSB) dan KESEDAR Inn Sdn Bhd (KISB) serta 1 anak syarikat milik penuh KISB iaitu KESEDAR Travel And Tours Sdn Bhd (KTTSB). Kesemua ekuiti anak syarikat adalah milik penuh KESEDAR dengan jumlah modal dibenar sebanyak RM20.0 juta dan modal berbayar sebanyak RM19.04 juta. Kedudukan anak syarikat KESEDAR bagi tahun 2016 adalah sebagaimana **Jadual 27** berikut:

Jadual 27: Kedudukan Anak Syarikat KESEDAR bagi Tahun 2016

Nama Syarikat	Tahun Penubuhan	Modal Dibenar (RM Juta)	Modal Berbayar (RM Juta)	Teras Perniagaan	Untung/Rugi Tahun 2016 (RM)
KESEDAR Perkilangan Sdn Bhd (KPSB)	6 April 1981	17.0	16.94	Perkilangan & Perladangan	(5,741,722.00)
KESEDAR Dagang Sdn Bhd (KDSB)	23 Julai 1979	1.0	0.7	Hartanah & Perladangan	788,385.00
KESEDAR Inn Sdn Bhd (KISB)	18 Februari 1981	1.5	1.1	Perhotelan	96,925.00
KESEDAR Travel & Tours Sdn Bhd (KTTSB)	3 Mei 1994	0.5	0.3	Pelancongan	3,964.00

Perancangan Strategik Anak Syarikat KESEDAR bagi tahun 2017-2021:

KESEDAR Holdings Sdn Bhd (KHSB) dijangka akan ditubuhkan pada tahun 2017 dan akan menjadi syarikat induk kepada anak syarikat KESEDAR.

Peranan KESEDAR Holdings Sdn Bhd (KHSB) adalah:

I. sebagai pemegang pelaburan untuk syarikat subsidiari;
II. menjalankan fungsi kawalan dan pemantauan ke atas aktiviti perniagaan subsidiari;
III. menyalurkan peluang perniagaan kepada syarikat subsidiari;
IV. memantau prestasi kewangan dan membuat auditan dalaman subsidiari;
V. mengurus dan mengawal selia *consolidated account*;
VI. menguruskan pulangan kewangan dan sumbangan kepada KESEDAR; dan
VII. pengurusan kontrak dan perolehan.



KESEDAR Holding Sdn. Bhd. (KHSB) yang akan bertindak sebagai syarikat induk dengan aktiviti KHSB adalah sebagai pegangan pelaburan (Investment Holding Company) sementara aktiviti perhotelan yang dijalankan KISB sekarang akan dipindahkan kepada KESEDAR Travels and Tours Sdn. Bhd. (KTTSB)

KESEDAR PERKILANGAN SDN BHD (KPSB)

Perkilangan

- Aktiviti pemprosesan Buah Tandan Segar (BTS) sawit di Kilang Sawit Paloh 3.

  - Kapasiti Kilang : 30mt/jam (145,000 mt/tahun).

  - Bekalan Buah Tandan Segar (BTS); 81% pembekal luar dan 19% pembekal KESEDAR (peneroka : 24% dan tanpa peneroka : 76%).

- Aktiviti pemasaran dan perdagangan Minyak Sawit Mentah (MSM), Isi Rong Sawit (IRS), Olein (tempatan & eksport) dan aktiviti membungkus dan memasarkan minyak masak (D'Goreng).

Perladangan

- Membangunkan ladang milikan sendiri: (dibangunkan secara 2 fasa ke atas tanah seluas 1,000 hektar)

  - Fasa 1 - tahun 2017 seluas 500 hektar
  - Fasa 2 - tahun 2018 seluas 500 hektar

- Pengurusan tapak semaian sawit dan getah di Paloh 4, Gua Musang Kelantan.

- Agen pengurusan bagi Projek Agropolitan Kelantan Selatan di Rantau Manis.

KESEDAR DAGANG SDN BHD (KPSB)

- Memulakan kerja-kerja awal bagi projek baharu iaitu 6 lot rumah di Peringat Kota Bharu, 19 lot rumah di Tanah Merah dan 16 unit rumah berkembar di Taman KESEDAR Putra 2 Gua Musang.

- Mengurus harta milikan sebanyak 209 unit kedai/rumah.

KESEDAR HOTEL TRAVEL & TOURS SDN BHD

- Mempromosikan aktiviti perhotelan di Gua Musang termasuk:

  I. bilik penginapan;
  II. restoran;
  III. *catering;*
  IV. pengurusan majlis/acara; dan
  V. perunding kursus.

- Mempergiatkan promosi pelancongan iaitu:

  I. aktiviti *inbound*/ domestik;
  II. aktiviti *outbound*/luar;
  III. ejen pengurusan tiket kapal terbang;
  IV. Taman Mini Air Etnobotani;
  V. tapak perkhemahan; dan
  VI. pengangkutan.



PENGIKTIRAFAN & PENGHARGAAN

11

Pengurusan Tadbir Urus

1. Pengurusan Kewangan

(a) Pengurusan Pembayaran Bil 14 hari

Melalui Arahan Perbendaharaan 103, semua agensi kerajaan dikehendaki menguruskan pembayaran bil tidak lewat daripada 14 hari dari tarikh ianya diterima. Prestasi pengurusan pembayaran bil bagi keseluruhan tahun 2016 adalah sebagaimana di **Jadual 28** berikut:

Jadual 28 : Prestasi Pengurusan Pembayaran Bil

Tempoh	Bilangan Bil	Jumlah (RM)	Peratus (%)
1-7 Hari	3061	107,773,042.90	83.72
8-14 hari	483	20,962,667.78	16.28
>14 Hari	0	0	0.00
Jumlah	3544	128,735,710.68	100.00

(b) Sijil Audit Bersih Tanpa Teguran

Pada 20 Julai 2016, Jabatan Audit Negara Malaysia (JANM) telah mengadakan sesi *Exit Conference* bagi membentangkan isu-isu yang dibangkitkan oleh Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan KESEDAR bagi tahun 2015 bertempat di Bilik Mesyuarat Utama KESEDAR. Hasil daripada *Exit Conference* tersebut, KESEDAR telah berjaya mengekalkan rekod kecemerlangan dengan mendapat Sijil Audit Bersih Tanpa Teguran bagi Penyata Kewangan KESEDAR bagi tahun 2015. Kejayaan ini adalah buat kali yang kelima berturut-turut sejak tahun 2011.

Penyampaian Sijil Audit Bersih Tanpa Teguran tersebut telah disempurnakan oleh Lt Kol (K) Datuk Haji Anwari bin Suri, Timbalan Ketua Audit Negara kepada YBhg. Dato' Haji Fazam bin Mat Lazim, Pengurus Besar KESEDAR. Turut hadir pada majlis tersebut adalah Encik Iskandar Zurkarnain b. Ibrahim, Timbalan Pengurus Besar KESEDAR (Pengurusan), YBrs. Encik Lim Chin Teong, Timbalan Pengarah Audit, Bahagian Kewangan JANM, Encik Kamal Badrul Hisyam bin Mohamed, Pengurus Bahagian Kewangan KESEDAR dan Ketua-Ketua Bahagian serta warga kerja Bahagian Kewangan, KESEDAR.





Majlis Penyampian Sijil Audit Bersih Tanpa Teguran Penyata Kewangan Tahun 2015

2. Pembangunan Sumber Manusia

(a) Pengiktirafan daripada Kerajaan Negeri

Tahniah dan syabas diucapkan kepada dua orang kepimpinan tertinggi KESEDAR di atas pengiktirafan daripada Kerajaan Negeri Pahang dan Kerajaan Negeri Kelantan. **Jadual 29** menunjukkan nama dan jawatan serta pengiktirafan yang dikurniakan kepada 2 orang kepimpinan tertinggi KESEDAR tersebut.

Jadual 29 : Pengiktirafan Kerajaan Negeri kepada Kepimpinan Tertinggi KESEDAR pada Tahun 2016

NAMA:	Jawatan	Pengiktirafan
Dato' Haji Fazam bin Mat Lazim	Pengurus Besar KESEDAR	Darjah Kebesaran Mahkota Pahang Yang Amat Mulia -Peringkat Kedua Darjah Indra Mahkota Pahang (DIMP).
Tuan Haji Othman bin Ismail	Timbalan Pengurus Besar (Pembangunan) KESEDAR	Ahli Yang Ketiga (Paduka) Bagi Darjah Kebesaran Setia Mahkota Kelantan Yang Amat Terbilang (P.S.K).




Pengiktirafan kepada Kepimpinan Tertinggi KESEDAR

(b) Anugerah Inovasi dan Kualiti KKLW 2016

Pada 23 November 2016 bertempat di Dewan Utama, Lembaga Pertubuhan Peladang, Kuala Lumpur telah berlangsung sambutan Hari Inovasi KKLW Tahun 2016. KESEDAR telah dianugerahkan tiga Anugerah Kualiti dan Inovasi sebagaimana berikut:

a) Anugerah Kualiti Pengurusan Aset Alih – Tempat Pertama;
b) Anugerah Pengurusan Pejabat Negeri Terbaik (LKW) – Tempat Pertama; dan
c) Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam (Kategori Pengurusan) – Tempat Kedua




Anugerah Kualiti dan Inovasi KKLW Tahun 2016

(c) Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB)

Pada 15-16 November 2016, bertempat di Dewan Seri Lestari KKLW telah berlangsungnya Hari Simposium Psikologi & Kaunseling. Dalam majlis tersebut, pihak KKLW telah menyampaikan Sijil Pentauliahan AKRAB *Care* kepada 3 orang penjawat KESEDAR iaitu Puan Norlidasaidi binti Awang Teh, Pengurus Bahagian Pembangunan Ekonomi, Cik Fawrah 'Aimi binti Moh Bakery, Ketua Unit Undang-Undang dan Encik Mohamad Salleh bin Boniya, Penolong Akauntan. KESEDAR juga telah memperolehi 2 anugerah iaitu Anugerah Organisasi AKRAB Dinamik (3 tahun berturut-turut) dan Anugerah Individu AKRAB Proaktif iaitu Cik Rushwahanis binti Ramli, Pegawai Tadbir.





Pengiktirafan kepada Ahli AKRAB KESEDAR

Pengurusan Sukan

Kejohanan Futsal Kementerian Belia dan Sukan

Pasukan futsal KESEDAR telah dinobatkan sebagai juara dalam Kejohanan Futsal Kementerian Belia dan Sukan yang berlangsung pada 19-21 Ogos 2016 di Kompleks Futsal 1 Malaysia, Putrajaya. Kejohanan tersebut telah disertai oleh 67 pasukan daripada pelbagai agensi.





Kejohanan Futsal Kementerian Belia dan Sukan





MESYUARAT PENGURUSAN TERTINGGI

12



Mesyuarat Lembaga Pengarah

Sepanjang tahun 2016, Mesyuarat Lembaga Pengarah telah diadakan sebanyak 4 kali sebagaimana di **Jadual 30** berikut :

Jadual 30 : Mesyuarat Lembaga Pengarah sepanjang Tahun 2016



Mesyuarat Jawatankuasa Audit

Mesyuarat Jawatankuasa Audit yang telah diadakan sepanjang tahun 2016 adalah sebagaimana di **Jadual 31** berikut :

Jadual 31 : Mesyuarat Jawatankuasa Audit sepanjang Tahun 2016



Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan

Pada tahun 2016, Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan telah diadakan sebagaimana **Jadual 32** berikut :

Jadual 32 : Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan sepanjang Tahun 2016



Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA)

Pada tahun 2016, Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun telah diadakan sebagaimana **Jadual 33** di bawah :

Jadual 33 : Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun sepanjang Tahun 2016



Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ)

Sepanjang tahun 2016, Mesyuarat MBJ telah bersidang sebanyak 4 kali. Rumusan Mesyuarat MBJ adalah seperti di **Jadual 34** berikut:

Jadual 34 : Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan sepanjang Tahun 2016



Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan

Pada tahun 2016, Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan telah diadakan sebagaimana **Jadual 35** berikut :

Jadual 35 : Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan sepanjang Tahun 2016



Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pembangunan

Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pembangunan telah diadakan sebagaimana di **Jadual 36** berikut :

Jadual 36 : Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pembangunan sepanjang Tahun 2016



Mesyuarat Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU) KESEDAR

Pada tahun 2016, Mesyuarat Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU) KESEDAR telah diadakan sebagaimana **Jadual 37** berikut :

Jadual 37 : Mesyuarat Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU) Tahun 2016







MAJLIS RASMI & PERISTIWA BERSEJARAH

13

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC)

Pada 23-26 Februari 2016, Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) telah diadakan di Malaysia *Agro Exposition Park* Serdang. Buat julung kalinya, Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) ini diadakan secara berpusat iaitu membabitkan semua jabatan dan agensi di bawah KKLW. Majlis ini bertujuan untuk memberikan pengiktirafan ke atas daya usaha dan komitmen pegawai-pegawai yang telah menunjukkan prestasi cemerlang. Majlis ini telah dirasmikan oleh YB. Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Seramai 45 orang penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dari KESEDAR telah diraikan dalam majlis tersebut.





Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) KKLW

Majlis Perhimpunan Bulanan

Pada tahun 2016, Majlis Perhimpunan Bulanan KESEDAR telah diadakan sebanyak 2 kali iaitu pada 20 Mac 2016 dan pada 18 September 2016. Kedua-dua majlis tersebut telah diadakan di Dewan Pusat Sivik, Gua Musang, Kelantan. Antara intipati amanat yang telah disampaikan oleh YBhg. Dato' Haji Fazam bin Mat Lazim, Pengurus Besar KESEDAR dalam kedua-dua majlis tersebut adalah:

a) penekanan usaha untuk memperkasakan sistem penyampaian bagi meningkatkan keberkesanan perkhidmatan melalui program-program seperti KESEDAR *Smart Mobile* dan KESEDAR *Cyber Troopers*;

b) saranan kepada semua warga kerja KESEDAR terutamanya yang terlibat dengan kumpulan sasar khususnya pegawai-pegawai di lapangan agar sentiasa turun padang dan berdamping dengan masyarakat melalui Program Khidmat Komuniti dan program santai bersama pemimpin masyarakat iaitu Program *Makey Tea* dari masa ke masa;

c) memberi keutamaan dan kepentingan kepada rakyat dalam isu-isu seperti menangani peningkatan kos sara hidup, meningkatkan pendapatan isi rumah, meningkatkan taraf pendidikan, serta peluang pekerjaan dan perniagaan rakyat; dan

d) penekanan kepada semua kakitangan supaya tidak terjebak dalam gejala rasuah kerana akan menjejaskan imej kakitangan itu sendiri dan juga jabatan.



Majlis Perhimpunan Bulanan KESEDAR

Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri

Pada 24 Julai 2016, Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri KESEDAR telah diadakan di perkarangan Ibu Pejabat KESEDAR. Majlis ini telah berlangsung dengan meriah serta berjaya menarik ribuan pengunjung yang terdiri daripada warga kerja KESEDAR dan juga kumpulan sasar di kawasan Kelantan Selatan.

Majlis ini turut diserikan dengan kehadiran YBhg. Dato' Azizan bin Mohamad Sidin, Timbalan Ketua Setiausaha (TKSU) Perancangan KKLW, YB Datuk Haji Abdul Aziz bin Derashid, Pengerusi KESEDAR bersama Timbalan Pengerusi KESEDAR, Ahli-ahli Lembaga Pengarah KESEDAR, Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan dan Negeri serta warga kerja masing-masing.

Pada masa yang sama, pelancaran Program Usahawan *Mobilepreneur* turut diadakan dan dirasmikan oleh YBhg. Dato' TKSU (Perancangan) KKLW. Seramai 5 orang usahawan bimbingan KESEDAR yang berpotensi telah dipilih sebagai usahawan bergerak dengan menawarkan perkhidmatan dari rumah ke rumah atau ke sesuatu tempat lain mengikut permintaan pelanggan. Perkhidmatan yang ditawarkan adalah gunting rambut, membaiki motosikal, rawatan resdung tradisional, peralatan kosmetik dan khidmat catering. Program ini adalah salah satu usaha KESEDAR untuk mewujudkan usahawan bergerak dengan memberi bantuan kewangan sehingga RM5,000,00 kepada setiap seorang peserta.

Dalam majlis ini juga, KESEDAR telah menyerahkan sumbangan kepada seramai 100 orang penduduk yang kurang bernasib baik yang terdiri daripada golongan kurang upaya, ibu-ibu tunggal, warga emas dan anak-anak yatim.

Selain daripada menjamu selera, pengunjung juga disajikan dengan persembahan oleh Kumpulan Dikir Barat KESEDAR dan Kumpulan Nasyid.



Sambutan Hari Raya Aidilfitri KESEDAR



Majlis Pelancaran Program Usahawan Mobilepreneur KESEDAR

Majlis Sambutan Hari Kemerdekaan Ke-59

KESEDAR dengan kerjasama Radio Klasik RTM tidak ketinggalan turut mengadakan sambutan ulang tahun kemerdekaan pada malam 31 Ogos 2016 bertempat di Dataran Gua Musang. Majlis ini diadakan cukup meriah dengan kehadiran tetamu jemputan khas, YB Encik Abd. Aziz bin Yusof, ADUN Galas, YB Datuk Haji Aziz bin Derashid, Pengerusi KESEDAR, YB Dato' Paduka Norzula bin Mat Diah, Timbalan Pengerusi KESEDAR dan YBhg. Dato' Haji Fazam bin Mat Lazim, Pengurus Besar KESEDAR serta tetamu dari dalam dan luar Wilayah Kelantan Selatan.

Usaha KESEDAR untuk mengadakan majlis ini adalah untuk mengeratkan lagi hubungan sesama penjawat KESEDAR dan keluarga tanpa mengira jawatan dan pangkat serta memupuk semangat patriotisme dalam kalangan masyarakat.

Antara pengisian program yang dilaksanakan adalah perarakan dan menaikkan Jalur Gemilang, persembahan tarian 1 Malaysia, persembahan dikir barat, deklamasi sajak kemerdekaan, persembahan bunga api dan sebagainya.



Sambutan Kemerdekaan ke-59





LIPUTAN MEDIA

14

16 keluarga terima sumbangan

Hilang sumber pendapatan selepas kebakaran kebun getah, syukur terima sumbangan awal Ramadan

KUALA KRAI - Seramai 16 mangsa kebakaran yang berlaku lebih sebulan lalu di kebun getah di Skow Pak Long, di sini, bersyukur kerana menerima sumbangan daripada Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (Kesedar), petang semalam.

Setiap keluarga menerima sumbangan wang tunai berjumlah RM300 dan kebanyakan mereka berhasrat untuk mengguna wang tersebut bagi membeli barangan keperluan Ramadan.

Salah seorang penerima ditemui, Othman Ali, 72, berkata, kebakaran terbabit menyebabkan ramai penduduk hilang sumber pendapatan dan dia sendiri sudah tidak bekerja.

"Jadi wang sumbangan itu dapatlah pakcik guna untuk perbelanjaan dalam masa terdekat. Saya bersyukur kerana bantuan ini diterima pada awal Ramadan.



> **"Terima kasih diucapkan kepada Ketua Umno Bahagian Kuala Krai merangkap Adun Dabong, Datuk Ramzi Ab Rahman atas usahanya membantu semua mangsa kebakaran."** - Othman

"Terima kasih diucapkan kepada Ketua Umno Bahagian Kuala Krai merangkap Adun Dabong, Datuk Ramzi Ab Rahman atas usahanya membantu semua mangsa kebakaran," katanya.

Seorang lagi penerima bantuan ditemui, Kalsom Abdullah, 46, berkata, selepas kebunnya terbakar lebih sebulan lalu, dia hanya bercucuk tanam di sekitar halaman rumah di samping mengambil upah menoreh getah di kebun penduduk.

Sementara itu, Ramzi ketika ditemui memaklumkan, setiap mangsa kebakaran telah menerima bantuan peribadi sebanyak RM200 bagi setiap keluarga.

"Saya juga akan mengusahakan agar pekebun getah yang menjadi mangsa kebakaran dapat menjalani proses penanaman semula dengan bantuan Risda," katanya ketika ditemui selepas menyampaikan sumbangan berkenaan bersama Pengurus Kesedar Wilayah Kuala Krai, Faudzi Abd Rahman.



Mangsa kebakaran menerima sumbangan di Dewan Pejabat Kesedar, petang semalam.

KKLW, Kesedar bantu peneroka

Sebanyak RM23,500 diagihkan kepada 47 peneroka di Chenulang

KUALA KRAI - Sebanyak RM23,500 disediakan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) dan Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (Kesedar) bagi membantu seramai 47 peneroka di Kampung Chenulang yang terlibat dalam kebakaran kebun getah pada Februari 2014.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Ahmad Jazlan Yaakub memaklumkan, setiap peneroka menerima RM500, iaitu RM300 daripada KKLW dan RM200 daripada Kesedar.

"Sumbangan yang diberikan ini adalah untuk meringankan beban ditanggung peneroka getah yang mengalami kerugian akibat kebakaran pada dua tahun lalu," katanya selepas Majlis Penyampaian Sumbangan Mangsa Kebakaran di Dewan Kesedar Chenulang Wilayah Kuala Krai, Sabtu lalu.

Hadir sama, Pengerusi Lembaga Pengarah Kesedar, Datuk Abdul Aziz Derashid dan Pengerusi Majlis Pembangunan Luar Bandar (MPLB) Parlimen Kuala Krai, Datuk Ramzi Ab Rahman.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKKP) Chenulang, Muhd Rudin Isa bersyukur kerana nasib peneroka terbela dengan pemberian sumbangan tersebut.

"Saya mewakili semua peneroka terbabit, mengucapkan terima kasih kepada KKLW dan Kesedar atas sumbangan yang diberikan. Sekurang-kurangnya ia dapat menampung perbelanjaan mereka," katanya.

Seorang peneroka yang ditemui, Habidin Omar, 49, bersyukur menerima bantuan berkenaan yang dianggap sangat berharga kerana dapat meringankan bebannya sekeluarga dan wang berkenaan akan digunakan sebaik mungkin.



Ramzi (kiri) mengiringi Ahmad Jazlan melakukan tinjauan di sekitar kawasan rumah peneroka di Rancangan Pembangunan Tanah (RPT) Chenulang, Sabtu lalu.

Sebuah kedai 10 usahawan

Kedai Benang Kreatif kumpul RM10,000 setiap seorang untuk modal buka perniagaan

GUA MUSANG - Bukan mudah untuk membuka sebuah kedai sekiranya kekangan modal membelenggu biarpun ada kemahiran.

Bagi Mohamad Arif Mohamad Yajid, 28, bantuan dana yang diberikan Kesedar sebanyak RM10,000 juga tidak mampu melunaskan hasratnya untuk membuka sebuah perusahaan.

Malah katanya, setelah berbincang dengan beberapa rakan usahawan Kesedar di bawah Program Peningkatan Pendapatan (PPP), mereka bersetuju untuk melaburkan kesemua modal mereka untuk membuka kedai.

Menurutnya, seramai 10 peserta PPP termasuknya sepakat untuk bekerjasama dalam mengusahakan kedai yang menawarkan perkhidmatan menjahit pakaian lelaki dan wanita serta menjual aksesori jahitan, Kedai Benang Kreatif.

"Kami membuka kedai ini dengan modal RM100,000 di mana setiap seorang memperoleh dana RM10,000 dari Kesedar. Kesemuanya kami gunakan untuk membuka kedai ini.

"Biarpun baharu sahaja ditubuhkan, namun kami menerima banyak tempahan secara pukal dari agensi kerajaan dan swasta. Bukan sahaja jahitan pukal, kami juga menerima tempahan secara individu mengikut kehendak pelanggan.

"Kesemua yang terlibat dalam perusahaan ini boleh menjahit pelbagai jenis rekaan pakaian dan kami amat berterima kasih kepada Kesedar kerana banyak membantu," katanya.

Selain Mohamad Arif, sembilan peserta lain adalah Hazwani Yah, 27, Hazimah Ismail, 22, Nurul Athirah Haszema, 20, Nor Ani Nissa Mokhtar, 19, Norsyamira Ramlee, 23, Norma Azmira Che Mat, 21, Faridah Zakaria, 33, Rusiani Kosim 42 dan Nor Diana Abdullah, 20.

Sementara itu, Pengurus Besar Kesedar, Datuk Fazam Mat Lazim berkata, konsep PPP diperkenalkan bagi menyediakan bantuan kewangan dan pengurusan kepada peserta.

"Dalam program ini, kita membantu peserta dalam meningkatkan pendapatan dan seterusnya mampu keluar dari garis kemiskinan.

"Kadar bantuan yang diberikan maksimum RM10,000 setiap peserta merangkumi kos latihan dan kursus kemahiran asas projek, maksimum RM1,500 seorang.

"Kumpulan sasar pula terdiri daripada golongan di bawah program e-Kasih dan belia yang memiliki Sijil Kemahiran Malaysia (SKM)," katanya.



Mohamad Arif (kiri) bersama peserta lain mendengar amanat daripada Pengurus Besar Kesedar, Datuk Fazam Mat Lazim.

Tiada kompromi dalam rasuah

Gesa kakitangan kerajaan elak masalah integriti



Ahmad Jazlan (kiri) menerima cenderahati daripada Abd Aziz (tiga, kanan) atas kesudiannya merasmikan Majlis Perhimpunan Bulanan Kesedar.

GUA MUSANG - Kerajaan tidak akan berkompromi terhadap mana-mana kakitangan atau agensi yang terlibat dengan isu rasuah atau ketirisan dalam jabatan, termasuk seluruh kakitangan di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW).

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Ahmad Jazlan Yaakub menyeru seluruh kakitangan di bawah KKLW mengelak diri daripada terjebak dalam masalah yang boleh menggugat integriti itu.

Beliau berkata, seluruh lapisan masyarakat hari ini membicarakan secara terbuka soal integriti dan kakitangan kerajaan harus peka dengan perkara tersebut.

"Saya harap perkara sebegini tidak berlaku dalam jabatan atau agensi kerajaan khususnya di bawah KKLW. Gejala ini bukan sahaja boleh menjejaskan pendapatan negara, malah boleh menyebabkan beberapa pihak tidak mendapat manfaat sepatutnya," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas merasmikan Majlis Perhimpunan Bulanan Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (Kesedar) di Dewan Pusat Sivik, di sini.

> **"Ini adalah usaha serta hasrat kerajaan dalam memastikan masyarakat luar bandar menerima faedah terus daripada kerajaan tanpa gangguan atau ketirisan daripada mana-mana pihak."** - Ahmad Jazlan

Hadir sama, Pengerusi Kesedar, Datuk Abd Aziz Derashid, Timbalan Pengerusi Kesedar, Datuk Nozula Mat Diah, Pengurus Besar Kesedar, Datuk Fazam Mat Lazim dan Pengarah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Negeri Kelantan, Datuk Moh Samsudin Yusof.

Ahmad Jazlan menyifatkan langkah Kesedar melaksanakan Lafaz Ikrar Integriti Korporat wajar dipuji kerana ia menyahut seruan kerajaan dalam mencegah masalah integriti seminimum mungkin.

Katanya, masih banyak agensi di Kelantan belum membuat lafaz ikrar itu dan ia membuktikan Kesedar telah bergerak ke depan.

"Menerusi program Transformasi Luar Bandar yang diumumkan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, integriti menjadi salah satu prasyarat utama.

"Ini adalah usaha serta hasrat kerajaan dalam memastikan masyarakat luar bandar menerima faedah terus daripada kerajaan tanpa gangguan atau ketirisan daripada mana-mana pihak," katanya.

Dalam perkembangan lain, beliau menyifatkan perjanjian migrasi air antara kerajaan pusat dan negeri membuktikan Kelantan tidak pernah dianaktirikan sepertimana dakwaan sebelum ini.

Tambahnya, dalam tempoh 26 tahun Kelantan di bawah pentadbiran pembangkang, kerajaan pusat tidak pernah menolak sebarang permintaan daripada kerajaan negeri.

"Kerajaan sentiasa pertimbangkan apa juga permintaan kerajaan negeri termasuk dalam hal berkaitan bekalan air yang bakal mencecah kos berbilion ringgit.

"Namun kerajaan juga perlu memikirkan penyelesaian terbaik agar usaha ini memberi faedah kepada rakyat termasuk merombak struktur pengurusan Air Kelantan Sdn Bhd (AKSB)," katanya.



FAZAM MAT LAZIM (kiri) menyampaikan sumbangan kepada seorang bakal jemaah haji dalam Majlis Tautan Kasih Bersama Penduduk Kesedar Chalil dan Peserta Program Khas Haji Perdana Menteri-Yayasan 1MDB di Gua Musang, kelmarin.

Kesedar bina 700 rumah generasi kedua menjelang 2020

GUA MUSANG 8 Ogos - Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (Kesedar) merancang membina 700 buah rumah untuk generasi keduanya menjelang tahun 2020.

Pengurus Besarnya, Datuk Fazam Mat Lazim berkata, sebagai permulaan pada tahun ini, sebanyak 200 unit rumah akan dibina di Paloh.

Beliau berkata, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) telah memberi tanggungjawab kepada pihak Kesedar untuk menyelesaikan masalah tempat tinggal untuk generasi kedua.

"Rumah ini dibina untuk memberi kemudahan tempat tinggal generasi kedua yang masih menumpang di rumah keluarga serta tidak mampu memiliki rumah sendiri kerana berpendapatan rendah.

"Melalui projek ini, generasi kedua boleh memiliki rumah yang selesa dengan kos rendah apabila pihak kerajaan memberi subsidi sebanyak RM20,000 setiap unit bergantung kepada jenis rumah.

"Harga rumah yang kita akan bina bermula dari RM30,000 sehingga RM45,000," katanya kepada pemberita selepas Majlis Tautan Kasih Bersama Penduduk Kesedar Chalil dan Peserta Program Khas Haji Perdana Menteri-Yayasan 1MDB, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Yang Dipertua Majlis Belia negeri, Mohd. Syahbuddin Hashim dan Timbalan Pengurus Besar Kesedar, Othman Ismail.

Pada majlis tersebut juga, Fazam telah menyampaikan sumbangan wang tunai sebanyak RM1,000 kepada tujuh bakal jemaah haji yang terpilih.

Mereka yang terpilih untuk menunaikan ibadah haji adalah dalam kalangan peneroka, penggerak masyarakat, imam masjid dan Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan.

Dun Gual Ipoh sekali lagi jadi pilihan mahasiswa

TANAH MERAH - Dun Gual Ipoh, di sini, sekali lagi menjadi pilihan mahasiswa Universiti Sultan Sharif Kasim, Riau, Indonesia bagi melaksanakan program bakti siswa bersama masyarakat di negeri ini.

Tahun lalu Mukim Peralla di Dun sama menjadi lokasi pilihan untuk program itu dan pada tahun ini pihak universiti berkenaan memilih Mukim Bukit Durian dan Mukim Bukit Pauh sebagai penempatan mahasiswa terlibat.

Penyelia Dun Gual Ipoh, Wan Yusoff Wan Mustafa berkata, beliau meletakkan harapan tinggi terhadap mahasiswa dan masyarakat setempat yang terlibat dalam program itu.

Menurutnya, harapan pertama adalah untuk melihat mahasiswa terbabit menimba sebanyak mungkin pengalaman berharga bagi membina kerjaya menerusi penglibatan secara langsung dengan masyarakat.

"Keduanya, saya harap masyarakat boleh menumpang manfaat ilmu yang ada pada mahasiswa terlibat daripada kehadiran mereka pada program atau kunjungan ke rumah penduduk.

"Mereka (mahasiswa) akan adakan tazkirah, kuliah Maghrib, kuliah Subuh, majlis ilmu dan program kemasyarakatan seperti kursus pengurusan jenazah. Jadi masyarakat dapat rasai kehadiran mereka," katanya pada majlis perasmian program Bakti Siswa dan majlis Jamuan Hari raya peringkat Dun Gual Ipoh, kelmarin.

Hadir sama, Dr Zarkasih Abdul Wahab (M.Ag) selaku pensyarah pengiring, Dekan Pusat Pengajian Siswazah Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza), Prof Dr Mustafa Mamat dan Pengarah program, Mohd Shazuwan Zaidi.

Bakti Siswa bermula 16 Julai lalu hingga 8 September depan, melibatkan seramai 13 mahasiswa dan 16 mahasiswi dalam kalangan penuntut tahun akhir Fakulti Syariah dan Fakulti Usuluddin universiti berkenaan.

Sementara itu, Zarkasih berkata, di samping menjalin hubungan dengan masyarakat, mahasiswa terlibat akan cuba mengaplikasikan ilmu dipelajari di universiti terutama dari segi tarbiah agama.

"Dia (mahasiswa) bisa (mampu) secara maksimum membantu masyarakat tempatan, secara langsung dapat belajar di tengah masyarakat dan menerapkan ilmu dipelajari di kuliah," katanya.

Ujarnya, program kali ini masuk tahun keempat selepas kali pertama diadakan di Terengganu, diikuti Selangor pada tahun kedua dan Kelantan (Kuala Krai dan Peralla) pada tahun lalu.

"Di samping menjalin silaturahim dan mengaplikasikan ilmu kepada masyarakat, program ini juga termasuk dalam pengiraan kredit bagi mendapatkan ijazah," jelas Zarkasih.

Mengenai kesan program sebelum ini kepada mahasiswa terlibat, beliau berkata, peserta ada kesedaran apa yang berlaku dalam masyarakat berbeza dengan ilmu dipelajari dalam kuliah.



Wan Yusoff (duduk, tengah) bersama sebahagian mahasiswa Universiti Sultan Sharif Kasim yang terlibat dalam program Bakti Siswa di Dun Gual Ipoh.



Wan Yusoff menyerahkan cenderahati kepada Zarkasih sempena perasmian program Bakti Siswa di Gual Ipoh.

Jangan berpolitik dalam masjid

Institusi ibadat sepatutnya jadi tempat penyatuan tanpa mengira fahaman politik

GUA MUSANG - Masyarakat di daerah ini diingatkan agar tidak menjadikan tempat ibadat terutama masjid sebagai medan atau tempat perbincangan isu politik semasa demi kepentingan diri.

Adun Galas, Ab Aziz Yusoff berkata, perkara itu tidak seharusnya berlaku kerana masjid merupakan institusi yang tidak mempunyai sekatan kepada mana-mana parti politik.

"Sekali lagi saya ingatkan, jangan main politik dalam masjid kerana masjid adalah tempat untuk beribadat tanpa apa-apa halangan.

"Ada baiknya masjid dijadikan tempat penyatuan bersama dan tempat di mana kita boleh melupakan fahaman politik masing-masing. Pembinaan masjid bukan tertakluk kepada mana-mana parti. Ia dibina untuk rakyat dan sama-samalah kita mengimarahkannya," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Penyampaian Sumbangan Berbuka Puasa Masjid/Madrasah, Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (Kesedar) Wilayah Gua Musang yang turut dihadiri Timbalan Pengurus Besar Kesedar, Othman Ismail.

Pada majlis itu, sebanyak 20 masjid dan 43 madrasah menerima sumbangan berbuka puasa.

Dalam perkembangan lain, Ab Aziz memaklumkan, sehingga kini pembinaan masjid baharu di Mukim Bandar Lama, iaitu Masjid Razaleigh masih berlangsung dan kerja-kerja mencuci tapak sedang dilaksanakan.

"Pembinaan masjid baharu itu dijangka siap dalam tempoh 18 bulan. Kita sudah tunggu selama dua tahun untuk mendapat kelulusan pembinaan masjid baharu itu bagi menggantikan masjid lama yang tidak lagi dapat menampung pertambahan penduduk.

"Apabila masjid baharu itu siap sepenuhnya, kita akan baik pulih masjid lama, iaitu Masjid Tengku Muhammad Faiz Petra dan insya-ALLAH, masjid lain akan dibina di Tanah Putih," katanya.



Ab Aziz menyampaikan sumbangan berbuka puasa kepada wakil masjid dan madrasah.

KESEDAR PACU PEMBANGUNAN



Oleh AIMUNI TUAN LAH
pengarang@utusan.com.my

LEMBAGA Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR) yang ditubuhkan pada 1978 melalui Akta 203 dan Akta Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan dilihat menjadi nadi yang memacu pembangunan masyarakat luar bandar di wilayah Kelantan Selatan.

Bermula pada tahun tersebut, KESEDAR telah mula membangunkan ladang komoditi getah dan kelapa sawit.

Kini kawasan yang dimajukan itu telah mencecah lebih 20,000 hektar dan memberi manfaat kepada 11,000 keluarga peneroka.

Hasilnya, peneroka KESEDAR kini melalui kehidupan baru dalam perkampungan moden yang memiliki prasarana serta kemudahan lengkap serta mengamalkan amalan pertanian moden dan terurus.

Perkampungan moden ini turut dilengkapi dengan perkhidmatan sosial yang secara langsung telah memberi kemudahan dan peluang pendidikan yang lebih baik kepada generasi kedua KESEDAR.

Rancangan Kemajuan Tanah KESEDAR adalah contoh kejayaan gemilang program-program pembangunan KESEDAR yang bukan sahaja berjaya mengatasi masalah kemiskinan bagi ribuan keluarga masyarakat Melayu malah turut berjaya membawa mereka menerokai kejayaan lebih luas terutamanya dalam bidang keusahawanan.

Bagi meneruskan objektif penubuhannya, KESEDAR kini dalam peringkat melaksanakan tanam semula ladang-ladang kepala sawit di mana projek itu sedang giat dilaksanakan melibatkan kira-kira 2,200 orang peneroka.

Projek mega ini dijangka mampu meningkatkan pendapatan isi rumah peneroka kepada sekurang-kurangnya RM4,000 sebulan menjelang 2020.

Pengurus Besar KESEDAR, Datuk Fazam Mat Lazim berkata, bagi mencapai agenda transformasi 'Membandarkan Luar Bandar', pihaknya telah menggarap 19 transformasi yang bakal dilaksanakan dalam tempoh 2016-2020.

Katanya, pendekatan holistik dan bersepadu diambil dalam transformasi ini yang sudah pasti memberi manfaat kepada golongan sasar seperti golongan miskin tegar, pekebun kecil dan masyarakat Orang Asli.

"Pada tahun ini, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah telah menyalurkan sebanyak RM700,000 kepada KESEDAR bagi melaksanakan pelbagai inisiatif *quick win* yang boleh memberi pulangan peningkatan pendapatan sampingan kepada sekurang-kurangnya 700 orang peneroka.

"Bidang-bidang yang digariskan untuk diberi tumpuan ialah pertanian (kebun dapur), penternakan (lebah kelulut) dan perniagaan (sejuk beku). Inisiatif ini mampu menangani kos sara hidup kumpulan sasar dengan menjana pendapatan sekurang-kurangnya sebanyak RM1,000 sebulan," katanya.

Menurutnya, KESEDAR juga berhasrat untuk membangunkan projek pertanian agro-desa di jajahan kecil Lojing yang berada pada ketinggian 610 hingga 1,500 meter dari paras laut dengan suhu antara 18 hingga 25 Celsius.

Kawasan tersebut yang mempunyai penduduk seramai 8,625 orang dengan majoritinya terdiri daripada masyarakat Orang Asli sesuai dibangunkan sebagai kawasan pertanian hawa sederhana dengan tanaman sayur-sayuran dan bunga-bungaan.

"Konsep pembangunan yang kami rancangkan adalah melibatkan kawasan seluas 52 hektar, iaitu 20 hektar sebagai kebun pusat dan 32 hektar lagi diusahakan oleh golongan belia. Kami menganggarkan sebanyak RM11 juta diperlukan untuk melaksanakan projek yang melibatkan kerja-kerja pembangunan dan operasi.

"Pelaksanaan projek ini akan kami laksanakan secara Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) dengan Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jakoa) sebagai salah satu projek penggerak ekonomi dibawah sektor pertanian dan pelancongan," katanya.

Tambah Fazam, cadangan tapak projek telah dikenalpasti melalui beberapa siri perbincangan dan lawatan tapak dibuat.

"Proses permohonan pengambilan tanah telah kami kemukakan kepada pihak berkuasa negeri Kelantan dan KESEDAR meletakkan jangkaan peserta yang terlibat di dalam program itu akan memperoleh pendapatan melebihi RM6,000 sebulan," katanya.

Sementara itu, pembentangan Bajet 2017 oleh Perdana, Datuk Seri Najib Razak baru-baru ini yang meluluskan peruntukan lebih besar iaitu lebih RM9 bilion kepada pembangunan masyarakat luar bandar adalah disambut baik.

Peruntukan terbesar adalah adalah untuk pembangunan usahawan dan KESEDAR dijangka mendapat peruntukan kira-kira RM12.6 juta untuk terus membantu usahawan.

"Saya percaya dengan peruntukan ini kita akan meneruskan program usahawan yang telah dirancang dan bilangan usahawan juga akan bertambah.

"KESEDAR akan memberi penumpuan kepada program Mobilepreneur yang telah dilancarkan pada bulan Ogos lalu dan kami menjangkakan ramai usahawan akan menghadiri kursus dan mengembangkan perniagaan mereka," katanya.



FAZAM MAT LAZIM menunjukkan lokasi Pelan Pembangunan Kelantan Selatan di pejabat KESEDAR di Gua Musang.

Kesedar serah 10 kios perniagaan

Usaha bantu usahawan makanan dari tiga kawasan tingkatkan pendapatan

GUA MUSANG - Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (Kesedar) memperuntukkan hampir RM70,000 bagi membantu 10 usahawan dari Gua Musang, Kuala Krai dan Jeli memiliki kios perniagaan.

Pengurus besar, Datuk Fazam Mat Lazim berkata, pemberian ini adalah usaha bagi meninggalkan pendapatan golongan usahawan Kesedar dalam kategori perusahaan makanan.

"Sebelum ini, mereka hanya berdiri dengan bangsal binaan sendiri yang strukturnya sekadar ada. Dengan pemberian ini, kita berharap mereka dapat menjana lebih pendapatan bagi mengatasi beberapa kos sara hidup.

"Penyerahan 10 kios ini hanya permulaan. Selepas ini pemberian ini akan dikembangkan dan ditambah dari masa ke masa termasuk bagi kategori lain.

"Ia bertepatan dengan keutamaan Kesedar di mana pada tahun hadapan, lebih banyak premis dan program pembangunan usahawan akan diperkenalkan bagi membantu usahawan tempatan menjana pendapatan lumayan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis penyerahan 10 kios perniagaan kepada 10 usahawan Kesedar di ibu pejabat, di sini.

Turut hadir, Timbalan Pengerusi Kesedar, Datuk Nozula Mat Diah dan Adun Galas, Ab Aziz Yusoff.

Penerima, Halimah Mat Salleh, 54, berkata, dalam tempoh empat tahun menjalankan perniagaan makanan tradisi Kelantan, akak dan baulu, dia hanya membina sendiri bangsal jualannya.

"Saya meniaga di Renok Baru dengan bangsal biasa dengan dibantu anak (Wan Nor Aisya Nezira Wan Yusoff, 18). Dalam masa sehari, saya mampu jual 500 biji akak.

"Pemberian kios ini amat bermakna buat kami kerana ia akan digunakan untuk menarik lebih ramai pelanggan lagi," katanya.

Peniaga pisang goreng, Khabir Harun, 55, kios yang diterima itu akan digunakan untuk menjual burger sebagai usaha meningkatkan lagi pendapatannya.

"Sebelum ini, saya meniaga pisang goreng dan kios ini akan diletakkan bersebelahan dengan gerai asal. Kios ini akan digunakan untuk menjual burger," katanya.

Bagi penjual burger di sebelah pasaraya Econjaya, di sini, Nik Min Zakaria, 41, sebelum ini dia hanya berniaga dengan bantuan gerai kecil bagi menampung pendapatan keluarga.

"Terima kasih kepada Kesedar kerana sudi membantu saya. Insya-ALLAH, pemberian ini tidak akan disia-siakan malah saya semakin bersemangat untuk meneruskan perniagaan ini," katanya.



Fazam (belakang, tiga, kiri), Nozula dan Ab Aziz bersama 10 usahawan yang layak menerima kios perniagaan daripada Kesedar.

Kesedar jamu 600 tetamu

GUA MUSANG - Lebih 600 pengunjung dari seluruh kawasan di sini hadir memeriahkan majlis sambutan Aidilfitri anjuran Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (Kesedar).

Majlis berlenan turut dihadiri Pengerusi Lembaga Kesedar, Datuk Abdul Aziz Derashid dan Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan) Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW), Datuk Azizan Mohamad Sidin.

Dalam pada itu, Pengurus Besar Kesedar, Datuk Fazam Mat Lazim turut menyampaikan sumbangan kepada orang kurang upaya, ibu tunggal, anak yatim dan warga emas di kawasan ini.

Tetamu turut dihiburkan dengan persembahan nasyid dan dikir barat.



Antara tetamu yang hadir pada majlis sambutan Aidilfitri Kesedar.

Kesedar bantu G2K miliki rumah

Terima amanah daripada KKLW untuk bina 700 unit menjelang 2020

GUA MUSANG - Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (Kesedar) sedang melaksanakan pembinaan rumah untuk Generasi Kedua Kesedar (G2K) di Paloh 2, di sini, bermula tahun ini, bagi membantu golongan berkenaan memiliki rumah sendiri.

Pengurus Besar Kesedar, Datuk Fazam Mat Lazim berkata, program pembangunan rumah untuk G2K telah dilancarkan pada peringkat kebangsaan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW).

Menurutnya, KKLW memberi amanah kepada Kesedar untuk membina sekurang-kurangnya 700 unit rumah menjelang 2020 dan untuk tahun ini agensi itu akan membina sebanyak 200 unit terlebih dahulu di Paloh 2.

"Insya-ALLAH pada tahun depan sebanyak 500 unit lagi akan dibina bagi membantu G2K memiliki kediaman sendiri yang lebih selesa dengan bayaran murah. Lokasi pembinaan juga akan dikembangkan kepada beberapa kawasan lain di jajahan Kesedar.



Fazam (kiri) menyampaikan sumbangan RM1,000 kepada bakal haji yang mendapat pembiayaan penuh daripada Yayasan 1MDB.

"Kesedar akan menyediakan tanah secara percuma, manakala infrastruktur akan disediakan oleh KKLW. G2K hanya perlu bayar harga rumah," katanya pada Majlis Tautan Kasih bersama penduduk Kesedar Chalil, di sini.

Hadir sama, Timbalan Pengurus Besar Kesedar, Othman Ismail, Setiausaha Umno Bahagian Gua Musang, Tuan Mustapha Tuan Soh, Ketua Penerangan Umno bahagian, Mohd Syahbuddin Hashim dan Ahli Jawatankuasa Umno bahagian, Amran Ariffin.

Beliau memaklumkan, rumah-rumah yang bakal dibina itu ditawarkan dengan kadar harga serendah RM45,000 sehingga RM65,000 bergantung kepada jenis dan kategori rumah yang dipilih.

Katanya, rumah-rumah berkenaan dibina dalam tiga kategori, iaitu kategori A pada harga RM65,000, B (RM55,000) serta C (RM45,000) dan kerajaan bersetuju memberi subsidi dari RM15,000 sehingga RM20,000 bagi setiap rumah bergantung kepada kategori dipilih.

"Bayaran bulanan pula ditetapkan pada kadar RM279 untuk kategori A, RM240 bagi kategori B dan RM179 bagi kategori C. Dengan kadar bayaran rendah ini kita yakin G2K mampu membayarnya walaupun tidak mempunyai pendapatan tetap.

"Malah Kesedar akan bantu G2K dengan menaikkan pendapatan mereka dari pelbagai sudut termasuk bidang keusahawanan, ini adalah usaha membantu golongan muda menikmati kehidupan lebih selesa dan melahirkan generasi hebat serta cemerlang," katanya.

Pada majlis berkenaan, Fazam turut menyampaikan sumbangan RM1,000 setiap seorang kepada tujuh bakal haji Kesedar yang mendapat pembiayaan penuh daripada Yayasan 1 Malaysia Development (1MDB) untuk mengerjakan rukun Islam kelima tahun ini.

Tahan lapar demi baiki rumah uzur

» Sekeluarga miskin bersyukur terima kediaman baharu sumbangan Kerajaan Pusat

Oleh Ramli Ibrahim
bhkb@bh.com.my
Gua Musang

"Kami sekeluarga pernah menahan lapar kerana menyimpan duit untuk membaiki rumah yang uzur dan hampir roboh," kata Nik Pa Ariffin, 45, dari Kampung Bertam Baru, yang menerima rumah baharu menerusi Program Bantuan Rumah (PBR).

Beliau adalah antara 13 penduduk miskin dalam kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Nenggiri yang menerima kunci rumah yang dibina Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR) dan disampaikan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Nenggiri, Datuk Mat Yusoff Ab Ghani di Kampung Bertam Baru, semalam.

Tidak terpikir duduk rumah baharu

"Alhamdulillah, saya sebelum ini tidak pernah terfikir dapat menduduki rumah baharu tetapi selepas kemiskinan hidup saya mendapat perhatian Kerajaan Pusat, saya kini boleh memulakan hidup baharu.

"Hasil pendapatan bekerja kampung sekitar RM400 sebulan, dapatlah saya berbelanja untuk keluarga berbanding sebelum ini saya terpaksa mengikat perut untuk menyimpan duit kerana ingin membaiki rumah yang sudah uzur dengan atap bocor," katanya.

Nik Pa berkata, beliau juga tidak lagi bimbang dengan risiko rumah dilanda banjir setiap akhir tahun berikutan ia dibina di kawasan lebih tinggi.

"Apa yang penting sekarang ialah menyimpan wang bagi membeli kelengkapan rumah, termasuk perabot supaya dapat tinggal dalam keadaan selesa," katanya.

> *"Tanpa bantuan rumah ini, saya sekeluarga terpaksa tinggal di rumah yang sedia ada dalam **keadaan daif sepanjang masa**"*
> ***Popoji Daud,** Penerima rumah PBR*

Tidak mampu miliki rumah

Popaji Daud, 48, yang turut menerima rumah PBR berkata, beliau tidak mampu memiliki rumah baharu jika mengharapkan kepada pendapatan bekerja kampung, iaitu RM300 hingga RM400 sebulan.

"Terima kasih kepada Kerajaan Pusat yang membantu golongan miskin, termasuk keluarga saya untuk diberi rumah percuma.

"Tanpa bantuan rumah ini, saya sekeluarga terpaksa tinggal di rumah yang sedia ada dalam keadaan daif sepanjang masa," katanya.

Sementara itu, Mat Yusoff berkata, Kerajaan Pusat membelanjakan RM43,000 bagi membina sebuah rumah PBR untuk penduduk miskin.

"Di kawasan Parlimen Gua Musang yang membabitkan tiga DUN, iaitu Nenggiri, Galas dan Paloh, banyak keluarga miskin memerlukan bantuan rumah PBR," katanya.



*Mat Yusoff menyerahkan **replika kunci rumah PBR** kepada Nik Pa di Kampung Bertama Baru, Gua Musang.* [FOTO RAMLI IBRAHIM/BH]

Kesedar komited bantu usahawan

Sedia peruntukan RM1.3 juta bantu 800 usahawan tahun ini

GUA MUSANG - Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (Kesedar) memperuntukkan RM1.3 juta bagi membantu 800 usahawan di kawasannya pada tahun ini.

Timbalan Pengerusinya, Datuk Nozula Mat Diah berkata, kos itu merangkumi pelbagai program yang akan dilaksanakan di kawasan Gua Musang, Kuala Krai, Tanah Merah dan Jeli.

Jelasnya, peruntukan tersebut bertujuan membiayai usahawan bagi meningkatkan prestasi perniagaan masing-masing.

"Ketika ini, terdapat 241 usahawan berjaya dalam pelbagai bidang dan 10 usahawan ikon Kesedar berpotensi ditonjolkan ke luar negara.

"Selain memberi pinjaman serta kursus kemahiran, kita juga akan menaik taraf premis perniagaan mereka dan membuka kios perniagaan di seluruh wilayah Kelantan Selatan.

"Pada tahun ini, kita menyasarkan untuk membina 16 kios perniagaan di tempat strategik seperti di Gua Musang dan Kuala Krai.

"Pada hari ini, kita menyerahkan Skim Bantuan Ekonomi Sampingan Kesedar sebanyak RM50,000 kepada usahawan ikan kelah, Mat Nawi Hussin, 56, bagi mengembangkan lagi perniagaannya," katanya selepas Program 'Makey Tea' Kesedar Bersama Usahawan Gua Musang di Pusat Sivik di sini, semalam.

Program ini turut dihadiri, Pengurus Besar Kesedar, Fazam Mat Lazim dan Timbalan Pengurus Besar Kesedar, Othman Ismail.

Sementara itu, pengusaha ikan kelah, Mat Nawi yang memperoleh bantuan kewangan berterima kasih kepada pihak Kesedar yang banyak membantunya.

"Saya bersyukur menerima bantuan ini dan berazam membesarkan lagi perniagaan ikan air tawar yang diusahakan bersama ahli keluarga sejak lebih 20 tahun lalu. Saya harap bantuan ini dapat beri suntikan semangat kepada usahawan lain untuk lebih berjaya dalam perniagaan mereka," katanya.



Nozula turut mencuba produk usahawan yang membuka gerai di Pusat Sivik, di sini.

Jambatan Sungai Pergau legakan penduduk

Projek Jambatan Sungai Pergau sepanjang 320 meter telah berjaya menyelesaikan penderitaan selama 50 tahun yang ditanggung penduduk di lima buah kampung di Dabong, Kuala Krai yang terpaksa menggunakan jalan sungai untuk berulang alik ke bandar dan sekolah serta urusan seharian.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKKP) Mukim Kandek, Hisyamuddin Daud berkata, jambatan yang mula dibina sejak 2013 dan siap pada 2015 itu telah memberi manfaat kepada lebih 3,000 penduduk di lima buah kampung iaitu Kampung Biak A, Kampung Biak B, Kampung Jenal, Kampung Kandek dan Kampung Biak Lama.

"Jambatan berharga RM28 juta hasil peruntukan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) menerusi KESEDAR ini telah banyak membantu penduduk kampung terutama untuk menjana pendapatan mereka.

"Penduduk kini mempunyai laluan lebih selesa untuk memasarkan hasil pertanian dan produk mereka di luar kawasan. "Sebelum ini mereka terpaksa bergadai nyawa apabila perlu mengharungi Sungai Pergau sepanjang 250 meter yang terletak kira-kira lima kilometer dari rumah penduduk," katanya.



HISYAMUDDIN DAUD



SITI ROHA BAKAR

Seorang penduduk Kampung Biak, Siti Roha Bakar, 43, bersyukur kerana projek jambatan itu telah menamatkan penantian penduduk sejak sekian lama.

"Jambatan ini juga menghubungkan perkampungan ke Sekolah Kebangsaan Biak dan memberi kemudahan kepada murid dan guru seramai 1,200 orang yang sebelum ini terpaksa menyeberang Sungai Pergau dengan menaiki bot untuk ke sekolah setiap hari.

"Selain kemudahan jambatan dan jalan kampung, kemudahan lain yang disediakan di Kampung Biak ialah pusat kesihatan desa, masjid, balai raya, pusat Taska Kemas, padang awam dan tanah perkuburan Islam. Saya berterima kasih kepada kerajaan persekutuan dan KKLW menerusi KESEDAR kerana prihatin dengan keperluan penduduk di kawasan pedalaman," katanya.

Beri manfaat kepada peneroka

PROGRAM Pembangunan Ladang atau tanam semula yang dilaksanakan di 11 Rancangan Kemajuan Tanah (RKT) melibatkan kawasan seluas 20, 611 hektar dilihat memberi banyak manfaat kepada kehidupan 2,200 peneroka.

Pegawai Pertanian Bahagian Pembangunan Pertanian KESEDAR, Wan Mohd. Afzainizam Wan Abdul Latif berkata, seluas 374 hektar telah ditanam dengan getah, manakala kelapa sawit pula seluas 11,964.92 hektar.



MAHAMAD NAPI MAT NASIR

Tambahnya, program yang dimulakan sejak 2010 itu dilaksanakan mengikut tiga fasa melibatkan peruntukan melebihi RM138 juta dengan setiap fasa tanaman akan mendapat hasil selepas tempoh empat tahun.

"Di bawah fasa pertama KESEDAR telah membangunkan ladang sawit seluas 4,037.66 hektar sejak 2010 dan telah memberi hasil kepada peneroka.

"Fasa kedua (2,599.02 hektar) bermula pada 2014 dan peneroka bakal mendapat hasil pertama mereka pada 2017. Peringkat ketiga pula masih dalam proses tanaman yang melibatkan tanaman seluas 5,017.70 hektar," katanya.

Sementara itu, Ketua Peneroka Rancangan Kemajuan Tanah (RT) Paloh 1, Mahamad Napi Mat Nasir berkata, program tanam semula yang dilaksanakan mencapai kejayaan kerana berjaya memberi pendapatan sampingan kepada peneroka dan generasi kedua KESEDAR.

Sebagai contoh, katanya, pelaksanaan tanam semula tersebut telah dapat memberi peluang pekerjaan kepada 31 anak peneroka di Paloh 1 dengan memperoleh pendapatan antara RM1,200 sehingga RM1,500 sebulan.

Tambahnya, KESEDAR juga akan melaksanakan pembangunan rumah generasi kedua dengan peruntukan sebanyak RM400,000 bagi tujuan penyediaan tapak seluas 1,903.2 hektar untuk membina 20 unit pada tahun ini mengikut tiga jenis rumah.

"KESEDAR juga begitu prihatin apabila memikirkan mengenai masalah tempat tinggal generasi kedua kerana masih ramai generasi kedua KESEDAR yang menumpang di rumah keluarga dan tidak memiliki rumah sendiri kerana berpendapatan rendah.

"Kami sebagai peneroka berasa bertuah apabila Paloh 1 terpilih menjadi lokasi bagi pembinaan rumah untuk generasi kedua," katanya.



WAN MOHD. AFZAINIZAM WAN ABDUL LATIF (kanan) memeriksa anak-anak kelapa sawit yang akan di tanam di ladang-ladang KESEDAR di bawah Program Pembangunan Tanam Semula KESEDAR di Paloh 1, Gua Musang.

> **Seluas 374 hektar telah ditanam dengan getah, manakala kelapa sawit pula seluas 11,964.92 hektar."**
>
> **WAN MOHD. AFZAINIZAM WAN ABDUL LATIF**
> Pegawai Pertanian Bahagian Pembangunan Pertanian KESEDAR

Kesedar nadi utama warga peneroka

Berjaya pacu pembangunan seimbang di Wilayah Kelantan Selatan

Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (Kesedar) merupakan Lembaga Kemajuan Wilayah yang ditubuhkan pada 2 Mac 1978, di bawah Akta Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan 1978 (Akta 203).

Berpaksikan visi dan misi, Kesedar berjaya memacu dan menjana pembangunan seimbang di Wilayah Kelantan Selatan dari segi fizikal, sosioekonomi dan modal insan.

Bermula dengan pembangunan ladang komoditi getah dan kelapa sawit, kini lebih 20,000 hektar kawasan telah dimajukan dan memberi manfaat kepada 11,000 keluarga peneroka.

Kemudahan demi kemudahan yang dinikmati, warga peneroka kini hidup dalam perkampungan moden yang memiliki prasarana, utiliti, jalan, kemudahan kesihatan, persekolahan serta amalan pertanian moden yang terurus.

Rancangan Kemajuan Tanah Kesedar adalah contoh kejayaan gemilang program-program pembangunan Kesedar yang bukan sahaja berjaya mengatasi masalah kemiskinan bagi ribuan keluarga masyarakat Melayu, malah turut membawa mereka menerokai kejayaan lebih luas terutamanya dalam bidang keusahawanan.

Malah, pada tahun ini, kerja-kerja penanaman semula siap dilaksanakan melibatkan 2,228 peneroka di mana program mega ini mampu meningkatkan pendapatan isi rumah peneroka sekurang-kurangnya RM4,000 sebulan menjelang 2020.

Pelbagai perancangan telah disusun bagi membawa Kesedar untuk terus menjadi penggerak dan nadi utama warga peneroka. Kita ikuti temu bual wartawan skuad Gua Musang, AKMALIAH RAZAK bersama Pengurus Besar, Datuk Fazam Mat Lazim untuk penjelasan lebih lanjut mengenai peranan serta tanggungjawab yang dipikul agensi kerajaan ini.



Wilayah Kelantan Selatan mempunyai potensi sosioekonomi yang dapat dimanfaatkan secara optimum dalam pembangunan bersepadu. Apakah peranan Kesedar untuk mencapai objektif tersebut?

Pembangunan bersepadu yang akan dimajukan adalah bersifat holistik dan seimbang serta mengikut acuan kekuatan sedia ada. Pemacuan Kelantan Selatan digerakkan mengikut kerangka, 'Transformasi Luar Bandar, yang di aspirasikan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, melalui enam fokus utama iaitu, prasarana luar bandar, pembangunan belia luar bandar, ekonomi, keusahawanan, modal insan dan sistem penyampaian. Aspirasi transformasi luar bandar ini diolah berpaksikan kepada keperluan dan kehendak rakyat di samping memastikan proses pembangunan di kawasan Kesedar berada di landasan yang betul bagi kemudahan masyarakat dan kawasan maju menjelang 2020.

Apakah perancangan Kesedar sebagai agensi pelaksana utama bagi mencapai aspirasi transformasi KKLW?

Membandarkan luar bandar, transformasi Kesedar adalah menjadikan kawasan yang kondusif dengan pelbagai aksesibiliti dan kemudahan sepertimana yang dinikmati penduduk di bandar, terutamanya memajukan kawasan Kesedar melangkaui penyediaan infrastruktur asas, menjana pendapatan lebih tinggi melalui penglibatan swasta, aktiviti ekonomi, keusahawanan dan mencipta peluang pekerjaan. Kesedar turut memajukan masyarakat melalui perubahan sikap dan 'mindset', peningkatan ilmu dan kemahiran, peningkatan kemudahan sosial dilaksanakan tanpa menjejaskan persekitaran desa dan masyarakat yang masih berpegang teguh kepada kepercayaan agama dan kaya dengan budaya, serta menggalakkan generasi muda untuk terus tinggal serta membina masa depan di luar bandar.

Apakah kesan global yang berlaku seperti harga makanan dunia meningkat, krisis kewangan dan krisis ekonomi dunia akan memberi kesan kepada perancangan pembangunan luar bandar, khususnya di kawasan Kesedar?

Transformasi luar bandar mengambil kira semua aspek berkaitan luar bandar serta memberi fokus terhadap pembangunan sosial, ekonomi dan modal insan di samping tidak mengetepikan aspek pembangunan fizikal. Kita menggarap 19 transformasi yang bakal dilaksanakan dalam tempoh 2016-2020. Pendekatan holistik dan bersepadu dalam transformasi ini sudah pasti memberi manfaat kepada golongan sasar, sama ada miskin tegar, miskin, belia, pekebun-pekebun kecil, penduduk Orang Asli dan golongan usahawan. Kita mesti bijak dan bersedia untuk lebih dinamik serta mampu menjadi agen perubahan dan jentera penggerak pertumbuhan ekonomi luar bandar.

Bagi usahawan luar bandar, mereka mesti berani meneroka 'frontier' baharu dan meluaskan lagi pasaran produk bertaraf dunia serta berusaha gigih dan agresif untuk menjadi lebih kompetitif. Pada tahun ini juga, KKLW menyalurkan RM700,000 kepada Kesedar untuk melaksanakan pelbagai inisiatif 'quick win' yang mana hasilnya dapat dijangka dalam masa kurang tiga bulan dalam bentuk pulangan peningkatan pendapatan sampingan kepada sekurang-kurangnya 700 usahawan. Bidang-bidang yang digariskan untuk diberi tumpuan ialah pertanian (kebun dapur), penternakan (lebah kelulut) dan perniagaan (sejuk beku). Inisiatif ini mampu menangani kos sara hidup kumpulan sasar sekurang-kurangnya RM1,000 sebulan.



Fazam menunjukkan kawasan Kesedar yang dibangunkan sejak 38 tahun lalu.

Penyediaan prasarana luar bandar merupakan salah satu fokus transformasi luar bandar dalam RMK 11. Apa pandangan Datuk mengenai peranan Kesedar, khususnya di kawasan Kelantan Selatan?

Kesedar telah menaik taraf kedai-kedai di kawasan Kelantan Selatan dengan menjadikan kedai-kedai terpilih sebagai pusat perniagaan, pengumpulan dan pemasaran produk-produk luar bandar selaras tema 'satu usahawan, satu RKT' iaitu dengan mengenal pasti kekuatan dan potensi yang ada di setiap KRT, dan membangunkan usahawan bagi tujuan penjanaan pendapatan.

Kita juga mahu mewujudkan 'outlet' perniagaan dan ruang-ruang penjualan produk-produk luar bandar di kawasan kuasa beli tinggi sebagai meningkatkan kebolehpasaran pasaran produk luar bandar, selain menggalakkan lebih ramai peniaga atas talian (online) dan meningkatkan lagi pemasaran produk-produk luar bandar.

Sehingga kini kita berjaya membimbing 240 usahawan berdaya maju dan berdaya saing di kawasan Kelantan Selatan.

Sistem penyampaian merupakan platform penting dalam merealisasikan transformasi Kesedar. Boleh jelaskan mengenai transformasi sistem penyampaian Kesedar?

Dalam melaksanakan transformasi ini, warga kerja Kesedar perlu sentiasa kreatif dan inovatif dalam melaksanakan pelbagai program dan aktiviti, di samping menangani cabaran-cabaran masa kini dan akan datang. Masyarakat kini lebih moden dan maju, maka tuntutan dan tanggapan mereka terhadap sistem penyampaian juga telah meningkat. Oleh itu, penting bagi setiap warga kerja mengubah minda ke arah penyampaian perkhidmatan lebih sempurna, dan program-program turun padang perlu diperhebat agar rakyat merasakan Kesedar penting dalam kehidupan mereka.

Akhir sekali, apakah perancangan baharu Kesedar dalam mewujudkan model baru ekonomi berpendapatan tinggi penduduk di kawasan Kesedar?

Kesedar berhasrat untuk bangunkan projek pertanian agro desa Kesedar di jajahan kecil Lojing. Jajahan kecil Lojing berada pada ketinggian 610m hingga 1,500m dari paras laut dengan suhu antara 18 hingga 25 darjah celcius. Bilangan penduduk seramai 8,625 orang dengan majoriti masyarakat Orang Asli seramai 7,325 orang. Melayu, Cina dan India (200 orang) dan 1,100 orang pekerja-pekerja asing. Kawasan ini sesuai dibangunkan kawasan pertanian hawa sederhana dengan tanaman sayur-sayuran dan bunga-bungaan.

Konsep pembangunan akan melibatkan kawasan seluas 52 hektar, iaitu 20 hektar sebagai kebun pusat dan 32 hektar lagi diusahakan belia yang kompeten dan komited. Kira-kira RM11 juta diperlukan untuk melaksanakan projek ini melibatkan kerja-kerja pembangunan sebanyak RM9 juta dan kerja-kerja operasi RM2 juta. Pelaksanaan projek ini dilaksanakan secara 'NBOS' dengan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) sebagai salah satu projek penggerak ekonomi di bawah sektor pertanian dan pelancongan.

Cadangan tapak projek telah dikenal pasti setelah beberapa siri perbincangan dan lawatan tapak dengan Pejabat Tanah dan Jajahan Kecil Lojing dibuat. Proses permohonan pengambilan tanah telah dikemukakan kepada pihak berkuasa Kelantan. Dijangkakan, peserta terlibat akan memperoleh pendapatan melebihi RM6,000 sebulan.



Antara projek tanam semula yang dibangunkan Kesedar.



Fazam (dua, kiri) melawat gerai jualan ketika Majlis Pelancaran EMC, baru-baru ini.



Fazam ketika merasmikan Kedai Jahit Benang Kreatif, di sini.



Fazam (kanan) menyampaikan bantuan kepada usahawan belia orang kurang upaya (OKU) pengilhatan yang mengusahakan perkhidmatan mengurut.



PESERTA menyiapkan tempahan baju pelanggan di kedai Benang Kreatif Enterprise di Wisma Sri Galas, Gua Musang, Kelantan, baru-baru ini.

Jana pendapatan dengan menjahit

GUA MUSANG 27 Nov. - Tidak mahu mensia-siakan kemahiran menjahit yang dimiliki, sekumpulan belia di daerah ini bergabung tenaga membuka sebuah kedai jahitan untuk menambah pendapatan mereka.

Benang Kreatif Enterprise yang terletak di Wisma Sri Galas di bandar ini merupakan hasil perkongsian 10 peserta yang dicungkil bakatnya menerusi Program Peningkatan Pendapatan (PPP) Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (Kesedar).

Kedai jahitan yang melibatkan perkongsian modal RM100,000 itu hanya menyasarkan masa tiga hari untuk menyiapkan tempahan pelbagai jenis baju.

Ketuanya, Mohamad Arif Mohamad Yajid berkata, selain menyediakan perkhidmatan menjahit pelbagai jenis pakaian lelaki dan wanita, mereka juga turut menjual aksesori jahitan.

Katanya, ketika ini pihaknya sedang meneroka peluang lebih luas apabila mengambil tempahan menjahit baju secara pukal daripada jabatan kerajaan dan swasta.

"Kami bertuah apabila menjadi peserta program PPP Kesedar. Kami berterima kasih kepada pihak Kesedar yang menyediakan bantuan kewangan dan pengurusan kepada bakal usahawan baharu seperti kami.

"Program tersebut dapat meningkatkan pendapatan dan taraf hidup peserta apabila setiap seorang daripada kami dapat menjana pendapatan lumayan RM1,500 sebulan," katanya ketika ditemui di sini baru-baru ini.

Mohamad Arif adalah peserta tunggal lelaki di bawah program tersebut.

Sementara itu, rakan kongsinya, Hazwani Yah, 27, berkata, ketika ini terdapat 14 buah mesin jahit di kedai mereka.

Katanya, dengan pelbagai kemahiran yang dimiliki, mereka dapat menyiapkan lebih 50 pasang baju dalam masa tiga minggu.

"Harga yang ditawarkan juga berpatutan iaitu bermula RM30 bagi baju kurung biasa sehingga RM100 bagi baju melayu," katanya di sini, hari ini.

Rakannya, Rusiani Kosim, 42, berkata, dia berasa bertuah apabila terpilih menjadi salah seorang peserta.

"Sebelum ini, pendapatan saya sebagai tukang jahit di kampung tidak tetap kerana tempahan hanya diterima ketika musim perayaan.

"Namun, selepas mewujudkan perkongsian kemahiran di kedai jahitan ini, saya sudah mempunyai pendapatan tetap bagi menyara keluarga kerana tempahan diterima setiap masa," katanya.



KAKITANGAN Kesedar bersama penduduk Kampung Limau Kasturi melakukan acara senamrobik di Padang Sekolah Kebangsaan (SK) Limau Kasturi 2, Gua Musang, Kelantan, semalam.

Kesedar jelajah kampung

GUA MUSANG 6 Nov. - Sebanyak 400 penduduk Kampung Limau Kasturi di sini menyertai Program Jelajah Minda Jom Masuk Kampung bersama pemimpin dan masyarakat, baru-baru ini.

Program yang dianjurkan oleh Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (Kesedar) itu bertujuan mengeratkan hubungan antara kakitangan kerajaan, pemimpin tempatan dan masyarakat setempat.

Pengurus Kesedar Pejabat Wilayah Gua Musang, Mohd. Fadhly Ab. Manaf berkata, program tersebut juga memberi peluang kepada pihaknya dan pemimpin tempatan untuk menyampaikan maklumat berkenaan dasar-dasar kerajaan kepada kumpulan sasar.

Katanya, antara acara yang telah diadakan ialah senamrobik, gotong-royong, memasak, cabutan bertuah, sukan rakyat dan perlawanan bola sepak persahabatan.

"Sebanyak 10 orang penduduk yang terdiri daripada orang kurang upaya (OKU), pesakit kronik dan warga emas turut menerima sumbangan barangan keperluan harian daripada Kesedar.

"Sekolah Kebangsaan Limau Kasturi 2 pula menerima sumbangan berupa peralatan sukan daripada Kesedar sebagai tanda penghargaan atas kerjasama dalam menjayakan program ini," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini baru-baru ini.

Yang turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri Nenggiri, Datuk Mat Yusof Abdul Ghani dan Pengurus Bahagian Pembangunan Masyarakat Kesedar, Md. Asri Jusoh.

Sementara itu, seorang penduduk Kampung Limau Kasturi, Ahmad Ab. Rahman, 38, pula memuji usaha yang dilakukan oleh Kesedar untuk merapatkan hubungan antara kakitangannya dengan penduduk kampung.

"Kita amat gembira apabila ada agensi kerajaan mengambil langkah seperti ini secara tidak langsung kita mengenali kakitangan atau pegawai-pegawai yang selama ini terlibat untuk membangunkan kawasan ini," katanya.

Kesedar lancar *Mobileprenuer*

Dana sehingga RM1.3 juta, bantu lebih 180 usahawan kembang perniagaan

GUA MUSANG - Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (Kesedar) memperuntukkan dana sehingga RM1.3 juta kepada 241 usahawan berdaftar dalam usaha membantu mereka mengembangkan sayap perniagaan.

Pengurus Besar Kesedar, Datuk Fazam Mat Lazim berkata, dana berkenaan meliputi beberapa aspek utama termasuk bantuan kewangan dan modal, kursus serta latihan kepada kelompok ini.

"Sehingga kini, kita mempunyai 241 usahawan berdaftar yang terdiri daripada enam kategori termasuk perniagaan makanan, pelancongan dan perkhidmatan.

"Insya-ALLAH, kita akan memberi bantuan dari setiap sudut termasuk bimbingan bagi memastikan mereka mampu berada sebaris dengan usahawan berjaya," katanya ketika Majlis Pelancaran Usahawan *Mobilepreneur* dan Majlis Aidilfitri Kesedar, di pekarangan pejabat agensi itu, di sini.

Hadir sama, Adun Galas, Ab Aziz Yusoff, Pengerusi Lembaga Kesedar, Datuk Abdul Aziz Derashid, Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan) Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW), Datuk Azizan Mohamad Sidin dan Timbalan Pengurus Besar Kesedar, Othman Ismail.

> **"Sehingga kini, kita mempunyai 241 usahawan berdaftar yang terdiri daripada enam kategori termasuk perniagaan makanan, pelancongan dan perkhidmatan."**
> - Fazam



Fazam (kiri) menjelaskan fungsi dan alatan yang digunakan usahawan Bengkel Motosikal Bergerak kepada Azizan (tengah), sambil diperhatikan Aziz (kanan).



Aziz (kanan) melihat usahawan Kedai Gunting Rambut Lelaki Bergerak, mempamerkan alatan yang dibekalkan pada kenderaannya sambil diperhatikan Othman (kiri).

Pada majlis berkenaan, lima usahawan berpotensi dipilih sebagai usahawan bergerak bengkel motosikal, kedai gunting rambut lelaki, rawatan resdung tradisional, peralatan kosmetik dan barangan am serta katering.

Tambah Fazam, lima usahawan ini akan menawarkan perkhidmatan dari rumah ke rumah atau suatu tempat ke suatu tempat lain mengikut permintaan pelanggan.

"Ini adalah salah satu usaha Kesedar mewujudkan usahawan bergerak. Kita beri bantuan kewangan sehingga RM5,000 setiap seorang berserta bantuan peralatan.

"Kita juga menjadi penaung mereka untuk mendapatkan khidmat nasihat dan akan memantau agar perjalanan perniagaan mereka terus maju," katanya yang bakal melancarkan program ini ke setiap wilayah Kesedar, iaitu Jeli dan Kuala Krai tidak lama lagi.

Melihat kepada komitmen yang diberikan lima usahawan berkenaan, beliau yakin program tersebut akan berjaya dan pemilihan lima usahawan terbabit adalah tepat.

"Ini adalah program nasional yang dilancarkan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, pada April lalu dan semua agensi dikehendaki melaksanakannya.

"Kesedar adalah agensi pertama melaksanakan program ini di peringkat agensi dan diharapkan usahawan berdaftar lain akan turut serta menerusi bantuan secara berperingkat," katanya.

Beliau turut menyatakan keyakinan usahawan terbabit akan berjaya dan dapat mengembangkan perniagaan sehingga mampu memiliki premis tetap.

Selain itu, Fazam juga memastikan usahawan menyertai *Rural Busines Challenge* (RBC) yang menawarkan hadiah lumayan sehingga RM2 juta.

Kesedar sasar 180 usahawan bergerak, bantuan modal RM5,000

GUA MUSANG 25 Julai - Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (Kesedar) telah memperkenalkan konsep perniagaan baharu iaitu Usahawan Bergerak (*Mobilepreneur*) dengan pemberian peruntukan percuma sehingga RM5,000 kepada golongan belia yang berminat dalam bidang tersebut.

Pengurus Besarnya, Datuk Fazam Mat Lazim berkata, pihaknya telah mengenal pasti sebanyak 180 usahawan di jajahan ini, Kuala Krai dan Jeli untuk menjalankan perniagaan dengan konsep menggunakan motosikal.

Katanya, sebagai permulaan pihaknya telah memberi bantuan kepada lima orang usahawan di jajahan ini.

"Kesedar telah memberi bantuan kewangan, peralatan dan khidmat nasihat kepada usahawan terlibat untuk menjalankan perniagaannya.

"Pada hari ini juga kita telah membantu lima usahawan yang terlibat dalam bidang membaiki motosikal, menggunting rambut, rawatan resdung tradisional, katering serta peralatan kosmetik dan barangan am," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Majlis Pelancaran *Mobilepreneur* dan Sambutan Aidilfitri Kesedar di pekarangan ibu pejabatnya di sini hari ini.

Yang turut hadir, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Luar Bandar dan Wilayah (Bahagian Perancangan), Datuk Azizan Mohamad Sidin; Pengerusi Kesedar, Datuk Abdul Aziz Derashid; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Galas, Ab. Aziz Yusoff; ADUN Nenggiri, Datuk Mat Yusoff Abdul Ghani dan Timbalan Pengurus Besar Kesedar, Othman Ismail.

Tambah Fazam, setakat ini seramai 241 usahawan berdaftar dengan pihaknya.

Katanya, sebanyak RM1.3 juta telah diperuntukkan pada tahun ini bagi membantu usahawan khususnya untuk bantuan modal serta kursus dan latihan.

Kios bergerak bantu usahawan Kesedar

Oleh AIMUNI TUAN LAH
utusanktn@utusan.com.my

■ GUA MUSANG 28 DIS.

LEMBAGA Kemajuan Kelantan Selatan (Kesedar) membelanjakan RM70,000 untuk menyediakan 10 buah kios bergerak kepada usahawan berpotensi di kawasan tersebut.

Pengurus Besar Kesedar, Datuk Fazam Mat Lazim berkata, 10 penerima yang terlibat merupakan usahawan yang aktif berniaga di kawasan Gua Musang, Kuala Krai, Jeli dan Rancangan Kemajuan Tanah (RKT).

Katanya, kios tersebut dapat membantu usahawan terlibat mengembangkan perniagaan serta memasarkan produk jualan mereka.

"Kebanyakan usahawan ini mengusahakan perniagaan pisang goreng, kek, roti, lemang, burger, pizza dan kuih akok. Saya berharap pada tahun hadapan, kita akan menambah lagi pemberian kios ini kepada penerima lain untuk meningkatkan bilangan usahawan di kawasan luar bandar.

"Kesedar menyedari bahawa bidang perniagaan boleh menjana keuntungan serta mengurangkan bebanan ekoran kos sara hidup yang semakin meningkat ketika ini," katanya selepas Majlis Penyerahan Kios Usahawan Kesedar di Dewan Rahmat, Ibu pejabat Kesedar di sini hari ini.

Yang turut hadir, Timbalan Pengerusi Kesedar, Datuk Nozula Mat Diah; Ahli Dewan Undangan Negeri Galas, Ab. Aziz Yusoff dan Timbalan Pengurus Besar Pengurusan Kesedar, Iskandar Zulkarnain Ibrahim.

Sementara itu, seorang peniaga lemang dari Kampung Lepan Jenub, Manek Urai, Kuala Krai, **Rajemah Che Abas**, 63, berkata, dia gembira apabila menerima bantuan selepas 35 tahun menjalankan perniagaan.

Katanya, sebelum ini, dia menjual 50 batang lemang setiap hari di sebuah bangsal kecil bersebelahan kedai makan anaknya.

"Sekarang ini saya berasa selesa untuk berniaga apabila mendapat sebuah kios yang lebih kukuh dan selesa berbanding bangsalnya.

"Saya berharap dengan kios baharu ini dapat menarik lebih ramai pelanggan yang kebanyakannya terdiri daripada pengguna jalan raya Kota Bharu ke Kuala Lumpur," katanya.

Dalam pada itu, **Norazliza Abdul Aziz**, 28, berkata, dengan bantuan tersebut, dia dapat mengembangkan lagi perniagaan kek dan rotinya.

"Kedai saya terletak kira-kira 200 meter dari stesen minyak Bandar Jeli dan sering menghantar kek di beberapa lokasi seperti di Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dan kedai runcit lain.

"Jadi dengan adanya kios bergerak ini, saya dapat memperkenalkan lagi produk saya di kawasan tumpuan di Bandar Jeli," katanya.



NOZULA MAT DIAH (berdiri empat dari kiri) bersama 10 usahawan Kesedar yang menerima kiosk bergerak di Gua Musang, Kelantan, semalam. - UTUSAN/AIMUNI TUAN LAH

Kesedar bakal sedia kemudahan prasarana

GUA MUSANG - Penduduk di kawasan pedalaman khususnya masyarakat Orang Asli akan dapat menikmati kemudahan prasarana yang bakal disediakan Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (Kesedar).

Pengurus Besar Kesedar, Fazam Mat Lazim memaklumkan, kemudahan prasarana itu merupakan salah satu fokus Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) dalam usaha membandarkan kawasan luar bandar.

"Bagi menjayakan hasrat ini KKLW memperkenalkan program Transformasi Luar Bandar yang mana kumpulan sasarnya adalah masyarakat di kawasan luar bandar dan pedalaman.

"Di bawah program ini kementerian bakal menyediakan kemudahan prasarana bagi masyarakat di kawasan pedalaman terutama penduduk Orang Asli yang selama ini terpaksa berdepan kekangan untuk menikmati pelbagai kemudahan," katanya.



Fazam ketika ditemu bual mengenai program Kesedar dalam usaha membantu penduduk.

Menurutnya, Kesedar akan memastikan kemudahan jalan, bekalan elektrik dan air akan dapat dinikmati sepenuhnya dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA).

Tambahnya, beberapa program akan dirangka bersama JAKOA bagi memastikan kemudahan itu bakal dinikmati pada tahun ini sepertimana yang telah dirancang.

"Untuk permulaan kita akan jalankan program di Lojing dan Kesedar yakin program ini bakal memberi manfaat kepada seluruh penduduk di kawasan berdekatan.

"Selain prasarana, beberapa program lain bakal diperkenalkan pada tahun ini sebagai usaha Kesedar membantu penduduk dan masyarakat menikmati kehidupan lebih baik," katanya ketika ditemui di Pejabat Kesedar, di sini.

Penantian miliki rumah berakhir

19 mangsa banjir besar 2014 terima rumah baharu, libatkan kos keseluruhan RM840,000

GUA MUSANG - Selepas hampir dua tahun berteduh di kediaman hampir roboh akibat Bah Kuning 2014, ibu tunggal sembilan anak menerima bantuan rumah pasca banjir secara percuma.

Rohani Omar, 52, berkata, sebelum ini dia dan anak-anaknya terpaksa tinggal di rumah usang berkenaan di Kampung Kuala Tol, dengan serba kesempitan.

Bagaimanapun, kesabaran dan penantian itu berakhir air mata gembira apabila menerima rumah lebih selesa bernilai RM48,000.

"Selepas kematian suami pada 2010, kami sekeluarga memang mengimpikan untuk tinggal di rumah yang selamat dan selesa.

"Saya hanya melakukan kerja meneroh getah untuk menampung kehidupan dan tak terlalu mengharapkan bantuan daripada anak-anak kerana mereka hanya bekerja biasa.

"Sebelum ini saya hampir terlepas peluang miliki rumah bila nama tak tersenarai. Mujur wakil rakyat dan Kesedar (Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan) bantu dapatkan rumah ini tanpa bayaran," katanya.



Antara 19 penerima yang layak menerima rumah di bawah Program Bantuan Rumah Pasca Banjir dan Program Bantuan Rumah Bina Baru, Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat.

Rohani merupakan seorang daripada 19 penerima rumah Program Bantuan Rumah Pasca Banjir dan Program Bantuan Rumah (PBR) Bina Baru Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) peringkat Dun Nenggiri di Kampung Star, di sini.

Turut hadir, Adun Nenggiri, Datuk Mat Yusoff Abdul Ghani dan Pengurus Kesedar Pejabat Wilayah Gua Musang, Mohd Fadhly Ab Manaf.

Sementara itu, Mat Yusoff berkata, seramai 10 keluarga menerima rumah pasca banjir dan sembilan lagi keluarga menerima bantuan rumah bina baharu.

Katanya, kerajaan memperuntukkan kos sebanyak RM840,000 menerusi agensi Kesedar untuk membina rumah baharu kepada penduduk yang terdiri daripada mangsa banjir.

"Harga seunit rumah pasca banjir ialah RM48,000, manakala rumah bina baru bernilai RM40,000 seunit.

"Kerajaan bertungkus-lumus menyiapkan rumah baru dan membaik pulih rumah untuk mangsa banjir.

"Kebanyakan mangsa banjir juga bersyukur apabila mereka dapat menghuruni musim tengkujuh tidak lama lagi dalam rumah baharu," katanya.

Derita bakal berakhir

Kesedar beri keyakinan tangki air siap penghujung Oktober

GUA MUSANG - Andai diberi pilihan, ramai penduduk Kampung Lebir, di sini, akan memilih bekalan air berbanding elektrik kerana dirasakan penting untuk meneruskan kehidupan seharian mereka.

Kampung Lebir yang terdiri daripada tiga pecahan kampung, iaitu Kampung Baru, Kampung Lama dan Kampung Tengah, sememangnya berdepan masalah bekalan air yang menyukarkan kehidupan hampir 500 keluarga dan rata-rata terpaksa mencari alternatif lain untuk mendapatkan sumber air.

Tinjauan Sinar Harian mendapati kebanyakan keluarga menggunakan pam untuk menyedut air dari dalam tanah, tali air atau sungai berhampiran dan tidak kurang juga yang mengguli telaga.

Mohamad Noor Ismail, 64, dari Kampung Baru, berkata, dia sekeluarga memilih untuk membeli pam air dan menggali telaga dan menurutnya, hampir setiap rumah di kampung itu memiliki pam air sendiri.

"Bagi yang tiada pam air, mereka akan benar sewa pam air daripada pemilik. Harga pam bergantung kepada kualitinya, iaitu dari RM800 hingga RM1,500, manakala kos untuk telaga pula RM400 ke atas.

"Saya harap pihak bertanggungjawab dapat menyelesaikan isu ini kerana ia menyukarkan kehidupan kami," katanya.

Che Ahmad Che Lah, 63, dari Kampung Tengah, lebih selesa menggali telaga di tepi tali air, namun kesukaran dihadapi adalah untuk mengusung pam air ke rumah semula selepas digunakan bagi mengelakkan ia dicuri.

"Setiap hari saya akan bawa turun pam air ke tali air dan selepas siap guna, saya angkat pam itu balik ke rumah. Memandangkan usia saya semakin lanjut, kerja-kerja sebegitu amat memenatkan," katanya.





Mohammad Noor menunjukkan paya yang meniadi sumber bekalan air kepada keluarganya.

Tangki air tak membantu

Nik Min Nik Kob, 72, berkata, sejak tangki air lama dirobohkan lebih sebulan lalu, tangki baharu sementara dibina, namun ia tidak membantu bukan hanya keluarganya, malah seluruh penduduk kampung itu.

"Sepanjang tangki sementara dibina, saya hanya dapat bekalan air dua kali. Saya tak mampu beli pam air sendiri, jadi saya tumpang tangki orang. Tapi air disedut dari sungai amat keruh dan kami pula tiada pilihan lain selain menggunakan sumber air itu," katanya.



Othman mewakili Pengurus Besar Kesedar, melihat paip-paip saluran yang dibina di setiap rumah penduduk Kampung Lama.

Siap penghujung Oktober

Peka dengan keluhan warga Kampung Lebir, Timbalan Pengurus Besar Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (Kesedar), Othman Ismail yang mewakili Pengurus Besar Kesedar, Fazam Mat Lazim turun meninjau keadaan penduduk.

Beliau tidak mahu memberikan penduduk membuat persepsi liar dan memberi jaminan Kampung Lama bakal menikmati kemudahan bekalan air menyeluruh selewat-lewatnya penghujung Oktober tahun ini.



Othman turut melawat tapak tangki lama yang bakal diganti dengan tangki baharu di Kampung Lama.



NIK MIN



CHE AHMAD

"Tangki lama di kampung berkenaan dirobohkan kerana tidak memenuhi kriteria ditetapkan Air Kelantan Sdn Bhd (AKSB). Kita perlu ikut ketetapan mereka kerana setelah siap sepenuhnya, syarikat berkenaan akan ambil alih kerja mengagihkan air ke rumah dan pengurusan.

"Tambahan, ia adalah usaha mengelak sebarang bentuk bahaya kepada penduduk. Tangki lama hanya boleh memuatkan 30,000 gelen air dan ia bakal digantikan dengan tangki baharu yang lebih besar berkapasiti 50,000 gelen air. Sebagai langkah jangka masa pendek kita bina tangki sementara," katanya.

Tambahnya, tangki baharu mempunyai ketinggian lebih tujuh meter dan seluruh penduduk Kampung Lama akan menikmati bekalan air dari tangki berkenaan.

"Air dari tangki sementara tidak dapat disalurkan kepada semua rumah di Kampung Lama kerana terdapat kebocoran dalam tanah. Kita sudah kesan kebocoran itu dan akan membaikinya bersama Jabatan Kerja Raya (JKR), tetapi akan mengambil masa tiga hingga lima hari.

"Saya harap sangat kerjasama daripada seluruh penduduk agar tidak mencabut sambungan paip di rumah masing-masing kerana ia boleh menjejaskan bekalan air ke rumah-rumah lain," katanya.

Beliau juga berharap bekalan air dapat disalurkan ke 30 rumah di kawasan tinggi, namun sekiranya tidak dapat disalurkan, sebuah tangki sementara akan dibina untuk mereka sementara menunggu tangki kekal siap.

"Bagi masalah air di Kampung Tengah dan Kampung Baru, dua tangki asal akan dinaikkan taraf dengan peruntukan RM630,000. Masalah di dua kampung ini berbeza yang mana Kampung Lama tangki sudah ada dan hanya perlu naik taraf punca air.

"Kerja naik taraf akan siap sepenuhnya pada penghujung Oktober ini dan kita akan serah kepada AKSB untuk pengurusan. Lawatan ini turut disertai Ketua Unit JKR Kesedar, kontraktor air, pengurus Rancangan Kemajuan Tanah (RKT) dan penduduk Kampung Lebir," katanya.

Peruntukan Kesedar tidak dipotong

KUAL KRAI - Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (Kesedar) berterima kasih pada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) kerana tidak memotong peruntukan kepada agensi berkenaan.

Pengerusinya, Datuk Abd Aziz Derashid berkata, langkah itu wajar dalam usaha Kesedar membantu rakyat di kawasan Selatan.

"Menteri sedar, Kesedar banyak memainkan peranan penting di kawasan Kelantan Selatan. Langkah ini membolehkan Kesedar melaksanakan pelbagai program dan aktiviti akan datang," katanya.

Beliau ditemui pada sambutan Aidilfitri peringkat Kesedar Wilayah Kuala Krai di pekarangan Pejabat Kesedar Wilayah Kuala Krai. Turut hadir, Adun Dabong, Datuk Ramzi Ab Rahman.

Mengulas mengenai majlis itu, Abd Aziz meluahkan rasa kagum ia turut dihadiri masyarakat Cina dan India.

Menurutnya, beliau berhasrat menyumbang peruntukan kepada MIC dan MCA di Kuala Krai sekiranya mereka melaksanakan program.

"Ia langkah baik untuk membina hubungan antara Kesedar dengan MIC dan MCA," katanya.

Beliau berkata, Kesedar mengeluarkan belanja besar mengadakan majlis dengan matlamat mengeratkan hubungan masyarakat.

Menurutnya, Kesedar Wilayah Kuala Krai merancang pelbagai aktiviti bermanfaat untuk masyarakat di daerah ini.

"Setakat ini kita mengeluarkan perbelanjaan menyediakan kemudahan infrastruktur.

"Kita turut menyalurkan sumbangan ke sekolah termasuk bantuan kepada pelajar kurang berkemampuan," katanya.

Tambahnya, penambahan program di Wilayah Kuala Krai bukan sahaja dapat menjalinkan hubungan Kesedar dengan pelbagai pihak, malah platform mengetengahkan aktiviti atau projek dilaksanakan Kesedar.



Abd Aziz melepaskan kapal terbang, gimik perasmian sambutan Aidilfitri Peringkat Wilayah Kuala Krai.

Kesedar ungguli 67 pasukan agensi kerajaan

GUA MUSANG - Pasukan Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (Kesedar) dinobat juara setelah menewaskan Pasukan Jabatan Perdana Menteri dalam Kejohanan Futsal Kementerian Belia dan Sukan.

Pengurus pasukan, Kamal Badrul Hisyam Mohamed berkata, biarpun ini merupakan penyertaan julung kali Kesedar, kemenangan ini merupakan kejayaan besar bagi pasukan.

"Pasukan kami telah mengharumkan nama Kesedar di peringkat agensi kerajaan Pemain hanya menyertai latihan dua kali seminggu secara konsisten, namun, komitmen diberikan cukup memuaskan sehingga melayakkan kita menang.

"Ini adalah pembakar semangat kami dan diharapkan kemenangan demi kemenangan dapat dicapai pada masa akan datang," katanya.

Tambahnya, kejohanan disertai 67 pasukan daripada pelbagai agensi itu melayakkan pasukan Kesedar membawa pulang wang tunai bernilai RM5,000, piala pusingan dan medal.

Kejohanan berlangsung dari 19 hingga 21 Ogos lalu di Kompleks Futsal 1Malaysia, Putrajaya.



Pasukan Kesedar yang menjuarai kejohanan futsal Kementerian Belia dan Sukan.

Program kerohanian wamai sambutan merdeka



Fazam (tiga, kanan) bersama Ab Aziz turut memasang bendera pada kenderaan polis dan orang ramai.

GUA MUSANG - Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (Kesedar) menganjurkan program kerohanian seperti ceramah agama dan solat hajat berjemaah sempena sambutan Hari Kemerdekaan kali ke-59, tahun ini.

Pengurus Besar, Datuk Fazam Mat Lazim berkata, program sebegini dianjurkan bagi mengukuhkan jati diri insan selaras dengan tuntutan agama di zaman yang sedang membangun ini.

Katanya, pelbagai pengisian dan aktiviti menarik disusun bermula 21 hingga 30 Ogos ini, yang melibatkan penyertaan agensi kerajaan persekutuan dan negeri, masyarakat sekitar serta warga kerja Kesedar.

"Selain keraian, kita juga mengadakan kempen kibaran Jalur Gemilang, pertandingan sajak patriotik dan keceriaan pejabat sempena sambutan Bulan Kemerdekaan.

"Pelaksanaan program ini juga demi menzahirkan rasa syukur terhadap nikmat kemerdekaan dan keamanan dikecap negara hingga kini," katanya ketika Majlis Pelancaran Sambutan Bulan Kemerdekaan dan Kempen Kibarkan Bendera di pekarangan stesen minyak Petronas Kesedar, di sini.

Turut hadir, Adun Galas, Ab Aziz Yusoff; Timbalan Pengurus Besar Kesedar, Othman Ismail dan kakitangan agensi berkenaan.

Tambah Fazam, dalam menjayakan program itu, Kesedar turut mendapat kerjasama baik daripada kerajaan persekutuan dan negeri, khususnya Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah serta Kementerian Komunikasi dan Multimedia.

"Program ambang merdeka pada malam 30 Ogos di Dataran Gua Musang nanti turut dimeriahkan dengan kehadiran beberapa artis terkenal antaranya Datuk Nassier Wahab, Datuk Aman Shah dan Roy Kapilla, yang akan buat persembahan sementara menunggu detik jam 12 malam.

"Selain persembahan nyanyian daripada artis terlibat, program turut diselitkan dengan acara deklamasi sajak dan persembahan percikan bunga api di penghujung sambutan. Kami harap penduduk terutama sekitar Gua Musang dan warga Kesedar dapat memberi kerjasama baik pada setiap program dianjurkan agar objektif utama penganjuran dapat dicapai," katanya.

Kejohanan futsal 3K lahir kakitangan Kesedar sihat

GUA MUSANG - Kelab Keluarga Kesedar (3K) menganjurkan Kejohanan Futsal Tertutup Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (Kesedar) di Pusat Rekreasi Kesedar Perdana, di sini.

Kejohanan disertai kira-kira 200 kakitangan Kesedar itu dirasmikan Timbalan Pengurus Besar, Iskandar Zurkarnain Ibrahim.

Menurut Iskandar, kejohanan tersebut bertujuan bagi memupuk sikap positif dalam kalangan penjawat di samping melahirkan warga Kesedar yang sihat dan proaktif.

Turut hadir dalam kejohanan tersebut, Yang Dipertua (YDP) 3K, Kamal Badrul Hisyam Mohamed.

Dalam program berkenaan, pasukan daripada gabungan Pejabat Wilayah dinobatkan sebagai johan bagi kategori lelaki manakala bagi kategori wanita, gelaran johan dirangkul pasukan daripada Bahagian Pertanian.



Antara kakitangan Kesedar yang menyertai Kejohanan Futsal Tertutup Kesedar di Pusat Rekreasi Kesedar Perdana.

Tiada tolak ansur kakitangan terlibat rasuah - Jazlan

Sinar Harian 19/9/16

GUA MUSANG 18 Sept. - Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah tidak akan berkompromi dengan isu rasuah membabitkan kakitangan yang bertugas dengan kementerian atau agensi berkaitan dengannya.

Timbalan Menterinya, Datuk Ahmad Jazlan Yaakub berkata, bukan sahaja tiada tolak ansur, bahkan, tindakan tegas juga akan diambil terhadap mana-mana kakitangan yang terbabit dengan rasuah.

Bagi memastikan kementerian itu bebas rasuah, kata beliau, pihaknya akan bekerjasama dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

"Penjawat awam yang bertanggungjawab perlu berpegang kepada dasar dan etika kerja yang dapat membendung diri daripada terjebak dengan gejala salah guna kuasa, ketirisan perbelanjaan serta membocorkan maklumat sulit kerajaan.

"Dalam transformasi luar bandar diumumkan oleh Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, integriti adalah satu prasyarat utama untuk kita memacu negara dan masyarakat luar bandar yang menerima faedah secara telus daripada kerajaan," katanya.



AHMAD JAZLAN

Beliau ditemui pemberita selepas menyaksikan Majlis Menandatangani Ikrar Integriti Korporat oleh Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (Kesedar) dengan SPRM, di Pusat Sivik di sini hari ini.

Yang turut hadir Pengerusi Kesedar, Datuk Abdul Aziz Derashid; Timbalan Pengerusi Kesedar, Datuk Nozula Mat Diah; Pengurus Besar Kesedar, Datuk Fazam Mat Lazim dan Pengarah SPRM negeri, Datuk Moh Samsudin Yusof.

Dalam majlis itu seramai 500 kakitangan Kesedar melafaz Ikrar Integriti Korporat tersebut.

Ahmad Jazlan berkata, agensi kerajaan yang lain harus mengambil pendekatan serupa untuk meningkatkan produktiviti serta integriti kakitangan masing-masing.





SOROTAN PERISTIWA 2016

15

RPT Chenulang, Kuala Krai, Kelantan.

9 Januari 2016

Majlis Lawatan Kerja dan Ramah Mesra YB Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Haji Yaakub (Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah) bersama Masyarakat RPT Chenulang, Kuala Krai.







Dewan Sri Kijang, Hotel Perdana, Kota Bharu, Kelantan.







21 Januari 2016

Majlis Penyerahan Replika Cek Bayaran Premium Tanah & Dokumen Hak Milik Tanah.

Dewan Seri Kantan, Hotel Perdana, Kota Bharu, Kelantan.

21 Januari 2016

MARA *Education Business Park* (Edu-Biz Park).







Kediaman rasmi YB Dato'Sri Mustapha bin Mohamed, Bukit Tunku, Kuala Lumpur.







28 Januari 2016

Kunjungan Ramah Mesra Penjawat KESEDAR Jeli ke Rumah YB Dato' Sri Mustapa bin Mohamed.

Dewan Rahmat KESEDAR, Gua Musang, Kelantan.

1 Februari 2016

Majlis Tahlil Ahli Lembaga Pengarah KESEDAR (Tuan Haji Kamarul Arifin bin Ujang).







Dewan Pusat Sivik, Gua Musang, Kelantan.







Majlis Tautan Mesra bersama YB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob (Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah).

10 Februari 2016

Kampung Biak, Kuala Krai, Kelantan.

Majlis Perasmian Jambatan Sungai Pergau menghubungkan Kg. Biak dengan Kampung Kandek.

11 Februari 2016







RPT Chenulang, Kuala Krai, Kelantan.







Program *Makey Tea* YB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakub bersama Pemimpin Masyarakat Setempat.

11 Februari 2016

Dewan KESEDAR Jelawang, Kuala Krai, Kelantan.

Minum Petang bersama YB Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dasuki.

27 Februari 2016







Dewan Merak KESEDAR Inn, Gua Musang, Kelantan.







Kursus Pengurusan Stress Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) KESEDAR.

7-8 Mac 2016

Dewan Pusat Sivik, Gua Musang, Kelantan.

Perhimpunan Bulanan.

20 Mac 2016







Pejabat Operasi Lojing, Gua Musang, Kelantan.







Lawatan YBhg. Dato' Dr. Ahmad Jailani bin Muhamed Yunus, Timbalan Ketua Setiausaha (TKSU) Pembangunan KKLW ke Projek Pembinaan Pejabat Operasi Lojing.

20 Mac 2016

Bilik Mesyuarat Utama, Ibu Pejabat KESEDAR, Gua Musang, Kelantan.

Taklimat Pembangunan KESEDAR bersama YBhg. Dato' Dr. Ahmad Jailani bin Muhamed Yunus, Timbalan Ketua Setiausaha (TKSU) Pembangunan KKLW.

20 Mac 2016







Bilik Mesyuarat Utama, Ibu Pejabat KESEDAR, Gua Musang, Kelantan.







Mesyuarat Ketua Audit Dalam Kementerian Luar Bandar dan Wilayah dengan Ketua-Ketua Unit Audit Dalam Agensi dan Anak Syarikat (MEKADA).

21 Mac 2016

Ibu Pejabat KESEDAR, Gua Musang, Kelantan.

Kunjungan Hormat Felda Industri ke Pejabat Pengurus Besar KESEDAR.

24 Mac 2016







Pejabat KESEDAR Jeli, Jeli, Kelantan.





Rombongan Pegawai Daerah Sukirin Selatan Thailand ke KESEDAR Wilayah Jeli.

28 Mac 2016

Ibu Pejabat KESEDAR, Gua Musang, Kelantan.

Lawatan Generasi Kedua KESEDAR (G2K) ke Pejabat Pengurus Besar KESEDAR

30 Mac 2016





Seri Pacific Hotel, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.






Majlis Jasamu Dikenang Mantan Ahli Lembaga Pengarah (ALP) KESEDAR.

31 Mac 2016

Pejabat Operasi KESEDAR RPT Sungai Terah, Gua Musang, Kelantan.

Lawatan KEJORA ke KESEDAR dan Pejabat Operasi.

13 April 2016





Dewan Mawar 1, Hotel Bangi, Putrajaya, Selangor.






Mesyuarat Agung Tahunan Anak-Anak Syarikat KESEDAR 2016.

28 April 2016

Padang Pusat Sivik, Gua Musang, Kelantan.

Festival Belia Kelantan.

5-7 Mei 2016







Ibu Pejabat KESEDAR, Gua Musang, Kelantan.







Kunjungan Hormat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) ke KESEDAR.

08 Mei 2016

Dewan Utama, Pejabat Wilayah Kuala Krai, Kuala Krai, Kelantan.

Program *Makey Tea* bersama Usahawan KESEDAR di Kuala Krai.

15 Mei 2016







KESEDAR Inn, Gua Musang, Kelantan.







Kursus Induksi Program Peningkatan Pendapatan (PPP) Tahun 2016.

15-17 Mei 2016

Kampung Manjor, Wilayah Kuala Krai, Kuala Krai, Kelantan.

Majlis Penyerahan Kunci Rumah Kekal Banjir Sempena Lawatan Kerja YB Datuk Sri Haji Fadillah Yusof, Menteri Kerja Raya ke Jajahan Kuala Krai, Kelantan.

16 Mei 2016







Dewan Pusat Sivik, Gua Musang, Kelantan.







Program *Makey Tea* bersama Usahawan KESEDAR di Gua Musang.

18 Mei 2016

Dewan Merak KESEDAR Inn, Gua Musang, Kelantan.

Program Motivasi Membina Keseimbangan Hidup.

19 Mei 2016







Bilik Mesyuarat Utama, Ibu Pejabat KESEDAR, Gua Musang, Kelantan.







Perjumpaan YB. Dato' Pengerusi bersama Pegawai-Pegawai KESEDAR dan CEO Anak-Anak Syarikat.

24 Mei 2016

Padang Awam, RKT KESEDAR Paloh 2, Gua Musang, Kelantan.

Program *Makey Tea* bersama Usahawan KESEDAR di RKT.

25 Mei 2016







Dewan Rahmat, Ibu Pejabat KESEDAR, Gua Musang, Kelantan.







Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi Pegawai-pegawai KESEDAR Berhad (KPKB) kali ke-27.

29 Mei 2016

Dewan Merak KESEDAR Inn, Gua Musang, Kelantan.

Kursus Pengurusan Efektif daripada Perspektif *Sun Tzu The Art of War*

30 -31 Mei 2016





Tanjung Demong Beach Resort, Besut, Terengganu.





Kursus Induksi Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK).

30 -1 Jun 2016

Dewan Rahmat, Ibu Pejabat KESEDAR, Gua Musang, Kelantan.

Majlis Sumbangan Berbuka Puasa Masjid / Madrasah KESEDAR Wilayah Gua Musang.

9 Jun 2016






Kg.Staponal Batu Jong, Kuala Krai, Kelantan.






Majlis Penyerahan Kunci Rumah Kekal Mangsa Banjir.

19 Jun 2016

Perkarangan Dewan Merak, KESEDAR Inn, Gua Musang, Kelantan.

Majlis Berbuka Puasa dan Sumbangan kepada Masjid/Surau RKT KESEDAR.

19 Jun 2016






Dewan Rahmat, Ibu Pejabat KESEDAR, Gua Musang, Kelantan.







Mesyuarat Agung Kelab Keluarga KESEDAR (3K) Tahun 2016.

20 Jun 2016

Perkarangan Kementerian Luar Bandar dan Wilayah, Putrajaya.

Majlis Berbuka Puasa KKLW.

21 Jun 2016







Dewan Seri Lestari, Aras B1, Kementerian Luar Bandar dan Wilayah (KKLW), Putrajaya.







Perhimpunan Bulanan KKLW dan Agihan Bubur Lambuk.

27 Jun 2016

Dewan Rahmat, Ibu Pejabat KESEDAR, Gua Musang, Kelantan.

Mesyuarat Agung Persatuan Wanita KESEDAR.

28 Jun 2016







Dewan Rahmat, Ibu Pejabat KESEDAR, Gua Musang, Kelantan.







Ceramah Ramadhan.

2,16,23,30 Jun 2016

Kediaman Penduduk di Gua Musang, Kelantan.

Lawatan Ketua Audit Negara.

20 Julai 2016





Bilik Mesyuarat Utama, Ibu Pejabat KESEDAR, Gua Musang, Kelantan.






Penyampaian Sijil Audit Bersih.

20 Julai 2016

Perkarangan Ibu Pejabat KESEDAR, Gua Musang, Kelantan.

Sambutan Aidilfitri KESEDAR dan Majlis Pelancaran *Mobilepreneur* KESEDAR bersama Timbalan Ketua Setiausaha (TKSU) Perancangan KKLW.

24 Julai 2016







Taman Etnobotani, Gua Musang, Kelantan.





Lawatan Timbalan Ketua Setiausaha (TKSU) Perancangan KKLW ke Spa Usahawan KESEDAR.

24 Julai 2016

Perkarangan Pejabat KESEDAR Wilayah Jeli, Wilayah Jeli, Jeli, Kelantan.

Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Wilayah Jeli/Tanah Merah.

26 Julai 2016






Bilik Mesyuarat Operasi, Ibu Pejabat KESEDAR, Gua Musang, Kelantan.






Lawatan Panel Penilai Anugerah Kualiti & Inovasi KKLW 2016.

2 Ogos 2016

Perkarangan Pejabat KESEDAR Wilayah Kuala Krai, Kuala Krai, Kelantan.

Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Wilayah Kuala Krai.

3 Ogos 2016





Padang Hoki Kompleks Padang Perdana, Kota Bharu, Kelantan.






Majlis EKSPO Tani Negeri Kelantan 2016.

3 - 7 Ogos 2016

Dewan Rahmat, Ibu Pejabat KESEDAR, Gua Musang, Kelantan.

Majlis Penyampaian Sumbangan Program Peningkatan Pendapatan (Kos Sara Hidup) Tahun 2016.

4 Ogos 2016





RKT KESEDAR Chalil, Gua Musang, Kelantan.





Majlis Tautan Kasih bersama Penduduk RKT KESEDAR Chalil.

7 Ogos 2016

Peladang Agro Resort Setiu, Terengganu.

Program Tautan Kasih Ikatan Mesra.

9-11 Ogos 2016







Kompleks Futsal 1 Malaysia, Putrajaya.







Kejohanan Futsal Kementerian Belia dan Sukan 2016.

9-21 Ogos 2016

Dewan Seri Lestari, Kementerian Luar Bandar dan Wilayah, Putrajaya.

Perhimpunan Bulanan KKLW dan Pelancaran Bulan Kemerdekaan KKLW.

15 Ogos 2016







Bahagian Pentadbiran, Ibu Pejabat KESEDAR, Gua Musang, Kelantan.







Panel Penilai Anugerah Kualiti & Inovasi Kategori Aset & Pembangunan Sumber Manusia.

16 Ogos 2016

Perkarangan Pejabat Wilayah Jeli, Jeli, Kelantan.

Karnival Orang Asli.

16 Ogos 2016







Pejabat Wilayah Kuala Krai, Kuala Krai, Kelantan.





Majlis Kos Sara Hidup.

17 Ogos 2016

Pusat Dakwah Jeli, Jeli, Kelantan.

Majlis Pemimpin dan Rakyat bersama Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi.

19 Ogos 2016







Stesen Petronas Jalan Persiaran Raya, Gua Musang, Kelantan.





Majlis Pelancaran Bulan Kemerdekaan dan Kempen Kibarkan Jalur Gemilang Peringkat Kelantan Selatan.

21 Ogos 2016

Dewan Rahmat, Ibu Pejabat KESEDAR, Gua Musang, Kelantan.

Majlis Solat Hajat, Bacaan Yassin dan Ceramah Kemerdekaan 2016.

22 Ogos 2016






Pejabat Operasi Peralla, Tanah Merah, Jeli, Kelantan.





Lawatan Kerja Datuk Pengerusi ke PO Peralla.

23 Ogos 2016

Dewan Rahmat, Ibu Pejabat KESEDAR, Gua Musang, Kelantan.

Pertandingan Mencipta & Mendeklamasi Sajak Patriotik.

24 Ogos 2016







Dewan Rahmat Ibu Pejabat KESEDAR, Gua Musang, Kelantan.







Program Kelab Keluarga KESEDAR (3K) -Jom Makan Durian.

24 Ogos 2016

Bilik Mesyuarat Operasi, Ibu Pejabat KESEDAR, Gua Musang, Kelantan.

Lawatan Audit Pengurusan.

24 Ogos 2016







Kampung Batu 2, Kuala Nerus Gua Musang, Kelantan.







Perasmian Jambatan Gantung Besi.

25 Ogos 2016

Pejabat KESEDAR Wilayah Kuala Krai, Kuala Krai, Kelantan.

Program MOH NGETEH Sambutan Hari Kebangsaan.

29 Ogos 2016







Pejabat KESEDAR Wilayah Jeli, Jeli, Kelantan.





Program MOH NGETEH Sambutan Hari Kebangsaan.

29 Ogos 2016

PPMS KESEDAR Sejahtera Chin Teck Gua Musang, Kelantan.

Program MOH NGETEH Sambutan Hari Kebangsaan.

29 Ogos 2016





Pejabat Operasi Paloh 1, Gua Musang, Kelantan.





Program MOH NGETEH Sambutan Hari Kebangsaan.

29 Ogos 2016

Perkarangan Pejabat KESEDAR Wilayah Jeli, Jeli, Kelantan.

Majlis Penyampaian Bantuan Kos Sara Hidup.

29 Ogos 2016





Pejabat KESEDAR Wilayah Jeli, Jeli, Kelantan.





Kunjungan YB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) ke Pejabat Wilayah Jeli.

29 Ogos 2016

Dataran Gua Musang, Gua Musang, Kelantan.

Sambutan Konsert Ambang Merdeka.

30 Ogos 2016





Pejabat Menteri Besar, Negeri Kelantan, Kota Bharu, Kelantan.






Kunjungan Hormat & Perbincangan Isu Tanah di Pejabat Menteri Besar Kelantan.

4 September 2016

Sungai Golok, Thailand

Sukan Muhibbah Malaysia -Thailand.

7-9 September 2016







Dewan Pusat Sivik, Gua Musang, Kelantan.






Perhimpunan Bulanan KESEDAR.

18 September 2016

Dewan Merak, KESEDAR Inn, Gua Musang, Kelantan.

Dinner Talk SPRM.

18 September 2016






Dewan Pusat Sivik, Gua Musang, Kelantan.






Forum SPRM di Pusat Sivik, Gua Musang.

7 Oktober 2016

Dataran Gua Musang, Gua Musang, Kelantan.

Walkathon KESEDAR Sempena Hari Sukan Negara.

8 Oktober 2016






Padang SK Ulu Kusial, Ipoh Tanah Merah, Jeli, Kelantan.






Majlis Perasmian Karnival Mini RTC Blok Ulu Kusial.

9 Oktober 2016

Dewan Pusat Sivik Gua Musang, Kelantan.

Program Kesedaran Awam Menghadapi Bencana Gua Musang Sempena Bulan Kesiapsiagaan Nasional.

10 Oktober 2016





Bilik Mesyuarat Operasi, Ibu Pejabat KESEDAR, Gua Musang, Kelantan.





Lawatan Panel Penilai Audit Inovasi.

12 Oktober 2016

Malaysia Agro Exposition Park, Serdang, Selangor.

16 Oktober 2016

Penyampaian Hadiah Anugerah Desa Sejahtera 1Malaysia (ADS1M) Peringkat Kebangsaan.







Bilik Mesyuarat Utama, Ibu Pejabat KESEDAR, Gua Musang, Kelantan.

17 Oktober 2016

Permodalan Mara Berhad (PMB) *Talk*.







Perkarangan Ibu Pejabat KESEDAR, Gua Musang, Kelantan.

24 Oktober 2016

Majlis Asyura KESEDAR.







Dataran KESEDAR, Gua Musang, Kelantan.

24 Oktober 2016

Entrepreneur Meets Customer (EMC) KESEDAR 2016.







Kedai Jahit Benang Kreatif, Gua Musang, Kelantan.

24 Oktober 2016

Majlis Perasmian Pembukaan Kedai Jahit Berkelompok dan Penyerahan Bantuan kepada Peserta Program Peningkatan Pendapatan 2016.







Pejabat KESEDAR Dagang, Gua Musang, Kelantan.





Media bersama Kesedar Dagang Sdn. Bhd.

24 Oktober 2016

Kg Batu Lada, Wilayah Kuala Krai

Penyampaian Bantuan Kos Sara Hidup di Kg Batu Lada, Wilayah Kuala Krai.

27 Oktober 2016





Gelanggang Futsal Pusat Rekreasi KESEDAR, Gua Musang, Kelantan.






Kejohanan Futsal Kelab Keluarga KESEDAR (3K).

1 November 2016

Padang SK, Limau Kasturi 2, Gua Musang, Kelantan.

Program Jelajah Minda - Jom Masuk Kampung.

2 November 2016





Dewan Merak, KESEDAR Inn, Gua Musang, Kelantan.





Kursus *Executor Room* Penjenamaan dan Pemasaran melalui Strategi Lautan Biru.

13-14 November 2016

Kampung Dabong, Kuala Krai, Kelantan.

Program Khidmat Komuniti KESEDAR Tahun 2016.

15 November 2016





Dewan Seri Lestari, Kementerian Luar Bandar dan Wilayah, Putrajaya.





Simposium Psikologi & Kaunseling KKLW 2016.

15-16 November 2016

Bilik Gerakan dan Padang Awam Kampung Legeh, Jeli, Kelantan.

Program Khidmat Komuniti KESEDAR DUN Ayer Lanas.

16 November 2016






Bilik Mesyuarat Utama, Ibu Pejabat KESEDAR, Gua Musang, Kelantan.





Majlis Perpisahan Pengarah JKR KESEDAR, Encik Nek Jid bin Muhd Zain.

20 November 2016

Dewan Sri Chalil, Gua Musang, Kelantan.

Kursus Mentor Menti dan Majlis Kesyukuran Perdana.

20 November 2016





Kampung Mentera Lama, Gua Musang, Kelantan.







Majlis Penyerahan Rumah Program Bantuan Rumah (PBR) Bina Baru DUN Galas (Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) Tahun 2016 Dun Galas).

23 November 2016

Dewan Tun Sri Abu Zahar, Menara LPP Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan.

Hari Inovasi KKLW 2016.

23 November 2016







Kampung Chuchuh Puteri, Wilayah Kuala Krai, Kuala Krai, Kelantan.







Program Jelajah Minda - Jom Masuk Kampung.

24 November 2016

Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka, (MITC), Ayer Keruh, Melaka.

Satu Desa Satu Industri (SDSI).

24-27 November 2016







Hotel Premiera Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan.







Makan Malam Media KKLW 2016.

25 November 2016

Kampung Slow Temiang, Kuala Krai, Kelantan.

27 November 2016

Program Jelajah Minda - Jom Masuk Kampung.





Bilik Mesyuarat Utama, Ibu Pejabat KESEDAR, Gua Musang, Kelantan.





Lawatan Delegasi Vietnam ke KESEDAR.

28 -29 November 2016

Dewan Rahmat, Ibu Pejabat KESEDAR, Gua Musang, Kelantan.

01 Disember 2016

Solat Hajat dan Bacaan Yassin Etnik Rohingya.





Malaysia Agro Exposition Park (MAEPS), Serdang, Selangor.





Pameran Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA).

1-11 Disember 2016

Dewan Merak, KESEDAR Inn, Gua Musang, Kelantan.

26 Disember 2016

Program *Strategic Partnership* KESEDAR & Unit JKR.





Hotel Perdana, Kota Bharu, Kelantan.







Penyerahan Cek Bayaran Premium Tanah dan Hak Milik Geran.

27 Disember 2016

Dewan Rahmat, Ibu Pejabat KESEDAR, Gua Musang, Kelantan.

Majlis Penghargaan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKR) Sesi 2015/2016 & Penyerahan Kiosk Usahawan KESEDAR.

28 Disember 2016









PENYATA KEWANGAN

16



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
LEMBAGA KEMAJUAN KELANTAN SELATAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan dan Kumpulan telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2016 dan Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 4 hingga 35.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan dan Kumpulan pada 31 Disember 2016 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan 1978 (Akta 203).

Asas Kepada Pendapat

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Lembaga Pengarah di Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan 1978 (Akta 203). Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan dan Kumpulan, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan

sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan dan Kumpulan.

c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah.

d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian yang ketara berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.

e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan dan Kumpulan memberi gambaran yang saksama.

f. Mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

Saya telah berkomunikasi dengan Lembaga Pengarah, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan, termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan 1978 (Akta 203), saya juga melaporkan perkara berikut:

a. Pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan dan subsidiarinya yang mana kami telah bertindak sebagai juruaudit telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.

b. Saya telah mempertimbangkan akaun dan Laporan Juruaudit bagi semua subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam Nota 3.1 kepada penyata kewangan yang telah dimasukkan dalam akaun disatukan.

c. Saya berpuas hati bahawa akaun subsidiari yang disatukan dengan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan teratur bagi tujuan penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut.

d. Laporan Juruaudit ke atas akaun subsidiari tidak mengandungi sebarang teguran atau pemerhatian yang boleh menjejaskan penyata kewangan.

Hal-hal Lain

a. Seperti yang dinyatakan pada Nota 2.1 kepada penyata kewangan, Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan telah menerima pakai piawaian perakaunan *Malaysian Private Entities Reporting Standard* (MPERS) diluluskan oleh Lembaga Pengarah mulai 1 Januari 2016 dengan tarikh peralihan pada 1 Januari 2015. Piawaian ini diterima pakai secara retrospektif oleh Lembaga Pengarah terhadap angka perbandingan dalam penyata kewangan ini, termasuk Lembaran Imbangan Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan dan Kumpulan pada 31 Disember 2015 dan 1 Januari 2015, dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2015 dan pendedahan berkaitan. Saya tidak terikat untuk melaporkan angka perbandingan yang dinyatakan semula dan tidak diaudit. Tanggungjawab saya sebagai sebahagian daripada pengauditan penyata kewangan Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan dan Kumpulan bagi tahun berakhir 31 Disember 2016, dalam keadaan ini, termasuk mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian yang baki awal pada 1 Januari 2016 tidak mengandungi salah nyata yang boleh memberi kesan ketara terhadap kedudukan kewangan pada 31 Disember 2016 dan prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

b. Laporan ini dibuat untuk Lembaga Pengarah dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.

(JESMANI YUSOF)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

KOTA BHARU
31 JULAI 2017

LEMBAGA KEMAJUAN KELANTAN SELATAN
(Ditubuhkan di Malaysia mengikut Akta 203)

PERAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN LEMBAGA KEMAJUAN KELANTAN SELATAN (KESEDAR)

Saya, **DATO' HAJI FAZAM BIN MAT LAZIM**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan **LEMBAGA KEMAJUAN KELANTAN SELATAN** dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai berserta dengan Nota-Nota kepada Penyata Kewangan sebagaimana dibentangkan adalah sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya)
DATO' HAJI FAZAM BIN MAT LAZIM)
Di Gua Musang dalam negeri)
Kelantan Darul Naim pada 13 JUL 2017)

DATO' HAJI FAZAM BIN MAT LAZIM
NO. K/P : 571111-03-5097

Di hadapan saya,

NORLIDASAIDI BT AWANG TEH
Pesuruhjaya Sumpah
Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan
18300 Gua Musang, Kelantan.
Tel: 09-9132 200

PESURUHJAYA SUMPAH MALAYSIA
A-D 041
NORLIDASAIDI
BT AWANG TEH
LEMBAGA KEMAJUAN
KELANTAN SELATAN
GUA MUSANG

LEMBAGA KEMAJUAN KELANTAN SELATAN
(Ditubuhkan di Malaysia mengikut Akta 203)

PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA PENGARAH AKAUN INDUK

Kami, **DATUK HAJI ABDUL AZIZ BIN DERASHID** dan **DATO' PADUKA NOZULA BIN MAT DIAH**, yang merupakan Pengerusi dan Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah LEMBAGA KEMAJUAN KELANTAN SELATAN, dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai beserta Nota-Nota kepada Penyata Kewangan sebagaimana dibentangkan, adalah disediakan untuk menunjukkan gambaran yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan Kumpulan dan Lembaga pada 31 Disember 2016 dan prestasi kewangan serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,

.....

NAMA : DATUK HAJI ABDUL AZIZ BIN DERASHID

GELARAN : PENGERUSI

TARIKH : 13 JUL 2017

TEMPAT : GUA MUSANG

Bagi pihak Lembaga,

.....

NAMA : DATO' PADUKA NOZULA BIN MAT DIAH

GELARAN : TIMBALAN PENGERUSI

TARIKH : 13 JUL 2017

TEMPAT : GUA MUSANG

LEMBAGA KEMAJUAN KELANTAN SELATAN
(Ditubuhkan di Malaysia mengikut Akta 203)

PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA PENGARAH AKAUN KUMPULAN

Kami, **DATUK HAJI ABDUL AZIZ BIN DERASHID** dan **DATO' PADUKA NOZULA BIN MAT DIAH**, yang merupakan Pengerusi dan Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah LEMBAGA KEMAJUAN KELANTAN SELATAN, dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai beserta Nota-Nota kepada Penyata Kewangan sebagaimana dibentangkan, adalah disediakan untuk menunjukkan gambaran yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan LEMBAGA KEMAJUAN KELANTAN SELATAN dan kumpulan pada 31 Disember 2016 dan prestasi kewangan serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,

.....

NAMA : DATUK HAJI ABDUL AZIZ BIN DERASHID

GELARAN : PENGERUSI

TARIKH : 13 JUL 2017

TEMPAT : GUA MUSANG

Bagi pihak Lembaga,

.....

NAMA : DATO' PADUKA NOZULA BIN MAT DIAH

GELARAN : TIMBALAN PENGERUSI

TARIKH : 13 JUL 2017

TEMPAT : GUA MUSANG

LEMBAGA KEMAJUAN KELANTAN SELATAN
(Ditubuhkan di Malaysia mengikut Akta 203)

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2016

	Nota	KUMPULAN 2016 RM	KUMPULAN 2015 RM	LEMBAGA 2016 RM	LEMBAGA 2015 RM
ASET BUKAN SEMASA					
Hartanah, loji dan peralatan	5	35,942,905	34,571,532	23,798,521	22,009,806
Perumahan KESEDAR	6	189,806	236,631	189,806	236,631
Pelaburan dalam syarikat subsidiari	7	-	-	18,740,005	17,640,015
Lain-lain pelaburan	8	150,000	150,000	150,000	150,000
Aset biologikal	10	37,530,683	44,053,463	37,453,361	44,053,463
		73,813,394	79,011,626	80,331,693	84,089,915
ASET SEMASA					
Kos pembangunan hartanah	9	6,632,710	7,309,599	-	-
Inventori	12	4,340,375	7,531,965	-	-
Penghutang perdagangan	11	29,187,947	27,876,815	-	-
Lain-lain penghutang, deposit dan prabayaran	13	31,015,709	30,647,535	23,322,331	25,011,968
Pinjaman tabung ekonomi peneroka	14	205,943	129,724	205,943	129,724
Pinjaman kakitangan	15	804,382	872,923	804,382	872,923
Terhutang daripada subsidiari	16	-	30,016,616	53,023,554	51,075,633
Terhutang daripada syarikat berkaitan		14,396	-	-	-
Tunai dan kesetaraan tunai	17	98,240,484	104,846,384	87,269,803	94,390,658
		170,441,946	209,231,561	164,626,013	171,480,906
JUMLAH ASET		**244,255,340**	**288,243,187**	**244,957,706**	**255,570,821**
EKUITI					
Kepentingan bukan kawalan		24	11	-	-
Pemberian kerajaan dipermodalkan- pembangunan	21	36,801,418	34,709,200	36,801,418	34,709,200
Pemberian kerajaan dipermodalkan- pembelian aset	22	5,908,313	7,385,391	5,908,313	7,385,391
Pinjaman tabung ekonomi peneroka	14	450,193	450,193	450,193	450,193
Tabung pusingan pinjaman	23	1,255,000	1,255,000	1,255,000	1,255,000
Akaun amanah	24	29,583,728	45,773,336	29,583,728	45,773,336
Dana pengurusan getah	25	220,730	105,054	220,730	105,054
Dana pengurusan sawit	26	4,028,332	6,448,552	4,028,332	6,448,552
Dana tanam semula sawit	27	3,992,303	2,472,345	3,992,303	2,472,345
Dana pembangunan Jeli	28	2,127,950	1,922 ,755	2,127,950	1,922,755
Dana pengurusan harta	30	5,138,230	770,952	5,138,230	770,952
Dana pengurusan Taman Etnobotani	29	2,537,295	2,366,522	2,537,295	2,366,522

Penyata ini hendaklah dibaca bersama – sama dengan nota – nota kepada penyata kewangan.

LEMBAGA KEMAJUAN KELANTAN SELATAN
(Ditubuhkan di Malaysia mengikut Akta 203)

	Nota	KUMPULAN 2016 RM	KUMPULAN 2015 RM	LEMBAGA 2016 RM	LEMBAGA 2015 RM
Keuntungan terkumpul		120,640,667	128,168,565	107,303,945	108,645,774
		212,684,183	231,827,876	199,347,437	212,305,074
LIABILITI BUKAN SEMASA					
Pinjaman kerajaan belum bayar	31	8,914,722	10,000,000	8,914,722	10,000,000
Pemiutang sewabeli	19	243,218	242,919	-	-
Liabiliti cukai tertunda		1,371,267	97,000	-	-
		10,529,207	10,339,919	8,914,722	10,000,000
LIABILITI SEMASA					
Pemiutang perdagangan dan lain-lain pemiutang	18	19,228,923	43,271,679	36,382,641	32,515,747
Pemiutang sewabeli	19	69,645	78,412	-	-
Terhutang kepada syarikat berkaitan		249,744	-	-	-
Peruntukan cukai		336,239	909,185	312,906	750,000
Zakat	20	-	27,200	-	-
Overdraf bank	17	1,157,399	1,788,916	-	-
		21,041,950	46,075,392	36,695,547	33,265,747
JUMLAH LIABILITI DAN EKUITI		**244,255,340**	**288,243,187**	**244,957,706**	**255,570,821**

Penyata ini hendaklah dibaca bersama – sama dengan nota – nota kepada penyata kewangan.

LEMBAGA KEMAJUAN KELANTAN SELATAN
(Ditubuhkan di Malaysia mengikut Akta 203)

PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

	Nota	KUMPULAN 2016 RM	KUMPULAN 2015 RM	LEMBAGA 2016 RM	LEMBAGA 2015 RM
Operasi Berterusan					
Pendapatan	32	148,051,492	145,685,707	56,841,267	58,488,337
Kos jualan		(87,740,820)	(76,483,920)	-	-
Keuntungan kasar		60,310,672	69,201,787)	56,841,267	58,488,337
Pendapatan lain	32	335,440	489,613	-	-
		60,646,112	69,691,400	56,841,267	58,488,337
Perbelanjaan pentadbiran	33	(60,585,179)	(64,334,565)	(55,113,796)	(55,265,812)
Perbelanjaan lain	34	(4,487,077)	(3,836,025)	(3,797,892)	(3,446,547)
		(4,426,144)	1,520,810	(2,070,421)	(224,022)
Kos kewangan		(10,890)	(8,925)	-	-
Keuntungan/(kerugian) sebelum cukai		(4,437,034)	1,511,885	(2,070,421)	(224,022)
Perbelanjaan cukai		(3,032,372)	(1,191,002)	(312,906)	(750,000)
Keuntungan/(kerugian) bagi tahun		**(7,469,406)**	**320,883**	**(2,383,327)**	**(974,022)**
Pendapatan komprehensif lain		-	-	-	-
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun		**(7,469,406)**	**320,883**	**(2,383,327)**	**(974,022)**

Penyata ini hendaklah dibaca bersama – sama dengan nota – nota kepada penyata kewangan.

LEMBAGA KEMAJUAN KELANTAN SELATAN
(Ditubuhkan di Malaysia mengikut Akta 203)

PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

KUMPULAN	Nota	Rezab modal RM	Keuntungan terkumpul RM	Kepentingan bukan kawalan RM	Jumlah RM
Baki pada 1 Januari 2015		117,438	126,405,255	11	126,522,704
Kesan pemakaian MPERS		(117,438)	117,438	-	-
Keuntungan bagi tahun		-	320,883	-	320,883
Pelarasan		-	1,324,989	-	1,324,989
Baki pada 31 Disember 2015		**-**	**128,168,565**	**11**	**128,168,576**
Kerugian bagi tahun		-	(7,469,406)	-	(7,469,406)
Pelarasan		-	58,492	-	58,492
Baki pada 31 Disember 2016		**-**	**120,640,667**	**11**	**120,640,678**

Penyata ini hendaklah dibaca bersama – sama dengan nota – nota kepada penyata kewangan.

LEMBAGA KEMAJUAN KELANTAN SELATAN
(Ditubuhkan di Malaysia mengikut Akta 203)

PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

LEMBAGA	Nota	Rizab Modal RM	Keuntungan Terkumpul RM	Jumlah RM
Baki pada 1 Januari 2015		-	108,132,130	108,132,130
Pelarasan		-	1,487,666	1,487,666
Kerugian bagi tahun		-	(974,022)	(974,022)
Baki pada 31 Disember 2015		**-**	**108,645,774**	**108,645,774**
Pelarasan		-	1,041,498	1,041,498
Kerugian bagi tahun		-	(2,383,327)	(2,383,327)
Baki pada 31 Disember 2016		**-**	**107,303,945**	**107,303,945**

Penyata ini hendaklah dibaca bersama – sama dengan nota – nota kepada penyata kewangan.

LEMBAGA KEMAJUAN KELANTAN SELATAN
(Ditubuhkan di Malaysia mengikut Akta 203)

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

	KUMPULAN		LEMBAGA	
	2016 RM	2015 RM	2016 RM	2015 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI				
Kerugian sebelum cukai	(4,437,034)	1,511,885	(2,070,421)	(224,022)
Pelarasan untuk:				
Susutnilai hartanah, loji dan peralatan	6,342,228	3,716,664	3,789,265	3,327,186
Keuntungan jualan hartanah loji dan peralatan	(33,300)	(67,630)	-	-
Kerugian sebelum perubahan modal pusingan	1,871,894	5,160,919	1,718,844	3,103,164
(Peningkatan)/pengurangan dalam kerja dalam perlaksanaan	-	2,243,329	-	-
(Peningkatan)/pengurangan dalam kos pembangunan hartanah	676,889	(7,309,599)	-	-
(Peningkatan)/pengurangan dalam inventori	3,191,590	(2,179,713)	-	-
(Peningkatan)/pengurangan dalam penghutang perdagangan dan lain-lain penghutang	(1,667,850)	5,323,033	1,701,095	1,107,741
(Peningkatan)/pengurangan dalam pinjaman tabung ekonomi peneroka	(76,219)	(21,507)	(76,219)	(21,507)
(Peningkatan)/pengurangan dalam pinjaman kakitangan	68,541	119,608	68,541	119,608
(Peningkatan)/pengurangan dalam terhutang daripada subsidiari	30,016,616	(3,862,351)	(1,947,920)	(264,351)
(Peningkatan)/pengurangan dalam terhutang daripada syarikat berkaitan	(14,396)	-	-	-
Peningkatan/(pengurangan) dalam pemiutang perdagangan dan lain-lain pemiutang	(24,043,403)	2,287,373	3,866,247	(297,534)
(Peningkatan)/pengurangan dalam terhutang kepada syarikat berkaitan	249,744	-	-	-
Peningkatan/(pengurangan) dalam Zakat	(27,200)	27,200	-	-
Tunai dijana dari operasi	10,246,206	1,788,292	5,330,588	3,747,121
Pembayaran cukai	(2,350,015)	(292,736)	(1,002,608)	-
Pembayaran dividen	(233,631)	(34,418)	-	-
Tunai bersih daripada / (digunakan dalam) aktiviti operasi	7,662,560	1,461,138	4,327,980	3,747,121

Penyata ini hendaklah dibaca bersama – sama dengan nota – nota kepada penyata kewangan.

LEMBAGA KEMAJUAN KELANTAN SELATAN
(Ditubuhkan di Malaysia mengikut Akta 203)

	KUMPULAN		LEMBAGA	
	2016 RM	2015 RM	2016 RM	2015 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN				
Pembelian hartanah, loji dan peralatan	(7,666,777)	(5,625,292)	(5,531,156)	(5,342,905)
Jualan hartanah, loji dan peralatan	33,300	301,778	-	-
Aset biologikal	5,940,409	-	6,017,731	-
Tunai bersih (digunakan dalam) / daripada aktiviti pelaburan	(1,693,068)	(5,323,514)	486,575	(5,342,905)
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN				
Pemberian kerajaan dimodalkan - pembangunan	2,092,218	1,122,042	2,092,218	1,122,042
Pemberian kerajaan dimodalkan - pembelian aset	-	2,000,000	-	2,000,000
Akaun amanah	(16,189,622)	13,337,761	(16,189,622)	13,337,761
Dana pengurusan getah	115,675	229,218	115,675	229,218
Dana pengurusan sawit	(2,420,220)	429,281	(2,420,220)	429,281
Dana tanam semula sawit	1,519,958	446,742	1,519,958	446,742
Dana pembangunan Jeli	205,195	1,402,990	205,195	1,402,990
Dana pengurusan Taman Etnobotani	170,773	(78,469)	170,773	(78,469)
Dana pengurusan harta	4,356,467	770,952	4,356,467	770,952
Pinjaman kerajaan belum bayar	(1,785,854)	-	(1,785,854)	-
Pemiutang sewabeli	(8,468)	(93,992)	-	-
Tunai bersih (digunakan dalam) / daripada aktiviti pembiayaan	(11,943,878)	19,566,525	(11,935,410)	19,660,427
(Pengurangan) / peningkatan bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai	(5,974,386)	15,704,149	(7,120,855)	18,064,643
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun	103,057,468	87,353,319	94,390,658	76,326,015
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun	**97,083,085**	**103,057,468**	**87,269,803**	**94,390,658**

Penyata ini hendaklah dibaca bersama – sama dengan nota – nota kepada penyata kewangan.

NOTA – NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

1 MAKLUMAT AM

KESEDAR adalah merupakan pihak Berkuasa Kemajuan Wilayah yang dipertanggungjawabkan untuk membangun kawasan Kelantan Selatan supaya lebih seimbang dengan kawasan Kelantan Utara.

Aktiviti utama Lembaga ialah melaksanakan projek pembangunan fizikal, sosial dan ekonomi di dalam Kelantan Selatan.

2 ASAS PENYEDIAAN

2.1 PENYATAAN PEMATUHAN

Penyata - penyata kewangan Kumpulan dan Lembaga telah disediakan selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia ("MPERS") . Ini merupakan penyata – penyata kewangan Kumpulan dan Lembaga pertama yang disediakan menurut MPERS.

2.2 ASAS PENGUKURAN

Penyata - penyata kewangan Kumpulan dan Lembaga telah disediakan menurut asas kos sejarah, kecuali bagi penilaian semula aset dan liabiliti tertentu. Walaubagaimanapun, tiada penilaian semula aset dan liabiliti telah direkodkan sepanjang tahun kewangan ini.

2.3 PERTIMBANGAN KRITIKAL DAN KETIDAKPASTIAN ANGGARAN

i) Pertimbangan Kritikal Dalam Menggunapakai Dasar Perakaunan

Pertimbangan yang telah dibuat oleh para pengarah dan pengurusan dalam proses menggunapakai dasar - dasar perakaunan dan yang mempunyai kesan paling ketara ke atas amaun yang diiktiraf dalam penyata-penyata kewangan adalah didedahkan dalam nota masing-masing.

ii) Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

Anggaran utama berkenaan masa depan dan sumber utama ketidakpastian anggaran lain - lain pada tempoh pelaporan, yang mempunyai risiko ketara yang menyebabkan berlakunya pelarasan yang signifikan terhadap amaun bawaan aset dan liabiliti dalam tahun kewangan seterusnya, adalah didedahkan dalam nota masing - masing.

3 DASAR – DASAR PERAKAUNAN PENTING

Dasar - dasar perakaunan penting yang diguna pakai dinyatakan seperti di bawah:

3.1 SUBSIDIARI DAN ASAS PENYATUAN

Penyata-penyata kewangan disatukan adalah merangkumi penyata-penyata kewangan Lembaga dan kesemua syarikat subsidiarinya. Syarikat subsidiari adalah entiti-entiti dikawal oleh Lembaga. Kawalan wujud apabila Lembaga mempunyai kuasa untuk mentadbir dasar-dasar kewangan dan operasi sesebuah syarikat entiti untuk memperolehi manfaat daripada aktiviti-aktivitinya.

Pelaburan dalam syarikat subsidiari diambilkira dalam penyata kewangan berasingan Lembaga pada kos ditolak sebarang kerugian rosotnilai terkumpul.

Keuntungan dan perbelanjaan syarikat subsidiari disertakan dalam penyata kewangan disatukan bermula dari tarikh pengambilalihan sehingga tarikh di mana Lembaga terhenti mengawal syarikat subsidiari. Apabila Lembaga terhenti mengawal sebuah syarikat subsidiari, sebarang perbezaan di antara perolehan daripada pelupusan syarikat subsidiari dan nilai bawaan pada tarikh kawalan hilang, adalah diiktiraf dalam penyata pendapatan komprehensif disatukan sebagai keuntungan atau kerugian atas pelupusan syarikat subsidiari.

Penyata kewangan disatukan disediakan menggunakan dasar-dasar perakaunan yang seragam bagi urusniaga dan peristiwa dan syarat lain dalam keadaan yang sama.

3.2 HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

Kos sesuatu item bagi hartanah, loji dan peralatan diiktiraf sebagai aset hanya apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa depan yang terangkum dalam bahagian tersebut akan mengalir ke dalam Lembaga dan kos item tersebut boleh diukur dengan pasti. Selepas diiktiraf sebagai aset, item hartanah, loji dan peralatan adalah diukur pada kos ditolak sebarang susutnilai terkumpul dan sebarang kerugian rosotnilai terkumpul.

Susutnilai disediakan atas kaedah garis lurus untuk menghapuskira amaun yang boleh disusutnilai sepanjang jangka hayat bergunanya, seperti berikut:

	Kadar
Tanah	-
Bangunan pejabat dan stor	10%
Mesin dan alat pertanian	20%
Kenderaan	20%
Perabot dan kelengkapan	10%
Alat pejabat	10%
Alat audio dan perhubungan	20%
Alat dan perkakas ukur	20%
Alat fotografi	20%
Alat percetakan	20%
Enjin bermotor	20%
Motorbot dan rakit	20%
Alat muzik	20%
Loji lori tangki dan kargo	20%
Peralatan mesin dan kilang	20%

Susutnilai aset bermula apabila ianya sedia untuk digunakan.

Jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, hayat berguna atau corak berguna aset sejak tarikh laporan tahunan lepas, nilai sisa, kaedah susutnilai dan hayat berguna aset yang boleh disusutnilai disemak semula, dan dilaraskan secara prospektif.

Amaun bawaan bagi item hartanah, loji dan peralatan tidak lagi diiktiraf ke atas pelupusan atau apabila tiada manfaat ekonomi masa depan dijangka daripada penggunaan atau pelupusan. Sebarang keuntungan atau kerugian yang timbul daripada penyahiktirafan item hartanah, loji dan peralatan, ditentukan sebagai perbezaan di antara perolehan pelupusan bersih, jika ada, dan amaun bawaan item, diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.Sama ada perolehan jualan atau sebarang keuntungan ke atas pelupusan tidak dikelaskan sebagai hasil.

3.3 SUSUTNILAI PERUMAHAN KESEDAR DAN LAIN-LAIN KEMUDAHAN AWAM

Susutnilai/pelunasan aset tetap dan perbelanjaan pembangunan dibuat secara kaedah garis lurus mengikut jangkamasa kegunaannya. Kadar-kadar tahunan yang digunakan adalah seperti berikut:

	Kadar Setahun
Bangunan tetap	2.5%
Institusi perumahan	5%
Institusi perumahan kos rendah	10%
Bangunan sementara	10%
Projek-projek kemudahan awam:	
- Ketara dan mempunyai hakmilik	10%
- Tak ketara dan tanpa hakmilik	10%

3.4 ASET BIOLOGIKAL

Aset biologikal adalah terdiri daripada perbelanjaan pembangunan tanah pertanian, perbelanjaan pembangunan mengikut kos pinjaman kerajaan persekutuan dan belanja pembangunan dana tanam semula sawit yang dinyatakan pada kos setelah ditolak pelunasan terkumpul dan sebarang kemerosotan nilai. Kos aset biologikal ini terdiri daripada kos pembangunan ladang terkumpul yang dibelanjakan dari permulaan penanaman benih sehingga tanaman matang. Permodalan kos pembangunan perladangan dan kos operasi lain akan terhenti apabila bermulanya penuaian hasil.

3.5 PINJAMAN JANGKA PANJANG

i) Pinjaman dari Kerajaan Persekutuan dengan kadar faedah dikenakan 4% setahun
ii) Pinjaman dari Perbadanan Induk kepada KISB untuk menstabilkan operasi anak syarikat. Pinjaman dikenakan kadar faedah 4% setahun dengan tempoh pertangguhan 3 tahun dan jangkamasa bayaran balik 10 anuiti.

3.6 PENGAMBILALIHAN ASET KISB

Sebanyak RM2,000,000 telah dikeluarkan kepada KISB sebagai pendahuluan bagi menjelaskan hutang Dana Harta Urus Bhd.

Pihak KISB telah melepaskan Aset Tetap kepada Lembaga pada 31 Disember 2005.

3.7 ROSOTNILAI ASET, SELAIN DARIPADA INVENTORI DAN ASET KEWANGAN

Pada setiap tarikh pelaporan, Lembaga menilai sama ada terdapat sebarang tanda bahawa aset mungkin mengalami rosotnilai. Jika mana - mana tanda sedemikian wujud, amaun boleh pulih aset tersebut dianggarkan.

Apabila terdapat tanda bahawa aset mungkin mengalami rosotnilai tetapi ia tidak dapat menganggar amaun boleh pulih bagi aset tersebut, Lembaga akan menganggarkan amaun boleh pulih bagi unit penjanaan tunai di mana aset tersebut dimiliki.

Amaun boleh pulih aset dan unit penjanaan tunai adalah lebih tinggi daripada nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan. Dalam penilaian nilai dalam penggunaan, anggaran aliran tunai masa depan adalah didiskaunkan kepada nilai semasa dengan menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang menggambarkan penilaian pasaran semasa nilai masa wang dan risiko khusus kepada aset tersebut.

Jika amaun boleh pulih aset atau unit penjanaan tunai kurang daripada amaun bawaan, kerugian rosotnilai diiktiraf untuk mengurangkan amaun bawaan kepada amaun boleh pulih.

Kerugian rosotnilai bagi unit penjanaan tunai adalah diperuntukkan terlebih dahulu untuk mengurangkan amaun bawaan sebarang muhibah yang diperuntukkan kepada unit penjanaan tunai, dan kemudian, kepada aset bukan semasa lain unit pro - rata atas asas amaun bawaan bagi setiap aset yang sesuai dalam unit penjanaan tunai. Kerugian rosotnilai aset diiktiraf dengan serta - merta dalam keuntungan atau kerugian, melainkan aset dibawa pada amaun dinilai semula, di mana ia diiktiraf sebagai pengurangan penilaian semula.

Kerugian rosotnilai yang diiktiraf dalam tempoh sebelumnya untuk aset atau aset yang sesuai dalam unit penjanaan tunai dibalikkan apabila terdapat perubahan dalam anggaran yang digunakan untuk menetapkan amaun boleh pulih aset. Kerugian rosotnilai yang dibalikkan hanya setakat tahap amaun bawaan aset tidak melebihi amaun bawaan yang telah ditentukan, ditolak susutnilai, jika tiada kerugian rosotnilai yang telah diiktiraf pada tempoh sebelumnya. Pembalikan kerugian rosotnilai adalah diiktiraf dengan serta-merta dalam keuntungan atau kerugian, melainkan aset dibawa pada amaun dinilai semula, di mana ia direkod sebagai peningkatan penilaian semula.

3.8 INVENTORI

Inventori adalah diukur pada nilai yang lebih rendah di antara kos dan anggaran harga jualan ditolak kos untuk siapan dan jualan. Kos inventori terdiri daripada semua kos pembelian, kos penukaran dan kos lain yang terlibat dalam membawa inventori ke lokasi dan keadaan semasanya. Kos inventori diukur dengan menggunakan kaedah Masuk Dahulu Keluar Dahulu.

3.9 ASET KEWANGAN

Aset kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Lembaga menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada awal pengiktirafan, aset kewangan adalah diukur pada harga urusniaga, termasuk kos urusniaga untuk aset kewangan tidak diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, melainkan perjanjian membentuk, pada kesan, sebuah urusniaga pembiayaan bagi pihak bertimbal kepada pengaturan.

Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada tiga kategori: aset kewangan diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, aset kewangan merupakan instrumen hutang diukur pada kos dilunaskan, dan aset kewangan merupakan instrumen ekuiti diukur pada kos ditolak rosotnilai.

3.9.1 Aset Kewangan Diukur Pada Nilai Saksama Menerusi Keuntungan Atau Kerugian

Aset kewangan adalah dikelaskan sebagai nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian apabila aset kewangan adalah dalam skop Seksyen 12 MPERS atau jika aset kewangan diniagakan secara awam atau nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan pasti tanpa kos atau usaha yang tidak wajar. Perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

Jika ukuran pasti bagi nilai saksama tidak lagi boleh didapati untuk instrumen ekuiti yang tidak diniagakan secara awam tetapi diukur pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, nilai saksamanya pada tarikh akhir instrumen yang boleh dinilai dengan pasti dianggap sebagai kos instrumen, dan ia diukur pada amaun kos ini ditolak rosotnilai sehingga ukuran pasti nilai saksama boleh didapati.

3.9.2 Aset Kewangan Merupakan Instrumen Hutang Diukur Pada Kos Dilunaskan

Selepas pengiktirafan awal, instrumen hutang diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah efektif. Instrumen hutang yang dikelaskan sebagai aset semasa diukur pada amaun tunai yang tidak didiskaunkan atau pertimbangan lain yang dijangka boleh diterima.

Kaedah faedah efektif adalah kaedah untuk mengira kos dilunaskan aset kewangan dan untuk memperuntukan pendapatan faedah ke atas tempoh yang berkaitan. Kadar faedah efektif adalah kadar diskaun anggaran penerimaan tunai masa depan yang tepat menerusi jangka hayat aset kewangan atau, apabila sesuai, tempoh yang lebih singkat, dengan amaun bawaan aset kewangan.

3.9.3 Aset Kewangan Merupakan Instrumen Ekuiti Diukur Pada Kos Ditolak Rosotnilai

Instrumen ekuiti yang tidak diniagakan secara awam dan dimana nilai saksama tidak boleh diukur dengan pasti tanpa kos atau usaha yang tidak wajar, dan kontrak yang berhubung kepada instrumen tersebut, jika dilaksanakan, akan menyebabkan penghantaran instrumen tersebut, diukur pada kos ditolak rosotnilai.

3.9.4 Rosotnilai Aset Kewangan

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, Lembaga menilai sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan yang diukur pada kos atau kos dilunaskan, telah dirosotnilai.

Bukti objektif boleh termasuk:

- kesukaran kewangan yang ketara oleh penerbit atau obligor.
- pelanggaran kontrak.
- pemberi pinjaman memberikan kepada peminjam sebuah konsesi bahawa pemberi pinjaman tidak akan dipertimbangkan.
- ia menjadi kemungkinan bahawa peminjam akan bankrap atau penyusunan semula kewangan lain.
- data yang boleh diperhatikan dapat menunjukkan bahawa terdapat penurunan yang boleh diukur dalam anggaran aliran tunai masa depan daripada aset kewangan sejak pengiktirafan awal aset.

Bagi kategori tertentu aset kewangan, seperti penghutang perdagangan, jika ia ditentukan bahawa tiada bukti objektif rosotnilai wujud bagi aset kewangan dinilai individu, sama ada penting atau tidak, aset termasuk dalam kumpulan yang mempunyai ciri - ciri risiko yang serupa dan dinilai secara kolektif untuk rosotnilai.

Kerugian rosotnilai, berhubung dengan aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, diukur sebagai perbezaan di antara amaun bawaan aset dan nilai semasa anggaran aliran tunai yang didiskaunkan pada kadar faedah efektif aset asal.

Jika terdapat bukti objektif bahawa kerugian rosotnilai telah dilibatkan ke atas aset kewangan diukur pada kos ditolak rosotnilai, amaun kerugian rosotnilai diukur sebagai perbezaan di antara amaun bawaan aset dan anggaran amaun terbaik yang mana Lembaga akan diterima bagi aset jika ia dijual pada tarikh pelaporan.

Amaun bawaan aset kewangan dikurangkan secara langsung, kecuali amaun bawaan penghutang perdagangan yang dikurangkan melalui penggunaan akaun elaun. Sebarang kerugian rosotnilai diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dengan serta-merta. Jika, dalam tempoh kemudian, sebarang amaun kerugian rosotnilai menurun, kerugian rosotnilai yang diiktiraf sebelumnya dibalikkan secara langsung, kecuali bagi amaun yang berkaitan dengan penghutang perdagangan yang dibalikkan untuk dimasukkan semula amaun yang sebelum ini diperuntukkan dalam akaun elaun. Pembalikkan ini diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dengan serta - merta.

3.9.5 Penyahiktirafan Aset Kewangan

Aset kewangan dinyahiktiraf apabila hak kontrak untuk aliran tunai daripada aset kewangan tersebut tamat tempoh, atau diselesai, atau Lembaga memindah sebahagian besar semua risiko dan ganjaran pemilikan aset kewangan kepada pihak lain.

Pada penyahiktirafan aset kewangan secara keseluruhannya, perbezaan di antara amaun bawaan dan jumlah pertimbangan diterima atau akan diterima dan sebarang keuntungan atau kerugian kumulatif adalah diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dalam tempoh pemindahan.

3.10 TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

Tunai dan kesetaraan tunai dalam penyata aliran tunai meliputi baki tunai dan bank serta simpanan tetap yang berkecairan tinggi dan risiko perubahan nilai yang rendah.

3.11 LIABILITI DAN EKUITI

3.11.1 Pengkelasan Liabiliti dan Ekuiti

Liabiliti kewangan dan instrumen ekuiti adalah dikelaskan selaras dengan ciri - ciri dalam pengaturan kontrak, bukan sekadar bentuk undang - undang, dan selaras dengan definisi liabiliti kewangan dan instrumen ekuiti.

3.11.2 Instrumen Ekuiti

Saham biasa dikelaskan sebagai ekuiti.

Instrumen ekuiti adalah sebarang kontrak yang mempunyai bukti kepentingan dalam aset Lembaga selepas ditolak semua liabilitinya.

Lembaga mengambilkira kos urusniaga bagi ekuiti sebagai penolakan daripada ekuiti. Cukai pendapatan berkaitan dengan kos urusniaga adalah diambilkira selaras dengan Seksyen 29 MPERS.

Pengagihan kepada pemilik ditolak daripada ekuiti. Cukai pendapatan yang berkaitan adalah diambilkira selaras dengan Seksyen 29 MPERS.

3.12 LIABILITI KEWANGAN

Liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Lembaga menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada awal pengiktirafan, liabiliti kewangan adalah diukur pada harga urusniaga, termasuk kos urusniaga untuk liabiliti kewangan tidak diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, melainkan perjanjian membentuk, pada kesan, sebuah urusniaga pembiayaan bagi Lembaga kepada pengaturan.

Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada tiga kategori: liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, liabiliti kewangan diukur pada kos dilunaskan, atau komitmen pinjaman diukur pada kos ditolak rosotnilai.

3.12.1 Liabiliti Diukur Pada Nilai Saksama Menerusi Keuntungan Atau Kerugian

Liabiliti kewangan adalah dikelaskan sebagai nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian apabila laibiliti kewangan adalah dalam skop Seksyen 12 MPERS atau jika liabiliti kewangan diniagakan secara awam atau nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan pasti tanpa kos atau usaha yang tidak wajar.

Jika ukuran yang pasti bagi nilai saksama tidak lagi boleh didapati untuk instrumen ekuiti yang tidak diniagakan secara awam tetapi diukur pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, nilai saksamanya pada tarikh akhir instrumen yang boleh dinilai dengan pasti dianggap sebagai kos instrumen, dan ia diukur pada amaun kos ini ditolak rosotnilai sehingga ukuran pasti bagi nilai saksama boleh didapati.

3.12.2 Liabiliti Kewangan Diukur Pada Kos Dilunaskan

Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan selain daripada liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan dan kerugian adalah diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah efektif. Keuntungan atau kerugian diiktiraf pada keuntungan atau kerugian apabila liabiliti kewangan dinyahiktiraf atau dirosotnilai.

Kaedah faedah efektif adalah kaedah untuk mengira kos dilunaskan liabiliti kewangan dan untuk memperuntukan perbelanjaan faedah ke atas tempoh yang berkaitan. Kadar faedah efektif adalah kadar diskaun anggaran pembayaran tunai masa depan yang tepat menerusi jangka hayat liabiliti kewangan atau, apabila sesuai, tempoh yang lebih singkat, dengan amaun bawaan liabiliti kewangan.

3.12.3 Komitmen Pinjaman Diukur Pada Kos Ditolak Rosotnilai

Komitmen untuk menerima pinjaman yang memenuhi syarat-syarat Seksyen 11 MPERS diukur pada kos ditolak rosotnilai.

3.12.4 Penyahiktirafan Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak dilepaskan, dibatalkan atau tamat hayat.

Sebarang perbezaan di antara amaun bawaan liabiliti kewangan dinyahiktiraf dan pertimbangan dibayar diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

3.13 PENDAPATAN

i) ***Pemberian Kerajaan Persekutuan***
Pemberian Kerajaan Persekutuan bagi peruntukan belanja mengurus adalah diambilkira sebagai pendapatan.

ii) ***Pendapatan Sewaan***
Pendapatan sewaan adalah diiktiraf pada asas akruan selaras dengan isi perjanjian apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi yang berkaitan dengan urusniaga akan mengalir kepada Lembaga dan amaun hasil boleh diukur dengan tepat.

iii) Jualan barangan/ perkhidmatan

Pendapatan diukur pada nilai saksama atas pertimbangan yang diterima atau akan diterima, selepas ditolak sebarang diskaun perdagangan, diskaun penyelesaian segera, jumlah rebat dan cukai tidak langsung yang dikenakan kepada pendapatan terlibat.

3.14 GERAN KERAJAAN

Geran kerajaan yang tidak dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan yang tertentu diukur pada nilai saksama aset yang diterima atau akan diterima dan diiktiraf dalam pendapatan apabila perolehan geran akan diterima.

Geran kerajaan yang dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan tertentu diiktiraf pada nilai saksama dalam pendapatan hanya apabila syarat-syarat prestasi telah dipenuhi.

Geran kerajaan diterima sebelum kriteria pengiktirafan hasil dipenuhi diiktiraf sebagai liabiliti.

3.15 MANFAAT PEKERJA

3.15.1 Manfaat Pekerja Jangka Pendek

Manfaat pekerja jangka pendek, contohnya upah, gaji dan manfaat lain, adalah diiktiraf pada amaun tidak didiskaun sebagai liabiliti dan perbelanjaan apabila pekerja telah melaksanakan perkhidmatan kepada Lembaga.

Jangkaan kos ke atas pampasan ketidakhadiran terkumpul adalah diiktiraf apabila pekerja melaksanakan perkhidmatan yang meningkatkan kelayakan mereka untuk pampasan ketidakhadiran pada masa depan. Jangkaan kos ke atas pampasan ketidakhadiran tidak terkumpul, seperti cuti sakit, adalah diiktiraf apabila ketidakhadiran berlaku.

Jangkaan kos ke atas pampasan ketidakhadiran terkumpul adalah diukur pada amaun tambahan tidak didiskaunkan yang dijangka akan dibayar sebagai akibat daripada kelayakan yang tidak digunakan yang terkumpul pada akhir tempoh pelaporan.

Jangkaan kos ke atas perkongsian untung dan bayaran bonus adalah diiktiraf apabila Lembaga mempunyai obligasi perundangan atau konstruktif semasa untuk membuat pembayaran akibat daripada peristiwa lepas dan anggaran obligasi dapat dianggarkan dengan pasti. Obligasi semasa wujud apabila Lembaga tidak mempunyai alternatif yang realistik tetapi untuk membuat pembayaran.

3.15.2 Pelan Caruman Wajib

Caruman yang perlu dibayar kepada pelan caruman wajib diiktiraf sebagai liabiliti dan perbelanjaan apabila pekerja telah melaksanakan perkhidmatan kepada Lembaga.

3.16 CUKAI PENDAPATAN

Perbelanjaan cukai diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian, kecuali bahawa perubahan yang boleh dikaitkan dengan item pendapatan atau perbelanjaan diiktiraf sebagai pendapatan komprehensif lain juga diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain.

Cukai yang perlu dibayar ke atas keuntungan boleh dicukai bagi tempoh semasa dan lepas diiktiraf sebagai liabiliti cukai semasa setakat yang tidak terbayar. Jika amaun yang dibayar berkenaan dengan tempoh semasa dan lepas melebihi amaun yang perlu dibayar bagi tempoh - tempoh tersebut, lebihan tersebut diiktiraf sebagai aset cukai semasa.

Aset dan liabiliti cukai semasa diukur pada amaun yang dijangka akan dibayar atau dipulih, menggunakan kadar cukai dan undang - undang yang telah digubal atau sebahagian besarnya digubal menjelang tarikh pelaporan.

Liabiliti dan aset cukai semasa diimbangi jika dan hanya jika apabila Lembaga mempunyai hak yang sah disisi undang - undang untuk mengimbangkan amaun dan berniat sama ada untuk menyelesaikan pada asas bersih, atau merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak.

Cukai tertunda diperuntukan sepenuhnya ke atas perbezaan sementara yang merupakan perbezaan di antara amaun bawaan dalam penyata kewangan dan asas cukai yang sama bagi aset dan liabiliti pada akhir tempoh pelaporan.

Liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara boleh dicukai yang dijangka meningkatkan keuntungan boleh dicukai pada masa depan. Aset cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara yang boleh ditolak yang dijangka akan mengurangkan keuntungan boleh cukai pada masa depan dan kerugian cukai tidak digunakan yang dibawa ke hadapan dan kredit cukai yang tidak digunakan.

Liabiliti dan aset cukai tertunda tidak diiktiraf bagi perbezaan sementara berkaitan dengan pengiktirafan awal sesuatu aset atau liabiliti dalam urusniaga yang bukan penggabungan perniagaan dan pada masa urusniaga, tidak menjejaskan keuntungan perakaunan mahupun keuntungan boleh dicukai. Liabiliti cukai tertunda juga tidak diiktiraf bagi perbezaan sementara berkaitan dengan pengiktirafan awal muhibah.

Liabiliti dan aset cukai tertunda menggambarkan akibat cukai yang akan mengikuti daripada cara Lembaga menjangkakan untuk mendapatkan semula atau menyelesaikan amaun bawaan aset dan liabiliti dan diukur pada kadar cukai dan undang - undang yang dijangka akan digunakan untuk tempoh apabila aset tersebut direalisasi atau liabiliti diselesaikan, berdasarkan kadar cukai yang telah digubal atau sebahagian besarnya digubal menjelang tarikh pelaporan.

4 PERALIHAN KEPADA MPERS

4.1 ASAS PERALIHAN KEPADA MPERS

Penyata - penyata kewangan Lembaga bagi tahun kewangan bermula 1 Januari 2015 sehingga 31 Disember 2015 adalah penyata kewangan pertama yang disediakan selaras dengan MPERS, yang merupakan permulaan tempoh yang paling awal dibentangkan. Tarikh peralihan Lembaga adalah pada 1 Januari 2015. Lembaga menyediakan baki pembuka penyata kedudukan kewangan MPERS pada tarikh tersebut.

Lembaga telah menggunakan semua pengecualian mandatori daripada aplikasi retrospektif penuh MPERS.

Lembaga juga telah memilih untuk menerima pakai awal pindaan terhad yang dikeluarkan oleh MASB, yang berkuatkuasa bagi tempoh tahunan pada atau selepas 1 Januari 2017.

Peralihan kepada MPERS ini tidak mempunyai kesan ketara ke atas kedudukan kewangan yang dilaporkan, prestasi kewangan dan aliran tunai Lembaga.

LEMBAGA KEMAJUAN KELANTAN SELATAN
(Ditubuhkan di Malaysia mengikut Akta 203)

5 HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

KUMPULAN	Pada 1 Januari 2016 RM	Tambahan RM	Pelupusan RM	Pada 31 Disember 2016 RM
Kos				
Tanah	8,362,474	4,697,456	(1,622,126)	11,437,804
Bangunan	40,986,384	3,648,934	-	44,635,318
Mesin dan alat pertanian	56,430	-	-	56,430
Kenderaan	48,441,354	73,863	-	48,515,217
Perabut dan lengkapan	5,325,173	59,807	-	5,384,980
Alat pejabat	5,120,846	124,307	-	5,245,153
Alat audio dan perhubungan	48,680	-	-	48,680
Alat dan perkakas ukur	201,895	-	-	201,895
Alat fotografi	64,145	-	-	64,145
Peralatan kilang dan mesin	121,084	2,020,617	-	2,141,701
Alat komputer	2,636,039	-	-	2,636,039
Jalan dan jambatan	2,761,122	-	-	2,761,122
Tanaman	1,769,666	-	-	1,769,666
Aset dalam pembangunan	1,336,081	-	(1,336,081)	-
	117,231,373	10,624,984	(2,958,207)	124,898,150

	Pada 1 Januari 2016 RM	Susutnilai RM	Pelupusan RM	Pada 31 Disember 2016 RM
Susutnilai Terkumpul				
Tanah	15,093	2,266	-	17,359
Bangunan	29,093,500	2,038,672	-	31,132,172
Mesin dan alat pertanian	56,430	-	-	56,430
Kenderaan	37,839,117	803,827	-	38,642,944
Perabut dan lengkapan	4,571,942	488,670	-	5,060,612
Alat pejabat	4,601,460	504,784	-	5,106,244
Alat audio dan perhubungan	29,984	4,868	-	34,852
Alat dan perkakas ukur	201,892	-	-	201,892
Alat fotografi	64,145	-	-	64,145
Peralatan kilang dan mesin	121,083	1,903,512	-	2,024,595
Alat komputer	2,105,181	410,749	-	2,515,930
Jalan dan jambatan	2,190,350	138,056	-	2,328,406
Tanaman	1,769,664	-	-	1,769,664
Aset dalam pembangunan	-	-	-	-
	82,659,841	6,295,404	-	88,955,245

HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMB...)

	2016 RM	2015 RM
Amaun bawaan		
Tanah	11,420,445	8,347,381
Bangunan	13,503,146	11,892,884
Mesin dan alat pertanian	-	-
Kenderaan	9,872,273	10,602,237
Perabut dan lengkapan	324,368	753,231
Alat pejabat	138,909	519,386
Alat audio dan perhubungan	13,828	18,696
Alat dan perkakas ukur	3	3
Alat fotografi	-	-
Peralatan kilang dan mesin	117,106	1
Alat komputer	120,109	530,858
Jalan dan jambatan	432,716	570,772
Tanaman	2	2
Aset dalam pembangunan	-	1,336,081
	35,942,905	34,571,532

LEMBAGA	Pada 1 Januari 2016 RM	Tambahan RM	Pelupusan RM	Pada 31 Disember 2016 RM
Kos				
Tanah	8,138,114	4,697,456	(1,622,126)	11,213,444
Bangunan	30,740,201	3,645,434	-	34,385,635
Mesin dan alat pertanian	56,430	-	-	56,430
Kenderaan	8,301,050	-	-	8,301,050
Perabut dan lengkapan	2,717,697	29,873	-	2,747,570
Alat pejabat	4,732,193	116,600	-	4,848,793
Alat audio dan perhubungan	48,680	-	-	48,680
Alat dan perkakas ukur	201,893	-	-	201,893
Alat fotografi	64,145	-	-	64,145
Peralatan kilang dan mesin	121,084	-	-	121,084
Alat komputer	2,120,699	-	-	2,120,699
Jalan dan jambatan	2,761,122	-	-	2,761,122
Aset dalam pembangunan	1,336,081	-	(1,336,081)	-
	61,339,389	8,489,363	(2,958,207)	66,870,545

HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMB...)

	Pada 1 Januari 2016 RM	Susutnilai RM	Pelupusan RM	Pada 31 Disember 2016 RM
Susutnilai Terkumpul				
Tanah	-	-	-	-
Bangunan	20,803,918	1,719,282	-	22,523,200
Mesin dan alat pertanian	56,430	-	-	56,430
Kenderaan	7,590,321	710,727	-	8,301,048
Perabut dan lengkapan	2,416,496	274,239	-	2,690,735
Alat pejabat	4,309,812	484,880	-	4,794,692
Alat audio dan perhubungan	29,984	4,868	-	34,852
Alat dan perkakas ukur	201,892	-	-	201,892
Alat fotografi	64,145	-	-	64,145
Peralatan kilang dan mesin	121,082	-	-	121,082
Alat komputer	1,545,152	410,389	-	1,955,541
Jalan dan jambatan	2,190,351	138,056	-	2,328,407
Aset dalam pembangunan	-	-	-	-
	39,329,583	3,742,441	-	43,072,024

	2016 RM	2015 RM
Amaun bawaan		
Tanah	11,213,444	8,138,114
Bangunan	11,862,435	9,936,283
Mesin dan alat pertanian	-	-
Kenderaan	2	710,729
Perabut dan lengkapan	56,835	301,202
Alat pejabat	54,101	422,381
Alat audio dan perhubungan	13,828	18,696
Alat dan perkakas ukur	1	1
Alat fotografi	-	-
Peralatan kilang dan mesin	2	2
Alat komputer	165,158	575,546
Jalan dan jambatan	432,715	570,771
Aset dalam pembangunan	-	1,336,081
	23,798,521	22,009,806

6 PERUMAHAN KESEDAR

KUMPULAN Projek	Pada 1 Januari 2016 RM	Tambahan RM	Pelupusan RM	Pada 31 Disember 2016 RM
Rumah kos sederhana	116,814	-	-	116,814
Runah kos sederhana rendah	61,596	-	-	61,596
Rumah Kesedar Putra	874,920	-	-	874,920
	1,053,330	-	-	1,053,330

PERUMAHAN KESEDAR (SAMB...)

	Pada 1 Januari 2016 RM	Susutnilai RM	Pelupusan RM	Pada 31 Disember 2016 RM
Susutnilai Terkumpul				
Rumah kos sederhana	116,814	-	-	116,814
Runah kos sederhana rendah	56,862	3,078	-	59,940
Rumah Kesedar Putra	643,024	43,746	-	686,770
	816,700	46,824	-	863,524

	2016 RM	2015 RM
Amaun bawaan		
Rumah kos sederhana	-	-
Runah kos sederhana rendah	1,656	4,735
Rumah Kesedar Putra	188,150	231,896
	189,806	236,631

LEMBAGA	Pada 1 Januari 2015 RM	Tambahan RM	Pelupusan RM	Pada 31 Disember 2015 RM
Projek				
Rumah kos sederhana	116,814	-	-	116,814
Runah kos sederhana rendah	61,596	-	-	61,596
Rumah Kesedar Putra	874,920	-	-	874,920
	1,053,330	-	-	1,053,330

	Pada 1 Januari 2015 RM	Susutnilai RM	Pelupusan RM	Pada 31 Disember 2015 RM
Susutnilai Terkumpul				
Rumah kos sederhana	116,814	-	-	116,814
Runah kos sederhana rendah	56,862	3,078	-	59,940
Rumah Kesedar Putra	643,024	43,746	-	686,770
	816,700	46,824	-	863,524

	2016 RM	2015 RM
Amaun bawaan		
Rumah kos sederhana	-	-
Runah kos sederhana rendah	1,656	4,735
Rumah Kesedar Putra	188,150	231,896
	189,806	236,631

7 PELABURAN DALAM SYARIKAT SUBSIDIARI

	2016 RM	2015 RM
Pada Kos:		
Saham tak tersiar harga	18,740,005	18,740,005
Peruntukan rosotnilai	-	(1,099,990)
Amaun bawaan pada 31 Disember	18,740,005	17,640,015

Senarai syarikat subsidiari adalah seperti berikut:

Nama Syarikat	Negara Diperbadankan	Kegiatan Utama	Modal Dibayar	Kepentingan Berkesan 2016 RM	Kepentingan Berkesan 2015 RM
Kesedar Perkilangan Sdn.Bhd.	Malaysia	Memproses dan menjual produk sawit	16,940,005	100%	100%
Kesedar Inn Sdn. Bhd.	Malaysia	Perhotelan dan restoran	1,100,000	99.99%	99.99%
Kesedar Dagang Sdn. Bhd.	Malaysia	Pengurusan harta dan perladangan	700,000	99.99%	99.99%

Anak syarikat dalam pegangan secara tidak langsung adalah Kesedar Travel & Tours Sdn. Bhd.

8 LAIN-LAIN PELABURAN

	KUMPULAN 2016 RM	KUMPULAN 2015 RM	LEMBAGA 2016 RM	LEMBAGA 2015 RM
Pelaburan ekuiti dalam saham tak siar harga pada kos :				
Konsortium Baja Nasional Sdn. Bhd.	150,000	150,000	150,000	150,000
	150,000	150,000	150,000	150,000

9 KOS PEMBANGUNAN HARTANAH

	KUMPULAN 2016 RM	KUMPULAN 2015 RM	LEMBAGA 2016 RM	LEMBAGA 2015 RM
Kos pembangunan hartanah	61,475,985	53,936,879	-	-
Keuntungan diiktiraf	4,655,657	3,817,978	-	-
	66,131,642	57,754,857	-	-
Bayaran kemajuan yang diterima dan akan diterima	(59,498,932)	(50,445,258)	-	-
	6,632,710	7,309,599	-	-

10 ASET BIOLOGIKAL

	KUMPULAN		LEMBAGA	
	2016 RM	2015 RM	2016 RM	2015 RM
Amaun bawaan pada 1 Januari pada kos :				
Pembangunan tanah pertanian	5,333,346	5,333,346	5,333,346	5,333,346
Perbelanjaan pembangunan mengikut kos pinjaman kerajaan persekutuan	129,480,286	129,480,286	129,480,286	129,480,286
Belanja pembangunan dana tanam semula sawit	11,647,409	11,647,409	11,647,409	11,647,409
	146,461,041	146,461,041	146,461,041	146,461,041
Tolak : Pelunasan terkumpul	(102,407,578)	(107,880,707)	(102,407,578)	(107, 880,707)
	44,053,463	38,580,334	44,053,463	38,580,334
Tambahan/(kurangan) dalam tahun	(1,708,531)	-	(1,785,853)	-
	42,344,932	38,580,334	42,267,610	38,580,334
Tolak : Pelunasan dalam tahun	(4,814,249)	5,473,129	(4,814,249)	5,473,129
Amaun bawaan pada 31 Disember	37,530,683	44,053,463	37,453,361	44,053,463

Aset biologikal terdiri daripada perbelanjaan pembangunan tanah pertanian, perbelanjaan pembangunan mengikut kos pinjaman kerajaan persekutuan dan belanja pembangunan dana tanam semula sawit dan dinyatakan pada kos tolak pelunasan. Nilai saksama aset biologikal tidak dapat ditentukan dengan pasti tanpa kos dan usaha yang tidak wajar disebabkan penilaian penilai profesional akan melibatkan kos yang besar melebihi manfaat kepada pengguna penyata kewangan, tiada perbandingan harga pasaran dan kekangan untuk membuat penilaian secara dalaman.

11 PENGHUTANG PERDAGANGAN

	KUMPULAN		LEMBAGA	
	2016 RM	2015 RM	2016 RM	2015 RM
Penghutang perdagangan KISB	436,836	552,041	-	-
(-) Peruntukan hutang ragu	(36,829)	(36,829)	-	-
Penghutang perdagangan KDSB	12,429,904	16,380,714	-	-
(-) Peruntukan hutang ragu	(157,386)	(56,459)	-	-
Penghutang perdagangan KPSB	18,702,008	13,227,870	-	-
(-) Peruntukan hutang ragu	(2,308,905)	(2,308,905)	-	-
Penghutang perdagangan KTSB	132,753	128,817	-	-
(-) Peruntukan hutang ragu	(10,434)	(10,434)	-	-
	29,187,947	27,876,815	-	-

12 INVENTORI

	KUMPULAN		LEMBAGA	
	2016	2015	2016	2015
	RM	RM	RM	RM
Baja	5,626	1,302	-	-
Alat ganti	523,507	524,993	-	-
Barang siap	1,097,598	2,111,552	-	-
Bahan mentah	2,713,644	4,894,118	-	-
	4,340,375	7,531,965	-	-

13 LAIN-LAIN PENGHUTANG, DEPOSIT DAN PRABAYARAN

	KUMPULAN		LEMBAGA	
	2016	2015	2016	2015
	RM	RM	RM	RM
Faedah terakru simpanan tetap	450,055	598,884	450,055	598,884
Faedah terakru pinjaman kakitangan	61,859	56,012	61,859	56,012
Wang cagaran dan prabayar	4,768,076	68,676	68,676	68,676
Lain-lain penghutang Kesedar	5,177,436	2,026,635	5,177,436	2,026,635
Lain-lain penghutang KISB	288,020	192,537	-	-
Lain-lain penghutang KDSB	1,633,324	1,485,352	-	-
Lain-lain penghutang KPSB	1,038,840	3,957,678	-	-
Lain-lain penghutang KTSB	33,794	-	-	-
Pendahuluan premium tanah	17,564,305	22,261,761	17,564,305	22,261,761
	31,015,709	30,647,535	23,322,331	25,011,968

14 PINJAMAN TABUNG EKONOMI PENEROKA

	KUMPULAN		LEMBAGA	
	2016	2015	2016	2015
	RM	RM	RM	RM
Tabung pusingan ekonomi peneroka	450,193	450,193	450,193	450,193
(-) Peruntukan hutang ragu	(218,192)	(233,539)	(218,192)	(233,539)
(-) Baki pada akhir tahun	(205,943)	(129,724)	(205,943)	(129,724)
	26,058	86,931	26,058	86,931

15 PINJAMAN KAKITANGAN

	KUMPULAN		LEMBAGA	
	2016	2015	2016	2015
	RM	RM	RM	RM
Pinjaman kenderaan	156,279	201,979	156,279	201,979
Pinjaman komputer	292,709	242,616	292,709	242,616
Rumah kos sederhana	124,082	153,730	124,082	153,730
Rumah kos rendah	107,463	133,042	107,463	133,042
Rumah kos sederhana rendah	123,849	141,556	123,849	141,556
	804,382	872,923	804,382	872,923

16 TERHUTANG DARIPADA SUBSIDIARI

	KUMPULAN		LEMBAGA	
	2016	2015	2016	2015
	RM	RM	RM	RM
Kesedar Dagang Sdn. Bhd.	-	7,781,088	17,536,089	20,174,275
Kesedar Inn Sdn. Bhd.	-	1,335,073	1,024,440	1,277,320
Kesedar Perkilangan Sdn. Bhd.	-	20,900,455	34,463,025	29,624,038
	-	30,016,616	53,023,554	51,075,633

Amaun terhutang daripada syarikat subsidiari adalah tidak bercagar, tanpa faedah dan tidak mempunyai tempoh pembayaran balik yang tetap.

17 TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

	KUMPULAN		LEMBAGA	
	2016	2015	2016	2015
	RM	RM	RM	RM
Simpanan tetap	87,776,472	82,468,215	81,876,030	76,584,314
Tunai di tangan dan di bank	10,464,012	22,378,169	5,393,773	17,806,344
	98,240,484	104,846,384	87,269,803	94,390,658
Overdraf bank	(1,157,399)	(1,788,916)	-	-
	97,083,085	103,057,468	87,269,803	94,390,658

18 PEMIUTANG PERDAGANGAN DAN LAIN – LAIN PEMIUTANG

	KUMPULAN		LEMBAGA	
	2016	2015	2016	2015
	RM	RM	RM	RM
Pemiutang perdagangan KPSB	6,837,346	3,825,103	-	-
Pemiutang perdagangan KISB	-	48,639	-	-
Lain-lain pemiutang – KDSB	-	18,952	18,952	18,952
Belanja terakru	-	7,762,136	9,433,867	7,762,136
Lain-lain pemiutang – KPSB	-	1.028,159	1,028,159	1.028,159
Terhutang kepada KPPK R.Manis	-	899,460	899,460	899,460
Terhutang kepada KPSB	-	15,609,961	15,609,961	15,609,961
Deposit	788,375	1,172,330	788,375	1,172,330
Denda dalam tahanan	7,633	298,218	7,633	298,218
Bon pelaksanaan	6,667,773	5,109,291	6,667,773	5,109,291
Pemiutang pelbagai	1,152,011	424,523	1,152,011	424,523
Lain-lain pemiutang – KISB	73,954	743,944	-	-
Lain-lain pemiutang – KPSB	626,310	1,422,945	-	-
Lain-lain pemiutang – KDSB	2,242,560	4,715,301	-	-
Lain-lain pemiutang – KISB	56,511	-	-	-
GST	776,450	192,717	776,450	192,717
	19,228,923	43,271,679	36,382,641	32,515,747

Amaun terhutang kepada syarikat subsidiari adalah tidak bercagar, tanpa faedah dan tidak mempunyai tempoh pembayaran balik yang tetap.

19 PEMIUTANG SEWABELI

	KUMPULAN		LEMBAGA	
	2016 RM	2015 RM	2016 RM	2015 RM
Bayaran sewabeli minimum pada masa depan				
- Dalam tempoh 12 bulan				
- KISB	8,253	19,644	-	-
- KDSB	61,392	58,768	-	-
- Tempoh melebihi 12 bulan				
- KISB	-	9,815	-	-
- KDSB	243,218	233,104	-	-
Pada 31 Disember	312,863	321,331	-	-

20 ZAKAT

	KUMPULAN		LEMBAGA	
	2016 RM	2015 RM	2016 RM	2015 RM
KPSB	-	27,200	-	-
	-	27,200	-	-

21 PEMBERIAN KERAJAAN DIMODALKAN – PEMBANGUNAN KUMPULAN DAN LEMBAGA

2016	Jalan-jalan RM	Kemudahan-kemudahan RM	Jumlah RM
Baki peruntukan tahun lepas	19,193,294	15,515,906	34,709,200
Tambah : Peruntukan tahun semasa	9,000,000	106,396,100	115,396,100
	28,193,294	121,912,006	150,105,300
Dana pelaburan	-	-	-
	28,193,294	121,912,006	150,105,300
Tolak : Kerja pembangunan siap dalam tahun	(9,000,000)	(104,303,882)	(113,303,882)
	19,193,294	17,608,124	36,801,418

2015	Jalan-jalan RM	Kemudahan-kemudahan RM	Jumlah RM
Baki peruntukan tahun lepas	18,071,253	14,393,864	32,465,117
Tambah : Peruntukan tahun semasa	10,930,000	86,415,000	97,345,000
	29,001,253	100,808,864	129,810,117
Dana pelaburan	-	-	-
	29,001,253	100,808,864	129,810,117
Tolak : Kerja pembangunan siap dalam tahun	(9,807,959)	(85,292,958)	(95,100,917)
	19,193,294	15,515,906	34,709,200

22 PEMBERIAN KERAJAAN DIMODALKAN – PEMBELIAN ASET KUMPULAN DAN LEMBAGA

	KUMPULAN		LEMBAGA	
	2016 RM	2015 RM	2016 RM	2015 RM
Pada 31 Disember	5,908,313	7,385,391	5,908,313	7,385,391

23 TABUNG PUSINGAN PINJAMAN KUMPULAN DAN LEMBAGA

2016	Pinjaman kenderaan RM	Pinjaman Komputer RM	Jumlah RM
Tabung pusingan pinjaman	955,000	300,000	1,255,000
Tolak : baki pinjaman pada akhir tahun (Nota 15)	(156,279)	(292,709)	(448,988)
	798,721	7,291	806,012

2015	Pinjaman kenderaan RM	Pinjaman Komputer RM	Jumlah RM
Tabung pusingan pinjaman	955,000	300,000	1,255,000
Tolak : baki pinjaman pada akhir tahun (Nota 15)	(201,979)	(242,616)	(444,595)
	753,021	57,384	810,405

24 AKAUN AMANAH

	KUMPULAN		LEMBAGA	
	2016 RM	2015 RM	2016 RM	2015 RM
ICT Desa	139,265	139,265	139,265	139,265
Jabatan Pembangunan Persekutuan	60,876	56,507	60,876	56,507
Jabatan Hal Ehwal Orang Asli	4,597	4,597	4,597	4,597
Kementerian Pembangunan Luar Bandar	17,250,171	26,617,344	17,250,171	26,617,344
KEMAS	1,770,111	2,352,224	1,770,111	2,352,224
Pelbagai amanah	1,842,119	1,603,573	1,842,119	1,603,573
Projek ternakan lembu berkelompok PPRT	114,499	114,499	114,499	114,499
Projek ECER Kesedar (Agropolitan)	6,005,530	12,443,412	6,005,530	12,443,412
Tabung Khairat Peneroka	2,207,492	2,210,846	2,207,492	2,210,846
Tabung penyakit kronik	172,013	214,013	172,013	214,013
LITS dan sara hidup	17,055	17,055	17,055	17,055
	29,583,728	45,773,336	29,583,728	45,773,336

25 DANA PENGURUSAN GETAH KUMPULAN DAN LEMBAGA

	Pada 1 Januari 2016 RM	Tambahan / (Kurangan) RM	Pada 31 Disember 2016 RM
Hasil jualan	35,499,766	115,675	35,615,441
Imbuhan wang ladang	17,667,961	-	17,667,961
Jumlah	53,167,727	115,675	53,283,402
Tolak :			
Alat pertanian	98,236	-	98,236
Cukai tanah	3,107,814	-	3,107,814
Gaji dan upah penjaga ladang	1,008,683	-	1,008,683
Iklan	23,792	-	23,792
Kerja-kerja kontrak lading	2,524,091	-	2,524,091
Kegunaan wang ladang	1,500,581	-	1,500,581
Kerja-kerja menoreh	43,989	-	43,989
Lain-lain bayaran	731,247	-	731,247
Pembelian baja	742,296	-	742,296
Pengurusan ladang	28,511,750	-	28,511,750
Premium insuran	18,541	-	18,541
Racun kimia	1,260	-	1,260
Rumah peneroka	109,582	-	109,582
Susutnilai ladang	13,142,657	-	13,142,657
Upah buruh kerja ladang	1,523,643	-	1,523,643
Jumlah perbelanjaan	53,088,162	-	53,088,162
	79,565	115,675	195,240
Denda tidak menoreh	25,490	-	25,490
	105,054	115,675	220,730

26 DANA PENGURUSAN SAWIT KUMPULAN DAN LEMBAGA

	Pada 1 Januari 2016 RM	Tambahan / (Kurangan) RM	Pada 31 Disember 2016 RM
Hasil jualan	130,715,675	5,743,007	136,458,682
Pelarasan wang imbuhan ladang	15,530,939	-	15,530,939
Imbuhan wang ladang	11,160,202	-	11,160,202
Jumlah	157,406,816	5,743,007	163,149,823
Tolak :			
Alat pertanian	12,794	-	12,794
Bayaran bonus peneroka	75,401,737	-	75,401,737
Cukai tanah	2,600,501	-	2,600,501
Elaun galakan kerja	2,702,718	-	2,702,718
Gaji dan upahan	1,593,400	-	1,593,400
Gaji dan upahan RPT	23,492	-	23,492

DANA PENGURUSAN SAWIT (SAMB...)

Iklan	72,168	-	72,168
Kerja angkut buah tandan baru	70,083	-	70,083
Kegunaan wang ladang	2,451,121	-	2,451,121
Kontrak ladang	36,670,436	8,163,227	44,833,663
Kontrak kerja ladang RPT	1,547,711	-	1,547,711
Pengurusan ladang sawit RPT	241,872	-	241,872
Pendahuluan sistem blok	(2,149)	-	(2,149)
Pembelian baja	5,457,325	-	5,457,325
Premium insuran	303,400	-	303,400
Rumah peneroka	195,667	-	195,667
Susutnilai ladang	12,367,384	-	12,367,384
Upah buruh kerja ladang	11,849,249	-	11,849,249
Jumlah perbelanjaan	153,558,909	8,163,227	161,722,136
	3,847,907	(2,420,220)	1,427,687
Bayaran kembali	1,187	-	1,187
Insuran ladang sawit	322,966	-	322,966
Insuran rumah	41,483	-	41,483
Projek tanam semula sawit	136,762	-	136,762
Tabung simpanan peneroka	29,573	-	29,573
Tabung jalan pertanian	383,664	-	383,664
Tabung pembelian baja	1,685,010	-	1,685,010
	2,600,645	-	2,600,645
	6,448,552	(2,420,220)	4,028,332

27 DANA TANAM SEMULA SAWIT KUMPULAN DAN LEMBAGA

	Pada 1 Januari 2016 RM	Tambahan / (Kurangan) RM	Pada 31 Disember 2016 RM
Pendapatan			
Tabung tanam semula sawit	40,688,947	9,025,715	49,714,662
Tolak : Perbelanjaan			
LITS/Bantuan sara hidup (BSH)	33,974,109	7,505,757	41,479,866
Pelunasan kos pembangunan dana tanam semula sawit	4,242,493	-	4,242,493
Jumlah perbelanjaan	38,216,602	7,505,757	45,722,359
Dana terkumpul	2,472,345	1,519,958	3,992,303

28 DANA PEMBANGUNAN JELI KUMPULAN DAN LEMBAGA

	Pada 1 Januari 2016 RM	Tambahan / (Kurangan) RM	Pada 31 Disember 2016 RM
Pendapatan	2,520,334	279,201	2,799,535
Tolak : Perbelanjaan	597,579	74,006	671,585
Dana terkumpul	1,922,755	205,195	2,127,950

29 DANA PENGURUSAN TAMAN ETNOBOTANI KUMPULAN DAN LEMBAGA

	Pada 1 Januari 2016 RM	Tambahan / (Kurangan) RM	Pada 31 Disember 2016 RM
Pendapatan			
Dana pengurusan	2,382,922	-	2,382,922
Hasil Etnobotani	616,959	-	616,959
Sewa kem Taman Etnobotani	2,318,000	650,000	2,968,000
	5,317,881	650,000	5,967,881
Tolak : Perbelanjaan	(2,951,359)	(479,227)	(3,430,586)
Dana terkumpul	2,366,522	170,773	2,537,295

30 DANA PENGURUSAN HARTA KUMPULAN DAN LEMBAGA

	Pada 1 Januari 2016 RM	Tambahan / (Kurangan) RM	Pada 31 Disember 2016 RM
Pendapatan			
Bazar Hentian KESEDAR	92,796	119,250	212,046
Kedai belakang petronas	138,108	107,458	245,566
Kedai stesen bas	20,318	26,173	46,491
Rumah kedai Taman Wangi	7,200	9,162	16,362
Kediaman Taman Wangi	19,150	18,940	38,090
Kediaman KESEDAR Putra	32,049	61,225	93,274
Hentian Anjung Paloh	522	25,164	25,686
R&R Jelawang	18,810	20,664	39,474
R&R Kuala Balah	10,032	3,000	13,032
Kedai Bandar Jeli	48,552	68,075	116,627
Wisma Sri Galas	-	15,640	15,640
Kedai KESEDAR Putra 2	-	886	886
Gerai Dataran KESEDAR	25,100	30,965	56,065
Tapak Niaga Dataran KESEDAR	-	5,290	5,290
Kedai PPMS Chin Teck	-	7,524	7,524
Kedai PPMS Tanah Putih	-	2,180	2,180
Tapak menara	257,701	230,356	488,057
Sewaan bangunan pejabat	32,165	32,520	64,685
Tapak RKT	600	7,233	7,833
Tapak Wilayah Gua Musang	-	5,720	5,720
Sewaan lain-lain	39,851	2,578,917	2,618,768
Bayaran balik bil air	679	449	1,128
Hasil sewaan inkubator	27,320	-	27,320
Sewa rumah/kedai RKT	-	600	600
Sewa bangunan/pusat sivik	-	3,075	3,075
Hasil jualan dokumen tender	-	148,087	148,087
Bayaran kembali - RKT	-	101,828	101,828
Polisi insuran	-	144,460	144,460

DANA PENGURUSAN HARTA (SAMB...)

Hasil pelupusan harta	-	52,379	52,379
Deposit elektrik dan air	-	45,320	45,320
Deposit jalan	-	242,746	242,746
Denda dalam tahanan	-	298,218	298,218
Lain-lain pendapatan	-	407,454	407,454
	770,952	4,820,958	5,591,911
Tolak : Perbelanjaan			
Penyelenggaraan harta	-	14,586	14,586
Pelbagai perbelanjaan	-	431,191	431,191
Utiliti	-	7,904	7,904
Jumlah perbelanjaan	-	453,681	453,681
	770,952	4,367,278	5,138,230

31 PINJAMAN KERAJAAN BELUM BAYAR

	KUMPULAN		LEMBAGA	
	2016 RM	2015 RM	2016 RM	2015 RM
Jumlah pinjaman Kerajaan Persekutuan :				
Baki 1 Januari	10,000,000	10,000,000	10,000,000	10,000,000
Tolak : Bayaran dalam tahun	(1,085,278)	-	(1,085,278)	-
Baki 31 Disember	8,914,722	10,000,000	8,914,722	10,000,000

32 PENDAPATAN

	KUMPULAN		LEMBAGA	
	2016 RM	2015 RM	2016 RM	2015 RM
Pemberian kerajaan persekutuan	55,376,100	55,418,600	55,376,100	55,418,600
Sewaan	-	113,014	-	113,014
Faedah simpanan tetap dan simpanan semasa	1,176,098	2,319,874	1,176,098	2,319,874
Pendapatan pelbagai	55,438	636,849	55,438	636,849
Dividen daripada subsidiari	-	-	233,631	-
Pusat Latihan KESEDAR-KISB	1,709,592	1,726,622	-	-
Pendapatan KPSB	74,093,091	78,457,309	-	-
Pendapatan KDSB	15,339,135	6,475,524	-	-
Jualan tiket KTSB	302,038	537,915	-	-
Lain-lain pendapatan	335,440	489,613	-	-
	148,386,932	146,175,320	56,841,267	58,488,337

33 PERBELANJAAN PENTADBIRAN

	KUMPULAN		LEMBAGA	
	2016	2015	2016	2015
	RM	RM	RM	RM
Emolumen	24,556,872	25,230,745	24,556,872	25,230,745
Perkhidmatan dan bekalan	5,395,807	6,557,285	5,395,807	6,557,285
Pemberian dan kenaan bayaran tetap	24,807,895	22,885,411	24,807,895	22,885,411
Lain-lain belanja	353,222	592,371	353,222	592,371
Belanja pentadbiran KTSB	105,156	108,869	-	-
Belanja pentadbiran KISB	568,150	372,591	-	-
Belanja pentadbiran KDSB	1,253,631	1,406,043	-	-
Belanja pentadbiran KPSB	3,544,446	7,181,250	-	-
	60,585,179	64,334,565	55,113,796	55,265,812

34 PERBELANJAAN LAIN

	KUMPULAN		LEMBAGA	
	2016	2015	2016	2015
	RM	RM	RM	RM
Perbelanjaan lain	307,082	119,361	8,627	119,361
Susutnilai dan pelunasan	4,179,995	3,716,664	3,789,265	3,327,186
	4,487,077	3,836,025	3,797,892	3,446,547

35 BILANGAN KAKITANGAN

Bilangan kakitangan Lembaga pada akhir tahun kewangan adalah seramai 515 orang. (2015: 558 orang)

36 CUKAI

Cukai dikira atas anggaran yang rendah kerana Lembaga mendapat pengecualian cukai pendapatan pada kadar 50% mulai tahun 1997.

Lembaga juga mendapat pengecualian cukai berkuatkuasa tahun taksiran 2001 bagi:-

a) Peruntukan Kerajaan Persekutuan/Negeri dalam bentuk geran untuk membiayai perbelanjaan kendalian.
b) Peruntukan Kerajaan Persekutuan/Negeri dalam bentuk geran atau pinjaman untuk membiayai perbelanjaan pembangunan.
c) Apa-apa derma ataupun sumbangan yang diterima.

37 KEBENARAN BAGI TERBITAN PENYATA KEWANGAN

Penyata kewangan Lembaga telah diluluskan untuk diterbitkan oleh Lembaga Pengarah pada 13 JUL 2017.....

38 MATAWANG

Matawang fungsian Syarikat adalah Ringgit Malaysia ("RM"), dimana aktiviti utama jualan dan pembelian adalah dalam RM, perolehan daripada operasi biasanya direkod dalam RM dan dana daripada aktiviti pembiayaan terutamanya dijana dalam RM.



KESEDAR - PENERAJU TRANFROMASI KELATAN SELATAN

KESEDAR
KELANTAN

Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan
Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah
Tel : 09-9132200
Faks : 09-9121211
E-mel : kesgm@kesedar.gov.my
Portal: www.kesedar.gov.my
Twitter : http://twitter.com/Kesedarkklw
Facebook : http://facebook.com/Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan
Instagram : kesedar_kklw